



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Cuti kepada Ahli-ahli—Kebenaran:

Y.B. Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar)

Y.B. Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze
(Padawan)

Y.B. Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun
(Limbawang)

Y.B. Dato Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud
(Santubong)

} [Ruangan 253]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Ruangan 254]

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (HAKMILIK PULAU PINANG DAN MELAKA) (PINDAAN)—MENARIK BALIK [Ruangan 330]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong—Y.B. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap)

[Ruangan 330]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, S.S.A.P. (Merbok).

- Yang Berhormat Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- „ Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pandang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

- Yang Berhormat DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

Yang Berhormat TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 8hb Mac, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mem-
perkerusikan Mesyuarat)*PENGUMUMAN TUAN
YANG DI-PERTUACUTI KEPADA AHLI-AHLI—
KEBENARAN**Y.B. Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar),****Y.B. Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze (Padawan),****Y.B. Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun (Limbawang),****Y.B. Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud (Santubong)**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 (2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Dr Abdul Hadi bin Derani, Ahli Parlimen bagi kawasan Kota Setar dari 6hb Mac hingga 10hb Mac, 1989, Yang Berhormat Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze, Ahli Parlimen bagi kawasan Padawan dari 6hb Mac hingga 24hb Mac, 1989, Yang Berhormat Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun, Ahli Parlimen bagi kawasan Limbawang dari 6hb Mac hingga 24hb Mac, 1989 dan Yang Berhormat Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud, Ahli Parlimen bagi kawasan Santubong dari 6hb Mac hingga 24hb Mac, 1989.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANBANK NEGARA—KEHILANGAN
WANG

1. Tuan Haji Mohamad Sam bin Haji Sallan minta Menteri Kewangan menerangkan bahawa Bank Negara dan Bank Bumiputra Malaysia Berhad, Cawangan Daya Bumi telah dieksploitasi oleh pegawai-pegawai dan orang-orang tertentu yang tidak bertanggungjawab sehingga wang sebanyak \$22.2 million telah disonglapkan. Adakah ini merupakan satu kelemahan kepada sistem bank tersebut. Adakah kelemahan sistem ini telah dikenalpasti dan diperbaiki. Siapakah mereka yang terlibat, tindakan-tindakan Kerajaan yang diambil, berapa ramai yang telah tertangkap dan banyaknya wang yang lesap telah dijumpai dan didapati setakat ini.

7-3-89

13. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimanakah wang sejumlah \$22.2 juta dapat dikeluarkan secara palsu dari Bank Negara. Mengapakah tiada semakan serta merta dijalankan apabila jumlah wang yang begitu besar dipindah keluar dan mengapakah hanya selepas tujuh bulan penipuan ini dikesani; sama ada terdapat keperluan besar bagi Bank Negara untuk memperkukuhkan peranan penyeliaannya terhadap institusi-institusi kewangan, dan mengapakah

Bank Negara tidak menyoal pengeluaran amaun begitu besar wang tunai oleh sebuah cawangan kecil Bank Bumiputra. Sila juga menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memperolehi kembali kehilangan wang ini, serta melindungi semua institusi kewangan dari amalan-amalan seperti ini.

8-3-89

22. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebabnya kehilangan wang sebanyak \$22.2 juta dari Bank Negara baru-baru ini dan kenapa ini dapat berlaku kepada Bank Negara yang kita anggap sebagai bank yang mempunyai kawalan yang rapi. Selepas kejadian ini, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dan Bank Negara supaya perkara ini tidak berlaku lagi. Nyatakan kejayaan yang tercapai setakat ini untuk menahan orang yang terlibat dalam penipuan ini.

9-3-89

7. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar penipuan sebanyak \$22 juta di Bank Negara baru-baru ini merupakan satu kejadian kewangan yang amat memalukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi negara kita dan menerangkan mengapa taraf disiplin kewangan begitu rendah di sebuah institusi yang sepatutnya menjadi pengawas (watchdog) industri bank.

14-3-89

10. Dato' Haji Mohamad Abu Bakar Rautin Ibrahim minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk menjamin peristiwa penipuan di Bank Negara dan Bank-bank swasta tidak berulang lagi untuk meyakinkan orang ramai terhadap institusi-institusi kewangan di dalam negara kita.

15-3-89

36. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Bank Negara untuk mempertahankan bagi mengelak kejadian kehilangan wang sebanyak \$22.2 juta dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap pegawai-pegawai yang telah gagal menjalankan tugas-tugas mereka dengan sempurna di dalam pemindahan beberapa juta ringgit kepada cawangan Bank Bumiputra.

40. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bagaimanakah boleh berlakunya pelepasan wang \$22.2 juta di Bank Negara;
- (b) apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan setakat ini; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang diadakan bagi menjamin kepercayaan masyarakat dan negara terhadap kewibawaan Bank Negara akibat lanjutan peristiwa itu.

16-3-89

17. Dr V. David minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) memandangkan kes kehilangan wang sebanyak \$22.2 juta yang telah ada di bawah penjagaan Bank Negara Malaysia, adakah beliau ingin melantik suatu kumpulan professional yang terdiri daripada pakar-pakar tempatan dan luar negeri, bagi menyasiat perkara ini; dan
- (b) adakah tujuan kumpulan professional ini untuk menentukan jika ada atau tidak kemungkinan kehilangan jumlah wang yang lebih daripada jumlah yang dilaporkan, iaitu \$22.2 juta, dari Bank Negara Malaysia.

27. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Kewangan menyatakan sering sangat Bank-bank dalam negara kita ini kehilangan wang-wang dengan angka yang besar-besar seperti berlaku skandal B.M.F. dan baru-baru ini pula dari Bank Negara lesap dua puluh dua juta dan banyaklah lagi yang berlaku sama ada diketahui atau tidaknya. Perkara-perkara seperti ini tidakkah menyebabkan hilang kepercayaan pelabur-pelabur asing yang ingin melabur di negara kita, dan apakah usaha-usaha Kerajaan untuk menutup dan membendunginya supaya tidak menjejaskan kepercayaan pelabur-pelabur tersebut.

20-3-89

34. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Kewangan menyatakan kenapa dan mengapa kejadian pecah amanah dan penyelewengan di Bank-bank lebih-lebih lagi Bank Negara seringkali berlaku akhir-akhir ini, dan adakah langkah-langkah dan tindakan Kementerian bagi menjamin keutuhan, kewibawaan dan keselamatan Bank-bank lebih-lebih lagi Bank Negara.

22-3-89

2. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Kewangan menyatakan tidakkah ada undang-undang tertentu yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia kepada pegawai-pegawainya sendiri dan Bank-bank serta institusi kewangan yang lain sebagaimana yang berlaku penipuan pengeluaran \$22.2 juta dan juga pengeluaran di Malayan Banking di Lapangan Terbang Subang baru-baru ini dan perkara-perkara seumpama ini berlaku sebelumnya. Kita tidak mahu perkara-perkara dan kelemahan ini berulang lagi dan ini juga menjatuhkan imej institusi kewangan negara ini dipandang oleh negara lain.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pertanyaan atas perkara yang sama telah juga dibangkitkan oleh lebih daripada sepuluh Ahli Yang Berhormat yang lain iaitu:

| Ahli Yang Berhormat dari | Tarikh dijadualkan dijawab pada |
|--------------------------|---------------------------------|
| Sandakan | 7hb Mac, 1989 |
| Bukit Mas | 8hb Mac, 1989 |
| Seremban | 9hb Mac, 1989 |
| Kuala Kedah .. | 14hb Mac, 1989 |
| Batu Gajah | 15hb Mac, 1989 |
| Marang | 15hb Mac, 1989 |
| Puchong | 16hb Mac, 1989 |
| Kuala Nerus .. | 16hb Mac, 1989 |
| Parit | 20hb Mac, 1989 |
| Lembah Pantai .. | 22hb Mac, 1989 |

saya memohon menjawab kesemua soalan-soalan ini serentak pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kes kehilangan wang Bank Negara sebanyak \$22.2 juta baru-baru ini adalah berpunca daripada perbuatan pecah amanah dan perubahatan oleh kakitangan Bank Negara dan kakitangan sebuah bank tempatan. Dalam kes itu, kakitangan Bank Negara yang terlibat telah memalsukan, saya ulangi, telah memalsukan, tandatangan-tandatangan pegawai yang diberikuasa oleh Bank Negara dalam urusan pemindahan wang.

Pemindahan wang daripada Bank Negara kepada bank-bank adalah merupakan amalan biasa dalam urusanniaga pasaran wang, dengan izin, Money Market Transactions. Pemindahan seumpama ini dilakukan setelah dokumen-dokumen mengenai urusanniaga tersebut disahkan dan ditandatangani oleh pegawai-pegawai yang diberikuasa untuk memindahkan

wang tersebut kepada bank-bank yang berkenaan. Dalam kes ini, wang \$22.2 juta telah dipindahkan kepada sebuah cawangan bank tempatan apabila dokumen-dokumen mengenai urusniaga berkenaan didapati mempunyai tandatangan pegawai-pegawai yang diberi kuasa ke atasnya. Pegawai-pegawai yang membuat penyemakan ke atas dokumen-dokumen itu tidak mengesyaki sebarang penipuan kerana tandatangan palsu itu menyerupai tandatangan sah pegawai yang diberi kuasa ke atas perkara itu.

Mengenai pengawasan ke atas pengeluaran wang yang besar di cawangan bank-bank tempatan, pihak Bank Negara tidak berupaya untuk menyemaknya dengan serta merta kerana ia melibatkan lebih 900 buah cawangan bank di dalam negara ini. Tambahan pula Bank Negara telah beberapa kali mengingatkan semua bank perdagangan agar sentiasa mengawasi pengeluaran wang tunai yang besar amaunnya.

Urusniaga pasaran wang di Bank Negara termasuk urusan pemindahan wang dijalankan mengikut sistem serta prosedur yang teratur dan kemas. Sebelum ini ia dipakai tanpa wujud sebarang kelemahan sehingga sistem itu berjaya dipecahkan oleh orang yang diberi kepercayaan ke atasnya dengan cara penipuan. Pihak Bank Negara telah pun melantik sebuah firma perunding antarabangsa untuk mengkaji semula sistem kawalan dalamnya bagi mengenalpasti kelemahan dan memperbaiki sistem yang sedia ada dengan tujuan untuk mengelakkan perkara seumpama ini berlaku lagi di masa-masa hadapan. Perlantikan firma perunding ini juga akan menghapuskan keraguan orang ramai dan para pelabur ke atas kemampuan Bank Negara Malaysia. Bagi institusi-institusi kewangan pula, mereka telah diarahkan supaya menubuhkan Jabatan Audit Dalam ataupun Internal Audit Department, dengan

izin, bagi mengawasi sistem kawalan dalaman mereka. Mereka juga telah diarah supaya menubuhkan Jawatankuasa Audit Pengarah bagi memastikan keberkesanan audit dalam mereka.

Kes seumpama ini memanglah memalukan kita. Bagaimanapun, saya tidak fikir ia boleh menjejaskan imej negara kerana ia berlaku disebabkan oleh penipuan dan bukan kerana kecuaiian atau kesilapan. Ia juga tidak bermakna bahawa taraf disiplin di Bank Negara begitu rendah kerana perkara yang berlaku itu adalah disebabkan oleh kakitangan yang tidak jujur dan mementingkan diri sendiri. Tuan Yang di-Pertua, kita tahu dan faham bahawa tidak ada undang-undang yang benar-benar dapat menyekat manusia dari melakukan kegiatan jenayah, apatah lagi penipuan. Pada akhirnya yang penting ialah penekanan kepada sikap jujur dan bertanggungjawab. Oleh kerana itu Kerajaan sentiasa menganjur supaya rakyat mengamalkan prinsip "Bersih, Cekap dan Amanah".

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkara ini sedang dan masih dalam siasatan pihak Polis. Dengan itu maklumat-maklumat berkaitan dengan bilangan orang yang ditangkap dan jumlah wang yang didapati semula adalah di dalam bidangkuasa pihak Polis dan biarlah pihak Polis menjalankan tugasnya dahulu sebelum kita meminta mereka mengeluarkan sebarang kenyataan.

Tuan Ismail bin Said: Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi bahawa pihak Bank Negara telah pun melantik sebuah firma perunding antarabangsa bagi mengkaji sistem kawalan dalaman dalam Bank Negara. Saya hendak tanya, kenapakah firma perunding antarabangsa mesti dilantik dan berapakah kosnya? Kenapa pihak Bank Negara tidak melantik firma

perunding yang ada dalam negara kita sendiri sedangkan Yang Amat Berhormat kita pun percaya kepada pakar dalam negeri?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Firma perunding yang dilantik iaitu Price Waterhouse & Associates adalah sebuah firma yang dipilih oleh Lembaga Pengarah Bank Negara tersebut atas asas competitive basis (on competitive basis) setelah mendapat sebut harga daripada beberapa firma perunding termasuk firma perunding tempatan. Oleh kerana Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa Price Waterhouse & Associates mungkin telah pun meletakkan satu competitive basis maka ia dipilih atas sebab-sebab yang sedemikian. Saya tidak bertujuan untuk mendalami masalah ini sebab Lembaga Pengarah Bank Negara telah memilih dan mereka sedang menjalankan kerjanya pada masa ini.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejauhmana kemungkinan pemalsuan seumpama ini boleh berlaku di masa hadapan dan setakat mana sekatan boleh dibuat selain daripada usaha melantik firma perunding dari luar negeri?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Sungai Petani kerana membangkit hal ini, tetapi kita mesti ingat bahawa tentu sekali kalau ada tekanan untuk mengubah undang-undang untuk membanteras pemalsuan, saya ingat seperti saya jawab tadi, tidak mungkin sekuat undang-undang mana pun boleh mengurangkan atau membanteranya 100%. Jadi pemalsuan ini adalah satu perkara yang pada saya berlaku bukan sahaja di dalam Bank Negara, tetapi juga di luar bank, termasuk beberapa bank-bank yang lain mengikut kes-kes

yang telah pun kita dengar dan membaca dalam akhbar baru-baru ini ataupun masa-masa yang lampau. Walau bagaimanapun, kita telah pun meminta pihak-pihak yang berkenaan termasuk Bank Negara seperti yang saya jawab tadi menubuhkan jabatan-jabatan tertentu termasuk Jabatan Audit Dalam untuk menentukan bahawa ada check ataupun alert system, dengan izin, supaya mana-mana pihak yang ingin menipu ataupun menimbulkan keraguan di dalam satu dokumen itu, boleh dikesan dengan lebih awal lagi. Insya Allah kalau sekiranya sistem-sistem yang ditimbulkan ini di tempat-tempat yang saya sebut tadi itu terutama dalam bank itu sendiri ataupun dalam institusi kewangan itu sendiri, maka sekurang-kurangnya kita dapat mengenalpasti ataupun ada check alert system, dengan izin, sebelum sebarang niat pemalsuan itu dapat dilaksanakan. Tetapi saya ingin berterus terang, jika sekiranya pemalsuan itu almost perfect, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan besar kita tidak dapat dengan kelemahan-kelemahan manusia mengesan pemalsuan tersebut selain daripada kita bergantung kepada sistem yang ada pada hari ini.

ASEAN—KERJASAMA EKONOMI

2. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil yang telah diperolehi oleh Malaysia khususnya dan ASEAN semenjak Mesyuarat Ketiga Ketua-ketua Negara ASEAN yang diadakan di Manila pada 14 dan 15 Disember 1987 yang mana mesyuarat itu menumpukan ke arah mengukuhkan Kerjasama Ekonomi ASEAN.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, seperti

Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Mesyuarat Ketiga Ketua-ketua Kerajaan ASEAN di Manila pada Disember 1987 telah bersetuju memperkenalkan beberapa inisiatif baru di dalam pelbagai bidang ekonomi bertujuan untuk meningkatkan lagi kerjasama ekonomi di antara negara-negara ASEAN.

Di dalam bidang perdagangan, kemajuan telah dicapai oleh Jawatankuasa ASEAN mengenai Perdagangan dan Pelancongan dalam melaksanakan pembaharuan-pembaharuan ke atas Peraturan Perdagangan Istimewa ASEAN (PTA) atau Preferential Trade Agreement dan Skim Usahasama Perindustrian ASEAN (AIJV) atau ASEAN Industrial Joint Venture, dengan izin. Jawatankuasa tersebut telah melaksanakan rancangan untuk memasukkan barang-barang dari senarai pengecualian ke dalam PTA dan untuk menambahkan kadar potongan keutamaan tarif ke atas barang-barang yang telah disenaraikan di bawah PTA. Perundingan mengenai pemansuhan sekatan-sekatan bukan tarif juga telah bermula. Skim AIJV yang telah diperbaharui dan perjanjian untuk menggalakkan dan melindungi pelaburan di ASEAN akan menggalakkan usahasama-usahasama di kalangan negara-negara anggota dan di antara ASEAN dan pelabur-pelabur asing dan meningkatkan lagi pengaliran pelaburan asing ke rantau ASEAN.

Di dalam bidang kewangan dan urusan bank, pihak swasta daripada negara-negara ASEAN telah menubuhkan "ASEAN Reinsurance Corporation" bertujuan menggalakkan perdagangan intra-ASEAN di dalam bidang perniagaan insurans semula pada bulan Januari, 1989 dengan jumlah modal 30 juta dollar Singapura. Majlis Bank ASEAN telah menubuhkan tabung ASEAN Berhad dalam bulan

November 1988 dan sebanyak US\$150 juta telah diperuntukkan untuk dilaburkan ke dalam syarikat-syarikat yang beroperasi di negara-negara ASEAN. Selain daripada ini, Tabung ini juga akan memberi peluang kepada pelabur-pelabur asing untuk turut menyertai di dalam pembangunan ekonomi ASEAN.

Di dalam bidang pengangkutan pula, tindakan sedang diambil untuk melaksanakan cadangan projek Rangkaian Pengangkutan ASEAN yang melibatkan pengukuhan sistem pengangkutan masa kini dan penubuhan perhubungan jalan-jalan baru, landasan keretapi, perkapalan dan udara.

Pusat Maklumat Pelancongan ASEAN (ASEAN Tourist Information Centre—ATIC) yang baru sahaja ditubuhkan di Kuala Lumpur juga berfungsi untuk menggabungkan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti pelancongan di rantau ini sejajar dengan pengisytiharan tahun 1992 sebagai Tahun Melawat ASEAN.

Dengan perlaksanaan tindakan-tindakan program ekonomi bersama seperti yang tersebut di atas, kita telah dapat menikmati beberapa hasil yang bermanfaat kepada negara kita. Kerjasama ekonomi yang rapat di dalam ASEAN akan dapat mengukuhkan lagi ekonomi ASEAN di masa akan datang. Malaysia yakin bahawa dengan kerjasama ekonomi ini, ASEAN akan dapat mencapai kejayaan yang lebih besar lagi.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, tadi ada disentuh dan saya mengucapkan terima kasih di atas jawapan yang begitu luas yang dapat kita dan rakyat mengetahui. Saya ingin bertanya adakah suatu perbincangan dijalankan berhubung

dengan keadaan matawang di antara negara-negara ASEAN termasuk Indonesia, Filipina, Thailand dan Singapura dan juga Malaysia sendiri serta termasuk Brunei yang lebih lagi kita hendak memberitahu kepada rakyat sekarang ini dan di Parlimen ini juga bertanya berhubung dengan nilai matawang di negara-negara ASEAN?

Tidakkah ada usaha-usaha supaya dapat persefahaman dibuat di antara nilai-nilai matawang itu tidak begitu ketara. Umpamanya, di antara ringgit Singapura dan ringgit Malaysia termasuk juga Baht (Thailand) sekarang sudah meningkat lebih tinggi daripada ringgit Malaysia dan begitu juga nilai Peso di Filipina dan juga Rupiah di Indonesia supaya nilai itu tidak menjadikan rakyat huruhara dan pertengkaran berlaku kadangkala kita dengar di Singapura tentang pertukaran wang ini, kadangkala rakyat di negara itu pula kondem negara kita dengan mengatakan matawang tuan tidak laku dan saya sendiri pun pernah terkena perkara ini oleh penjual-penjual di Singapura dan juga di Bangkok?

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, di masa persidangan Ketua-ketua Kerajaan ASEAN pada Disember, 1987 perkara mengenai matawang tidak dibincangkan.

Untuk mengetahui keadaan masa kini, saya kira soalan tambahan ini patut ditujukan kepada Kementerian Kewangan.

TABUNG GALAKAN MINYAK SAWIT—STRATEGI

3. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) berapa banyak wang yang dikutip oleh Tabung Galakan Minyak Sawit yang memerangi kempen Amerika terhadap minyak sawit;

siapakah yang mentadbirkan Tabung itu dan berapa banyak yang telah digunakan selama ini; dan

- (b) apakah strategi yang digunakan untuk menyerang balas kempen anti minyak sawit Amerika; dalam bidang apakah tabung ini dibelanjakan dan sejauh mana Malaysia berjaya dalam kempennya untuk membanding kempen dan lobi anti minyak sawit.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, kutipan wang untuk Tabung Galakan Pasaran Minyak Kelapasawit telah dimulakan pada 1hb Oktober, 1988 dan sehingga akhir Januari tahun ini (1989), jumlah yang dipungut ialah kira-kira \$3.1 juta. Tabung yang berkenaan pada masa ini adalah ditadbirkan oleh Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapasawit (PORLA) melalui satu Jawatankuasa Galakan Pasaran. Sehingga ini perbelanjaan sejumlah \$1.38 juta telah pun diluluskan oleh Jawatankuasa itu.

Saya ingin menjelaskan bahawa wang yang dikutip untuk tabung Galakan Pasaran Minyak Kelapasawit itu tidaklah semata-mata untuk membanteras kempen anti-minyak kelapasawit akan tetapi adalah untuk merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti untuk memajukan pasaran minyak kelapasawit negara kita.

Strategi yang digunakan untuk membanteras kempen anti-minyak kelapasawit ialah dengan meneruskan lebih giat lagi kajian-kajian terutamanya di Amerika Syarikat, mengenai khasiat minyak kelapasawit kepada manusia dan menyebarkan maklumat-maklumat yang didapati seluas-luasnya kepada pihak-pihak yang berkenaan iaitu pengguna-pengguna, peniaga-peniaga dan pihak

Kerajaan. Ini termasuk melalui iklan-iklan seperti yang telah diterbitkan dalam beberapa akhbar utama di Amerika Syarikat pada awal bulan Februari tahun ini.

Mengenai kejayaan yang dicapai dalam usaha membanteras kempen anti-minyak kelapasawit, pihak Pentadbiran atau Kerajaan Amerika Syarikat telah menyatakan secara terbuka mengenai penentangannya terhadap suatu rang undang-undang untuk melebel minyak kelapasawit sebagai lemak tepu. Sehingga kini, usaha ahli-ahli Kongres dan Senat Amerika Syarikat yang tertentu supaya diwujudkan undang-undang melebel yang bersifat diskriminatif apa yang dipanggil minyak-minyak tropika telah pun gagal. Agensi Pentadbiran Makanan dan Dadah atau "FDA" Amerika Syarikat telah juga diberikan maklumat-maklumat berkenaan dengan minyak kelapasawit dan pertubuhan itu telah pun membantah percubaan untuk memberi gambaran bahawa minyak kelapasawit meningkatkan kolesterol di dalam darah. Dari segi itu minyak kelapasawit kelihatan lebih bertindak sebagai minyak tidak tepu.

Di kalangan pengguna, Persatuan Kacangsoya Amerika atau ASA bersama dengan badan-badan yang menyokongnya terus menggunakan media-massa untuk mencemarkan nama baik minyak kelapasawit dan minyak-minyak tropika lain. Maklumat palsu diedarkan bukan sahaja di Amerika Syarikat tetapi juga di negara-negara lain di dunia ini.

Oleh itu, kita akan meneruskan usaha-usaha membanteras kempen ASA itu dengan menyebarkan maklumat-maklumat sebenarnya mengenai minyak kelapasawit. Dalam pada itu kita juga akan mendedahkan hakikat sebenarnya mengenai minyak kacangsoya yang mempunyai ciri-ciri tertentu yang boleh memudaratkan kesihatan manusia.

Saya merasa yakin bahawa akhirnya aspek kesihatan akan jelas menjadi suatu kelebihan bagi minyak kelapasawit setelah para pengguna lebih arif mengenai perkara ini.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan adakah beliau sedar ada kekeliruan sedang berlaku di antara kalangan pengguna di luar negara kita berkaitan dengan kegunaan minyak kelapasawit dan minyak kelapasawit yang didapati dari kernel ataupun palm oil and palm-kernel oil, dengan izin. Saya dapati palm oil ataupun minyak kelapasawit adalah paling baik untuk kegunaan makanan tetapi palm-kernel oil tidak begitu tepat untuk kegunaan bahan makanan itu. Dengan kekeliruan itu timbul beberapa pihak yang telah membantah untuk menggunakan minyak kelapasawit itu. Saya ingin bertanya apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk menjelaskan perbezaan di antara kedua-dua jenis minyak itu.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, bagi orang-orang yang arif tentang minyak, khususnya minyak kelapasawit tidak seharusnya timbul sebarang kekeliruan mengenai penggunaan minyak kelapasawit dan minyak daripada isirong kelapasawit atau palm-kernel oil, dengan izin, oleh kerana kedua-duanya mempunyai fungsi dan kegunaan yang berbeza. Kita akan terus cuba menjelaskan kepada pengguna-pengguna dan orang ramai, bukan sahaja dalam negara kita, bahkan di luar negeri mengenai perbezaan antara kedua-dua minyak ini dan oleh kerana untuk memberikan pendidikan mengenai sesuatu perkara itu bukanlah suatu perkara yang boleh dibuat dengan singkat, kita tentunya mengambil masa yang panjang untuk menjelaskan perkara ini.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini tentang berapa buah negara yang ada membantu negara Malaysia dalam kempen yang dijalankan oleh negara kita untuk menentang lobi anti-minyaksawit di Amerika Syarikat? Dan di samping itu juga saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang aspek penyelidikan yang saya difahami adalah dijalankan di luar negeri. Saya ingin mendapat tahu sejauh mana aspek ataupun perkara penyelidikan ini telah dijalankan dan bagaimana efektifnya atau berkesan-nya untuk membantu kempen negara kita.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, negara-negara pengeluar minyak kelapa sawit dan juga negara Filipina yang mengeluarkan minyak kelapa adalah bersama-sama dengan Malaysia dalam usaha membanteras kempen yang dijalankan oleh ASA ini melalui berbagai-bagai kegiatan bersama yang telah diaturkan ataupun melalui usaha-usaha persendirian oleh kerana kempen ASA ini, bukan sahaja ditujukan kepada minyak kelapa sawit, tetapi juga ditujukan kepada semua minyak tropika termasuk minyak kelapa.

Mengenai soalan yang kedua, aspek penyelidikan; saya ingin menjelaskan bahawa setakat ini kita telah pun menjalankan lebih daripada satu dozen projek penyelidikan di institusi-institusi penyelidikan dan juga universiti-universiti terkemuka di seluruh dunia, termasuk 6 di Amerika Syarikat sendiri. Setakat ini kita telah mendapat hasil kajian-kajian dan penyelidikan itu telah pun kita perolehi daripada negeri Pakistan, dari negara kita sendiri iaitu oleh Institut Penyelidikan Perubatan dan juga daripada Korea serta satu

daripada Amerika Syarikat. Kita akan terus menyiarkan hasil-hasil maklumat daripada kajian-kajian itu dari satu masa ke satu masa apabila maklumat-maklumat ini sudah dipastikan dan sudah dikeluarkan melalui seminar-seminar dan juga persidangan-persidangan pemakanan dan kesihatan dan lain-lain yang dianjurkan oleh negara-negara luar dan pihak-pihak di luar negeri.

PUSAT PERKHIDMATAN MAKLUMAT PERINDUSTRIAN DAN PERDAGANGAN

4. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bagaimana-kah bentuk dan fungsi Pusat Perkhidmatan Matlumat Perindustrian dan Perdagangan yang disediakan oleh MARA khusus untuk siswazah yang menganggur.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah): Tuan Yang di-Pertua, Pusat Perkhidmatan Maklumat Perindustrian dan Perdagangan ini telah ditubuhkan oleh MARA pada tahun 1988. Antara fungsi pusat itu ialah:

- (1) Menyediakan maklumat mengenai peluang dalam bidang perdagangan dan perindustrian untuk rujukan semua peniaga dan bakal peniaga;
- (2) Menyediakan profail projek-projek yang berpotensi dan boleh diusahakan oleh bumiputra yang berminat untuk melaksanakannya;
- (3) Menyebarkan maklumat mengenai peluang-peluang perniagaan kepada bumiputera yang berminat menerusi pejabat-pejabat MARA di negeri dan daerah.

Perkhidmatan maklumat ini adalah untuk bumiputera termasuklah siswazah yang menganggur. Setakat ini seramai 32 orang siswazah telah mengunjungi pusat ini untuk mendapat maklumat mengenai projek-projek yang sesuai untuk diceburi.

TABUNG HAJI—PEMBINAAN RUMAH KOS RENDAH

5. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob minta Perdana Menteri menyatakan maksud Lembaga Urusan dan Tabung Haji bercadang untuk membina sebuah projek Perumahan Kos Rendah mengikut keperluan Islam, dan apakah pandangan Lembaga Urusan dan Tabung Haji kepada jemaah-jemaah Haji sewaktu di Mekah dan Madinah di tempatkan dalam sebuah bilik yang bersesak-sesak dan bercampur aduk di antara lelaki dan perempuan Ajnabiah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua, cadangan membina sebuah projek perumahan kos rendah mengikut keperluan Islam adalah cadangan projek Syarikat Perumahan dan Pembinaan Tabung Haji dengan menggunakan wang simpanan untuk pelaburan. Masalah penginapan jemaah haji di Mekah dan di Madinah adalah masalah yang lain. Percampuran lelaki dan perempuan Ajnabiah tidak lagi timbul oleh kerana Tabung Haji telah membuat peraturan yang mana jemaah haji Malaysia lelaki dan perempuan ditempatkan di bilik-bilik yang berasingan.

Tuan Haji Mohammed Yusoff bin Abdul Latif: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak syarikat Lembaga Urusan dan Tabung Haji bercadang untuk membina rumah-rumah kos rendah ini mengikut keperluan Islam di setiap negeri di seluruh negara. Jika ya, bilakah agaknya.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman saudara saya Yang Berhormat, syarikat ini daripada masa ke semasa mengkaji rancangan-rancangan yang berkaitan dengan pembinaan perumahan sesuai dengan keadaan. Dan kalau sekiranya keadaan kewangan baik dan pasarannya baik, tidaklah mustahil rancangan ini dilaksanakan di semua negeri.

Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Menteri memberikan penerangan apa yang dimaksudkan dengan perumahan kos rendah mengikut keperluan Islam. Adakah projek-projek perumahan kos rendah yang dijalankan pada masa ini sama ada dijalankan oleh pihak swasta mahupun pihak-pihak Kerajaan ataupun agensi-agensi Kerajaan tidak mengikut konsep keperluan Islam. Dan jikalau tidak, sama ada Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan konsep Islam yang dimaksudkan oleh Menteri tadi.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, boleh kita lihat perkara ini dari dua sudut, iaitu apakah yang dimaksudkan dengan projek perumahan kos rendah dan apakah maksud projek perumahan daripada kacamata Islam.

Definisi bagi projek perumahan kos rendah tentulah subjektif, kalau sekiranya pendapatan kita hari ini secara purata \$300 maka sudah tentu kos rendah adalah orang-orang yang boleh membeli rumah jikalau sekiranya mereka memiliki wang menerusi gaji yang rendah. Ertinya kalau orang yang bergaji \$1,000 maka mereka akan termasuk dalam kategori yang lain. Definisi kos rendah ini pada masa ini didapati berbeza-beza tetapi maksud kita setakat ini ialah orang yang berpendapatan rendah iaitu seperti mereka yang masuk dalam Kategori C ataupun D yang berkhidmat dalam Kerajaan.

Mengenai dengan konsep perumahan dari kacamata Islam, yang dimaksudkan oleh Tabung Haji ialah rumah yang selesa bagi orang Islam tinggal, yang diperlukan oleh mereka ialah seperti ruang-ruang untuk ibadah mereka sesuai dengan arah kiblat dan juga ruang untuk diduduki oleh anak perempuan, anak lelaki dalam keadaan yang sopan dan teratur.

PETRONAS—SIMPANAN TETAP

6. Tuan Hashim bin Safin minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah simpanan tetap PETRONAS sehingga 31hb Disember 1988 sama ada di bank-bank dalam negeri mahupun di bank-bank di luar negeri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Kasitah bin Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa jumlah simpanan tetap PETRONAS sehingga 31-12-88 ialah sebanyak \$13,277,000.00. Daripada jumlah tersebut, sebanyak \$8,553,000.00 disimpan di dalam institusi-institusi kewangan dalam negeri. \$4,146,000.00 dilaburkan dalam saham Kerajaan Malaysia. Manakala yang selebihnya \$578 juta disimpan di luar negeri.

KENAIKAN HARGA BARANGAN

7. Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan tentang di manakah letaknya punca sebenar kenaikan harga barangan keperluan harian sejak akhir-akhir ini dan apakah tindakan Kerajaan supaya perkara ini tidak berterusan yang mana akhirnya rakyat juga jadi mangsa.

9-3-89

4. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri

Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apakah sebab-sebab harga banyak barang-barang makanan telah meningkat naik sejak kebelakangan ini sehingga ada setengah barang harganya telah meningkat lebih 50% dalam masa satu dua bulan ini; dan
- (b) apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah harga barang selain daripada Yang Berhormat Menteri sendiri memberi nasihat kepada pengguna-pengguna untuk memulaukan barang-barang yang berkenaan.

10-3-89

38. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebab yang membawa kepada kenaikan harga bagi barang-barang keperluan di negara ini dan langkah-langkah yang diambil untuk mengawal kenaikan tersebut.

13-3-89

29. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bahawa memandangkan seruan beliau untuk memulaukan barangan-barangan yang tidak begitu perlu oleh kerana kenaikan besar ke atas harga-harga barangan tersebut, sama ada Kementerian beliau akan memberi bimbingan kepada pengguna-pengguna dengan mengenalpasti barangan-barangan yang tidak begitu perlu yang tertentu yang harus dipulaukan oleh pengguna-pengguna disebabkan oleh kenaikan harga-harga yang tidak berpatutan dan selain dari seruan untuk memulaukan ini, apakah langkah-langkah yang lain yang telah diambil oleh Kementerian beliau bagi memastikan bahawa harga-harga barangan tersebut tidak dinaikkan dengan tidak berpatutan.

15-3-89

7. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sebutkan faktor-faktor menyebabkan kenaikan harga barangan tempatan;
- (b) apakah tindakan Kementeriannya telah dan akan diambil terhadap barang-barang yang bukan keperluan asasi (Essential items) dari kenaikan harga; dan
- (c) sejauh manakah kesan positif atas seruan tindakan BOIKOT atau pulaukan barang-barang keperluan yang dinaikkan harga sewenang-wenangnya.

16-3-89

18. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada seruan beliau supaya suri-suri rumah memulaukan barang-barang penting yang harganya melambung tinggi telah disahut. Jika tidak, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementeriaan bagi memastikan agar mereka yang tidak bertanggungjawab menaikkan harga barang-barang keperluan itu dapat dikesan dan seterusnya diambil tindakan yang wajar. Dan sama ada pihak Kementeriaan bercadang untuk memperketatkan lagi undang-undang serta peraturan-peraturan yang ada bagi menghukum lebih berat mereka yang sewenang-wenangnya menaikkan harga barang-barang.

38. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah usaha dan langkah yang telah dibuat untuk mencegah peniaga-peniaga menaikkan harga barang-barang keperluan rakyat dengan sewenang-wenangnya. Berapakah kes-kes tangkapan yang telah dilakukan mengenainya.

17-3-89

28. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa berlakunya kenaikan harga barang-barang keperluan harian, sama ada barangan kawalan atau tidak secara sewenang-wenangnya oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab dan sangat lambat baru dapat dikesan, kenapakah terjadi sedemikian rupa. Bagaimana wibawa Bahagian Pengangkutan dalam menghadapi kes seperti ini.

21-3-89

41. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan hari ini harga kebanyakan barang-barang keperluan asas seperti barangan makanan telah melambung naik; adakah ini ada kena mengena dengan kenaikan gaji dan adakah kenaikan harga barang-barang yang tersebut suatu yang dikehendaki oleh Kerajaan.

23-3-89

8. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapa bahan-bahan binaan asasi seperti simen, besi kayu papan, cat dan lain-lain menaikkan harganya sehingga tidak terkawal, akan menambah kos pembinaan rumah-rumah berharga murah. Apakah langkah diambil oleh Kerajaan untuk menjamin kenaikan kos itu tidak menambah beban kepada pembeli-pembeli berpendapatan rendah.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada sepuluh soalan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat atas perkara yang sama, maka saya pohon

izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh:

Y.B. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim pada 9-3-89;

Y.B. Tuan Samson Chin Chee Tsu pada 10-3-89;

Y.B. Tuan Teoh Teik Huat pada 13-3-89;

Y.B. Tuan Lau Dak Kee pada 15-3-89 dan 23-3-89;

Y.B. Datuk Haji Sakaran bin Dandai pada 16-3-89;

Y.B. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad pada 16-3-89;

Y.B. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib pada 17-3-89;

Y.B. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan pada 21-3-89.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Kok Wee Kiat: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang telah disediakan ini adalah merupakan satu jawapan yang panjang. Ini diperbuat bagi membolehkan satu penerangan yang lengkap diberikan supaya semua pihak dapat mengetahui mengenai perkara ini serta tindakan-tindakan yang dijalankan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berapa minit yang dikatakan memakan masa yang panjang itu?

Dato' Kok Wee Kiat: Saya harap sampai habis, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sampai habis?

Dato' Kok Wee Kiat: Oh! berapa minit, ya?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Kok Wee Kiat: Jawapan ada lima muka semuanya.

Tuan Yang di-Pertua: Lima muka? Kalau begitu, bolehkah Yang Berhormat memberi jawapan itu secara bertulis?

Dato' Kok Wee Kiat: Baiklah, terima kasih.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia beri jawapan secara bertulis. Macam mana Yang Berhormat hendak tanya? (*Ketawa*)

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Mungkin boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Mana boleh, kita tidak tahu apa dia akan kata dalam jawapan itu. (*Ketawa*)

(*Jawapan bertulis kepada Pertanyaan No. 7 adalah diberi di bawah ini*).

Dato' Kok Wee Kiat: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga barang-barang turun naik dari semasa ke semasa disebabkan oleh pengaruh bekalan dan permintaan yang berubah-ubah mengikut musim. Kenaikan kos-kos bahan mentah, pengangkutan serta bahan-bahan pembungkusan dan kenaikan nilai mata wang negara-negara pembekal juga menjadi faktor-faktor terhadap kenaikan harga barang-barang ini. Sungguhpun kos-kos ini telah naik begitu tinggi namun kenaikan harga barang-barang pada keseluruhannya adalah didapati munasabah dan berpatutan. Kerajaan akan memastikan supaya kenaikan kos-kos ini diserapkan seberapa yang boleh oleh pengilang-pengilang dan pengedar-pengedar dan jika tidak boleh, kesan-kenaikan kepada pengguna-pengguna akan dipastikan ketahap yang minimum. Kenaikan harga barang-barang ini tidak ada kena mengena dengan kenaikan gaji kakitangan-kakitangan awam dan

swasta baru-baru ini dan juga bukanlah sesuatu yang dikehendaki oleh Kerajaan. Namun demikian, memang ada peniaga-peniaga yang sememangnya cuba mengaut keuntungan berlebihan dan menaikkan harga apabila mereka tahu bahawa kakitangan Kerajaan akan mendapat tunggakan gaji.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan baru-baru ini menyeru supaya para pengguna terutamanya suri-suri rumah memulaukan barang-barang yang tidak perlu seperti barang-barang makanan dalam tin yang harganya naik ketahap yang tidak berpatutan dan tidak munasabah. Saranan ini bukanlah bermaksud memulaukan pembelian semua barang-barang termasuk barang-barang keperluan, tetapi apa yang diharapkan ialah supaya pengguna-pengguna bijak mencari alternatif kepada barangan yang telah naik harganya atau mengurangkan penggunaan sesuatu barangan berkenaan. Kerajaan berharap agar pengguna-pengguna menyambut cadangan ini dengan positif demi untuk kebaikan mereka.

Bagi barang-barang yang amat perlu seperti beras, gula, tepung gandum, bahan-bahan petroleum, simen dan besi, Kerajaan telah menetapkan harganya dan sebarang kenaikan harga, mestilah mendapat kebenaran Kerajaan terlebih dahulu. Siasatan menunjukkan bahawa barang-barang ini dijual dengan harga yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Bagi barang-barang lain, Kerajaan tidaklah menetapkan harganya. Sungguhpun harga barang-barang ini tidak ditetapkan oleh Kerajaan, harga barang-barang ini wajib diletakkan tandaharga di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1977. Buat masa ini sebanyak 111 jenis barang-barang wajib diletakkan tandaharga. Di samping itu sebanyak 20 jenis barang-

barang perlu telah diisytiharkan sebagai barang-barang kawalan tetap dan 25 jenis lagi sebagai barang-barang kawalan di musim perayaan dengan tujuan untuk memastikan bekalan barang-barang ini mencukupi dan senang didapati di pasaran dan juga untuk mencegah sebarang aktiviti penyorokan dan penyelewengan bagi maksud spekulasi. Dengan adanya bekalan barang-barang yang mencukupi di pasaran, secara tidak langsung harga barang-barang ini dapat distabilkan.

Kerajaan akan terus menjalankan pemeriksaan dan pengawasan untuk memastikan bekalan barang-barang perlu ini mencukupi dan harganya diletakkan mengikut Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1977 dan sebarang penyelewengan akan diambil tindakan yang tegas. Dengan adanya tindakan terus menerus sepanjang masa ini, adalah didapati bekalan barang-barang perlu mencukupi dan harganya pada keseluruhannya stabil dan berada diparas yang berpatutan dan munasabah. Kerajaan juga telah mempertingkatkan pemeriksaan terhadap peniaga-peniaga. Pemeriksaan besar-besaran ini telah dilancarkan mulai pada 2 Januari 1989. Semenjak pemeriksaan besar-besaran ini dilancarkan sehingga 28 Februari 1989 sebanyak 20,142 premis-premis perniagaan, pasar-pasar raya, pasar-pasar malam dan sebagainya telah diperiksa dan telah menghasilkan 190 kes pekedai-pekedai yang tidak meletakkan tandaharga dan 32 kes peniaga-peniaga yang melakukan berbagai penyelewengan ke atas barang-barang kawalan. Nilai barang-barang yang dirampas dianggarkan kira-kira \$113,663.08. Para peniaga yang terlibat akan dihadapkan ke Mahkamah tidak berapa lama lagi.

Perlu ditegaskan di sini bahawa peranan Kerajaan sahaja adalah tidak mencukupi untuk memerangi kenaikan harga barang-barang.

Pengguna-pengguna juga mestilah mengambil peranan yang sama dengan mengamalkan sikap jimat cermat dan hanya membeli barang-barang yang difikirkan perlu sahaja dan memulaukan barang-barang yang tidak perlu. Cara ini adalah sebaik-baik cara untuk mengurangkan kesan inflasi dan kenaikan harga barang-barang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedia ada telah memperuntukan hukuman-hukuman yang berat ke atas orang-orang yang melakukan kesalahan. Namun begitu Kerajaan sentiasa mengkaji undang-undang dan peraturan-peraturan ini dari semasa ke semasa dan jika perlu akan meminda peruntukan-peruntukan yang didapati tidak begitu berkesan untuk memerangi penyelewengan-penyelewengan ini.

BANK PUSAT KERJASAMA (CCB)—KERUGIAN KEWANGAN

8. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab mengapa Kementerian telah gagal untuk mengawas (monitor) dan mengawal aktiviti-aktiviti Bank Pusat Kerjasama (CCB) sebelum ia membebankan kerugian kewangan yang besar.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, CCB adalah sebuah bank koperasi yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1948. Dengan itu ia tidaklah terletak di bawah jagaan dan kelolaan Kementerian Kewangan. CCB mengalami masalah kewangan yang teruk disebabkan oleh kegagalan dan kelemahan di pihak CCB sendiri untuk mentadbir dan mengurus hal ehwalnya sebagaimana yang dikehendaki oleh Undang-undang Kecilnya.

Bank Negara Malaysia mengambilalih kawalan ke atas perniagaan CCB di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Perlindungan kepada Pendeposit-pendeposit) 1986 pada 7hb Januari 1988 setelah mendapati CCB tidak berupaya atau berkemungkinan menjadi tidak berupaya untuk membayar balik semua tanggungan deposit kepada pendeposit-pendepositnya. Di antara sebab-sebab yang nyata yang membawa kerugian besar kepada CCB ialah termasuk perkara-perkara berikut, iaitu:

- (i) pinjaman dikeluarkan untuk tujuan spekulasi;
- (ii) membenarkan pinjaman-pinjaman yang besar tanpa mengenakan had kepada orang-orang perseorangan;
- (iii) menumpukan pemberian pinjaman yang lebih kepada sektor hartanah;
- (iv) penilaian permohonan pinjaman serta cagaran pinjaman yang lemah;
- (v) gagal memastikan pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan dibayar balik mengikut jadual yang ditetapkan.

Oleh kerana kerugian yang dialami oleh CCB timbul berikutan daripada kegagalan CCB mentadbirkan hal ehwal operasinya mengikut Undang-undang Kecilnya, kegagalan Kementerian Kewangan mengawasi aktiviti-aktiviti CCB adalah tidak timbul atas sebab-sebab yang telah saya jelaskan tadi. Walau bagaimanapun, semenjak diambilalih oleh Bank Negara beberapa tindakan telah dan sedang diambil untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh CCB demi untuk menjaga kepentingan pendeposit-pendeposit termasuk meletakkan CCB di bawah receivership, dengan izin, dan tindakan mahkamah telah dan akan juga diambil untuk mendakwa mereka yang bertanggungjawab dalam penyelewengan pengurusan CCB.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, setakat ini berapa banyakkah wang yang telah disumbangkan yang terpaksa dibelanjakan oleh Bank Negara untuk mengambil dan mengawal CCB ini.

Kedua, apakah justifikasi kerana ia menjadi satu perbualan di kalangan rakyat, apakah justifikasi Bank Negara meletakkan CCB di bawah receivership. Apakah benar ianya bertujuan untuk menenggelamkan dua peminjam besar CCB ini yang kalau boleh saya sebutkan namanya iaitu Vincent Tan dan juga Datuk Low Lai Seng. Apakah justifikasi dan apakah ini benar dan laporan terbaru mengatakan bahawa kedua-dua orang ini telah pun mula membayar wang pinjaman mereka kepada CCB.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, maklumat mengenai soalan yang pertama tidak ada pada saya. Jadi saya minta izin untuk menjawab terus kepada Yang Berhormat dari Kuala Terengganu secara bertulis.

Berkenaan soalan yang kedua, sudah pun saya jawab dalam soalan saya tadi. Tujuan besar Bank Negara untuk meletakkan ataupun mengambil sebarang tindakan mahkamah termasuk meletakkan CCB di bawah receivership adalah untuk menjaga kepentingan pendeposit-pendeposit. Jika timbul sebarang prasangka ataupun salah faham yang telah pun disiarkan dalam akhbar atau media massa, ini mungkin adalah, dengan izin, the natural consequence of that action.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengenai satu deposit yang disimpan oleh Kerajaan kepada CCB pada tahun 1986, kalau tidak salah saya, yang berjumlah puluhan juta

ringgit dan berdasarkan dengan alasan-alasan yang diberi oleh Yang Berhormat tadi berkenaan dengan mengapa CCB ini diletakkan di bawah receivership, masalah-masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu bukan baru wujud. Saya percaya masalah-masalah berkenaan CCB ini telah wujud lama. Mengapa pada tahun 1986 Kerajaan masih meletakkan puluhan juta ringgit kepada CCB dan saya ingin tahu apakah telah terjadi dengan wang rakyat yang puluhan juta ringgit itu?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah pun saya katakan tadi, sebelum Bank Negara mengambil alih pentadbiran CCB ianya tidak terletak di bawah pentadbiran Kementerian Kewangan. Jadi banyak maklumat-maklumat yang masih kita kumpul untuk menentukan kedudukan yang sebenarnya. Walau bagaimanapun, untuk soalan yang kedua iaitu soalan deposit Kerajaan, saya dengan ikhlas mengatakan di sini bahawa saya tiada butir-butir lanjut di sini dan saya minta izin supaya menjawab terus kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan pendek sahaja tetapi penting. Daripada senarai orang-orang yang telah disenarai berhutang dengan CCB saya tengok lebih kurang 30 orang telah ditahan pasport antarabangsanya. Mengapa yang dua orang ataupun dua ekor ini tidak ditahan pasport antarabangsanya, di antaranya ialah Vincent Tan. Adakah dia kawan baik kepada seseorang ataupun atas sebab-sebab lain atau adakah sebab dia Pengarah Sports Toto ataupun apakah sebab-sebab yang pasportnya tidak ditahan, (*Tepuk*) saya tidak perlukan sokongan. (*Ketawa*) Kalau Yang Berhormat tak boleh jawab, kata rahsia, sila jawab macam itu cukuplah, jadi boleh kita dapat pandangan. Saya ingat yang lain itu tak dapat diberi

alasan yang lain daripada yang ada sekarang, iaitu tidak ada sebab mengapa mereka ini tidak ditahan pasport antarabangnya. Kita pernah terdapat kes Raja Khalid dahulu, kita sampai tahan di bawah ISA untuk hendak disiasat, tetapi yang kedua-dua orang ini berlepas ke luar negeri dengan bebas dari semasa ke semasa.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, maklumat juga tidak ada pada saya berkenaan sebab-sebab, jadi saya minta izin untuk menjawab terus kepada Yang Berhormat secara bertulis.

JALAN RAYA BEAUFORT— KUALA PENYU/MENUMBOK

9. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah kerja pembinaan jalan raya di antara Beaufort ke Kuala Penyu dan Menumbok akan dimulakan. Adakah beliau sedar bahawa jalan raya tersebut telah bertambah rosak dan keadaannya boleh membahayakan pengguna jalan raya.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa jalan raya di antara Beaufort ke Kuala Penyu dan Menumbok pada masa ini mengalami kerosakan kerana ianya dibina daripada tanah dan batu kelikir sahaja. Sehingga ke hari ini, Kerajaan telah pun membelanjakan sejumlah lebih kurang \$5 juta bagi memperbaiki kerosakan-kerosakan jalan tersebut. Kerajaan sememangnya mempunyai rancangan untuk mempertingkatkan jalan tersebut di masa akan datang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini proses melaksanakan rekabentuk terperinci jalan itu sedang dilakukan oleh pihak jurupunding. Adalah dijangka pembinaan jalan ini keseluruhan dapat dimulakan sebaik-baik sahaja peruntukan yang mencukupi diperolehi.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Keadaan jalan raya Beaufort-Kuala Penyu dan Menumbok menjadi buruk, lebih buruk setakat ini. Adakah Kementerian Kerjaraya sedar bahawa kontraktor yang dipertanggungjawabkan untuk memperbaiki jalan raya tersebut tidak mempunyai loji-loji yang lengkap, oleh kerana itu pembaikan jalan raya tidak berjalan dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon jasa baik Yang Berhormat Menteri Kerjaraya untuk mengulangkaji perkara ini serta tindakan yang wajar untuk pembaikan jalan raya seterusnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang itu bukan pertanyaan tambahan, (*Ketawa*) yang itu minta pertolongan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat daripada dahulu sampai sekarang, daripada sebelum jadi Ahli Parlimen sampai sekarang kawan-kawan saya daripada Sabah dan Sarawak menghadapi masalah infrastruktur yang meluas, saya amat bersimpati. Apakah Yang Berhormat boleh memikirkan cara-cara yang kita buat kepada UE, kita swastakan masalah yang dihadapi berhubung dengan infrastruktur di Sabah dan Sarawak ini, dengan itu kita dapat memberi tumpuan kepada pembangunan-pembangunan yang lain, sebab kita lihat daripada masa ke masa perkara-perkara yang spesifik ditanya kerana mereka menghadapi masalah yang penting. Itu yang penting. Yang lain-lain itu ialah merupakan masalah sampingan. Itu soalan saya.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya sendiri pun simpati sahaja atas mereka tetapi Kementerian Kewangan tidak simpati atas sayalah (*Ketawa*), oleh kerana itu

saya tidak boleh menjalankan apa-apa projek apabila sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat bertanya atas projek itu. Walau bagaimanapun, untuk menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat, setakat ini kita telah membelanjakan lebih dari \$5.1 juta untuk memperbaiki jalan itu. Mengikuti dengan traffic survey telah dijalankan oleh Kementerian saya, kita sudah menghantar beberapa laporan, laporan itu meminta Kementerian Kewangan untuk memperuntukkan sekurang-kurangnya \$51 juta untuk menjalankan projek. Ini telah ditetapkan selepas saya buat lawatan di tempat itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita terima lebih kurang \$6 juta setakat ini. Saya dapat aduan daripada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga daripada Kerajaan Negeri Sabah. Atas permintaan Kementerian saya, saya dapat tahu \$42 juta telah ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Keenam, ini nampak jauh juga. Walau bagaimanapun, saya boleh juga dalam lawatan sekali lagi ke Sabah penghujung bulan ini akan membangkit isu ini kepada Jemaah Menteri untuk mendapat sedikit timbangan khas untuk kawasan itu.

BANDUAN MENJALANI HUKUMAN SEUMUR HIDUP

10. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan orang dalam negeri yang kini menjalani hukuman bagi seumur hidup mereka. Adakah Kerajaan bercadang memansuhkan undang-undang yang membenarkan seumur hidup sebagai hukuman memandangkan hukuman tersebut adalah seperti mengalami "kehidupan mati".

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, pada tanggal 4hb Mac 1989 terdapat seramai 376 orang banduan yang sedang menjalani

hukuman penjara seumur hidup (20 tahun) dan 91 orang banduan yang sedang menjalani hukuman penjara seumur hayat (natural life) di seluruh penjara Malaysia.

Pada masa ini Kerajaan belum bercadang untuk memansuhkan undang-undang yang mengenakan hukuman-hukuman tersebut. Bagaimanapun, pihak Kementerian Dalam Negeri sedang mengkaji secara terperinci tentang hukuman penjara seumur hayat (natural life).

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jumlah mereka yang dikenakan hukuman seumur hidup dan seumur hayat ini adakah Kerajaan bercadang untuk mengemukakan cadangan bagi mana-mana mereka yang ditahan ini untuk diberi pengampunan di atas kelakuan baik ataupun di atas lain-lain sebab terutama mereka yang berjasa kepada negara dahulu seperti Dato Mokhtar Hashim yang sedang menjalani hukuman sekarang ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini berjalan dari semasa ke semasa. Kadangkala ada pihak-pihak yang ketiga yang menjalankan usaha-usaha tersebut dan ada juga pihak keluarga sendiri menjalankan tindakan-tindakan yang seperti ini yang dicakapkan oleh Yang Berhormat itu.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, bolehkah saya dapat tahu rasional dan justifikasi undang-undang di mana ada hukuman seumur hayat (natural life), justifikasi untuk ada undang-undang seperti itu dalam negara ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya seringkali mengadakan lawatan ke penjara-penjara dan menemui banduan-banduan yang sedang menghadapi hukuman seumur hayat ini dan

daripada perjumpaan dan perbincangan dengan pihak penjara itulah sebabnya pihak Kementerian Dalam Negeri sedang mengkaji secara terperinci tentang masalah ini dan apabila kajian ini telah dibuat dengan baik dan mendapat keputusan, perkara ini akan diberitahu kepada Yang Berhormat sekalian.

SYARIKAT SENDIRIAN BERHAD YANG BERDAFTAR

11. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah syarikat sendirian berhad yang berdaftar dengan Pendaftar Syarikat, wujud di negara ini. Dari jumlah tersebut berapa peratuskah pula yang membayar cukai. Apakah langkah-langkah positif yang akan diambil bagi mengatasi syarikat-syarikat yang mengelak dari membayar cukai.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, setakat 10hb Februari 1989, sebanyak 180,552 buah Syarikat Sendirian Berhad telah didaftarkan di Pejabat Pendaftar Syarikat. Perangkaan mengenai bilangan Syarikat Sendirian Berhad yang membayar cukai tidaklah dapat diperolehi serta-merta. Walau bagaimanapun, bilangan fail syarikat yang telah pun didaftarkan di Jabatan Hasil Dalam Negeri setakat 31hb Disember 1988 adalah sebanyak 161,491 buah dan daripada jumlah ini sebanyak 117,920 Borang Penyata telah pun dikeluarkan. Pada 31hb Januari 1989, sebanyak 70% ataupun 82,725 kes telah diselesaikan di mana sebanyak 16,326 syarikat telah dikenakan cukai.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa mengambil langkah yang positif terhadap pembayar cukai yang mengelak daripada membayar cukai ataupun yang tidak mematuhi peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967. Secara amnya jika penyata dan akaun tidak dikemukakan, notis

secara rasmi akan dikeluarkan dan mereka yang lalai akan didakwa di mahkamah.

Jika penyata dan akaun yang diterima adalah dipercayai palsu, atau maklumat yang diterima menunjukkan pengelakan cukai, kes-kes seumpama ini akan diambil perhatian untuk penyiasatan. Dalam kes-kes yang berkenaan, pengarah syarikat yang terlibat juga disiasat. Jika syarikat gagal membayar cukai yang ditaksir, tindakan mahkamah akan diambil.

TRANS PERAK TAMBAHAN— UBAHSUAI SISTEM PARIT

12. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Pertanian menyatakan kemajuan kerja yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Jabatan Parit dan Taliair di kawasan Trans Perak Tambahan 1 dan di Bota/Lambor.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kerja-kerja mengubahsuai dan memperbaiki sistem parit dan taliair serta jalan-jalan ladang di Projek Seberang Perak Peringkat 1 dan kawasan Tambahan sedang dilaksanakan. Peruntukan sebanyak \$1 juta telah diluluskan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima untuk projek ini. Pada tahun 1988, sejumlah \$200,000 telah pun dibelanjakan untuk kerja-kerja memperbaiki jalan-jalan ladang sejauh 6 kilometer dan membina titian baru sejumlah 20 buah.

Satu tawaran juga telah dipanggil pada penghujung tahun 1988 untuk kerja-kerja menyediakan jalan-jalan ladang bagi semua taliair dan parit besar Bakong. Selain daripada itu kerja-kerja perancangan serta penyediaan rekabentuk bagi sistem taliair dan struktur kawalan untuk menggantikan taliair-taliair yang sedia

ada tetapi telah uzur dan juga taliair-taliir pembahagi serta dua buah kawalan hujung, end control, dengan izin, sedang dijalankan. Peruntukan sebanyak \$500,000 telah diluluskan untuk melaksanakan kerja-kerja pada tahun 1989.

Bagi Rancangan Taliir Bota/Lambor pula, kerja-kerja pembinaan beberapa jalan ladang serta menggantikan 14 titian telah dilaksanakan pada tahun 1988 dan sejumlah \$179,000 telah pun dibelanjakan untuk kerja-kerja tersebut. Satu lagi kerja kontrak bernilai \$814,594.00 yang sedang dalam pelaksanaan ialah membina semula terusan besar serta struktur-struktur kawalan dan kerja-kerja ini dijangka siap akhir tahun ini. Sementara itu kerja-kerja perancangan dan rekabentuk terperinci untuk sistem taliair kawasan Teluk Bakong sedang disediakan dan proses pengambilan balik tanah sedang diuruskan oleh Pejabat Tanah.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya percaya bahawa Kementerian Pertanian telah menjalankan usaha yang begitu gigih untuk membuat pembangunan pertanian di kawasan ini. Soalan yang pertama, berapa luaskah kawasan ini yang telah dibangunkan termasuk kawasan Bukit Chawi untuk dijadikan kawasan pengeluaran padi dan berapakah hasil pengeluaran padi yang kita jangka setelah selesai rancangan ini dibuat.

Kedua, sudahkah Kementerian Pertanian ataupun Jabatan Parit dan Taliir menjangka bahawa akan terdapat kekurangan bekalan air bagi membekalkan air di kawasan yang telah disebutkan ini dan apakah rancangan yang dilakukan untuk mengatasi masalah kekurangan air bagi membekalkan air di sawah-sawah tersebut. Terima kasih.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, berhubung

dengan soalan yang pertama tentang keluasan, kalau tidak silap saya ianya adalah seluas 2,655 hektar. Berhubung dengan soalan kekurangan bekalan air, mengikut perancangan yang difikirkan pada masa ini, jikalau projek ini dapat dilaksanakan dengan sempurna, maka kekurangan air, tidak akan timbul. Tetapi satu sahaja masalah yang saya terpaksa nyatakan kepada Yang Berhormat pada hari ini, bahawa tanah di sini, 50% daripadanya adalah merupakan tanah gambut. Tanah yang benar-benar bermasalah. Tanah ini, apabila tibanya musim kemarau, ia seolah-olah, akan turun. Ini masalah yang dihadapi, dan apakala turun, maka segala infrastruktur yang kita wujudkan akan tergantung, begitu sahaja. Apabila datangnya banjir ataupun musim hujan, maka kawasan itu akan menjadi kawasan banjir. Inilah masalah-masalah yang kita hadapi berhubung dengan kawasan-kawasan yang saya sebut, sekejap tadi. Mengenai hasil pengeluaran padi, ini bergantung kepada keadaan taliair itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 51 adalah diberi di bawah ini).

INDUSTRI KAMPUNG

13. Tuan Mohd. Yussof bin Haji Abdul Latiff minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sehingga kini berapa banyakkah permohonan Industri Kampung yang telah diterima di seluruh negara dan berapakah yang telah diluluskan bagi setiap negeri di Malaysia dan adakah prestasinya memuaskan.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Sejak Program Industri Kampung diwujudkan dalam tahun 1982, Kementerian Pembangunan Negara

dan Luar Bandar telah menerima sebanyak 3,500 permohonan dan daripada jumlah itu sebanyak 1669 (iaitu 48%) telah diluluskan mengikut pecahan negeri seperti berikut:

(i) Johor—

| | |
|---------------------------|------------|
| Perseorangan | 187 |
| Berkelompok | 31 |
| Koperasi Industri Kampung | 0 |
| Pusat Gunasama | 0 |
| Jumlah | <u>218</u> |

(ii) Kedah—

| | |
|---------------------------|------------|
| Perseorangan | 69 |
| Berkelompok | 71 |
| Koperasi Industri Kampung | 1 |
| Pusat Gunasama | 0 |
| Jumlah | <u>141</u> |

(iii) Kelantan—

| | |
|---------------------------|------------|
| Perseorangan | 32 |
| Berkelompok | 32 |
| Koperasi Industri Kampung | 5 |
| Pusat Gunasama | 0 |
| Jumlah | <u>119</u> |

(iv) Melaka—

| | |
|---------------------------|------------|
| Perseorangan | 83 |
| Berkelompok | 29 |
| Koperasi Industri Kampung | 1 |
| Pusat Gunasama | 0 |
| Jumlah | <u>113</u> |

(v) Negeri Sembilan—

| | |
|---------------------------|-----------|
| Perseorangan | 65 |
| Berkelompok | 20 |
| Koperasi Industri Kampung | 2 |
| Pusat Gunasama | 1 |
| Jumlah | <u>88</u> |

(vi) Pahang—

| | |
|---------------------------|------------|
| Perseorangan | 84 |
| Berkelompok | 15 |
| Koperasi Industri Kampung | 4 |
| Pusat Gunasama | 1 |
| Jumlah | <u>104</u> |

(vii) Pulau Pinang—

| | |
|---------------------------|------------|
| Perseorangan | 99 |
| Berkelompok | 22 |
| Koperasi Industri Kampung | 2 |
| Pusat Gunasama | 0 |
| Jumlah | <u>123</u> |

(viii) Perak—

| | |
|---------------------------|------------|
| Perseorangan | 174 |
| Berkelompok | 22 |
| Koperasi Industri Kampung | 6 |
| Pusat Gunasama | 2 |
| Jumlah | <u>204</u> |

(ix) Perlis—

| | |
|---------------------------|-----------|
| Perseorangan | 34 |
| Berkelompok | 16 |
| Koperasi Industri Kampung | 1 |
| Pusat Gunasama | 0 |
| Jumlah | <u>51</u> |

(x) Selangor—

| | |
|---------------------------|------------|
| Perseorangan | 99 |
| Berkelompok | 52 |
| Koperasi Industri Kampung | 1 |
| Pusat Gunasama | 0 |
| Jumlah | <u>152</u> |

(xi) Terengganu—

| | |
|---------------------------|------------|
| Perseorangan | 214 |
| Berkelompok | 23 |
| Koperasi Industri Kampung | 10 |
| Pusat Gunasama | 1 |
| Jumlah | <u>248</u> |

(xii) Sabah—

| | |
|---------------------------|-----------|
| Perseorangan | 54 |
| Berkelompok | 9 |
| Koperasi Industri Kampung | 0 |
| Pusat Gunasama | 1 |
| Jumlah | <u>64</u> |

(xiii) Sarawak—

| | |
|---------------------------|-----------|
| Perseorangan | 18 |
| Berkelompok | 2 |
| Koperasi Industri Kampung | 0 |
| Pusat Gunasama | 1 |
| Jumlah | <u>21</u> |

| | |
|----------------------------|-------|
| (xiv) Wilayah Persekutuan— | |
| Perseorangan | 13 |
| Berkelompok | 10 |
| Koperasi Industri Kampung | 0 |
| Pusat Gunasama | 0 |
| | — |
| Jumlah | 23 |
| | — |
| JUMLAH BESAR | 1,669 |
| | — |

Daripada jumlah projek yang diluluskan di atas, 39% adalah dalam industri perabot, 36% makanan, 15% kraftangan dan 10% industri-industri lain.

1.2 Prestasi Projek

Hasil dari pelaksanaan program ini sebanyak 9,220 Bumiputra telah memperolehi pekerjaan secara langsung sama ada sebagai pemilik atau pekerja. Dalam kajian rambang dan maklumbalas yang diperolehi lebih kurang 80% daripada mereka yang menerima bantuan telah mencapai kejayaan dengan pengukuran dibuat dari segi:

- (i) pengeluaran/kuantiti bertambah;
- (ii) mutu/kualiti meningkat;
- (iii) pemasaran lebih luas dan terjamin;
- (iv) pendapatan pengusaha bertambah;
- (v) pengusaha menjalankan tugas secara sepenuh masa.

GETAH CELUP—LESEN MENGILANG

14. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan-bilangan lesen-lesen bagi mengilang barangan getah celup seperti sarung-sarung tangan pembedahan dan kondom-kondom dan menyatakan selanjutnya berapakah bilangan dari kilang-kilang yang telah memulakan

operasi dan berapakah bilangan lesen-lesen yang ditarik balik kerana gagal memulakan operasi dalam jangka masa yang ditentukan.

Dato' Kok Wee Kiat: Kementerian saya telah meluluskan sebanyak 600 projek (yang dilesen dan yang dikecualikan daripada lesen tetapi diluluskan dengan galakan) bagi sektor kecil barangan getah celup setakat 31-12-1988, dengan pecahan seperti berikut:

| | |
|--|-----|
| Sarong tangan pemeriksaan | 456 |
| (examination gloves) | |
| Sarong tangan kegunaan rumah | 88 |
| (household gloves) | |
| Sarong tangan pembedahan (surgical gloves) | 14 |
| Kondom | 12 |
| Natural Latex thread | 16 |
| Others (seperti balloons, swimming caps dll) | 14 |

Daripada jumlah ini bilangan projek yang telah beroperasi ialah 80 projek untuk sarong tangan pemeriksaan, 3 projek sarong tangan pembedahan, 15 projek "household gloves", 4 projek kondom dan 2 projek natural latex thread.

Sebanyak 20 Lesen Pengilang bagi projek di bawah sektor kecil barangan celupan getah ini telah ditarik balik dan kira-kira 100 Lesen Pengilang lagi sedang disiasat untuk tindakan pembatalan.

PELANCONG KE MALAYSIA

15. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan jumlah pelancong ke negara kita dan dari negara manakah yang paling ramai sekali. Sekiranya ada yang sakit dan ia ke Hospital Kerajaan adakah dikenakan bayaran atau percuma, dan adakah kadarnya sama seperti rakyat Negara sendiri. Bagi pelancong-pelancong yang mati dalam Negara Malaysia adakah mayat-mayat mereka dihantar pulang ke negaranya atau boleh dikebumikan di sini dan apakah syarat-syaratnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman): Seramai 3,374,433 orang pelancong dianggar telah mengunjungi Semenanjung Malaysia pada tahun 1988. Angka ketibaan ini merupakan pertambahan sebanyak 7.3% berbanding dengan ketibaan tahun 1987 iaitu sebanyak 3,146,226 orang.

Negara Singapura merupakan pasaran yang menyumbangkan bilangan pelancong yang paling ramai, iaitu seramai 2,305,898 orang pelancong pada tahun 1988. Jumlah ini adalah berdasarkan pelawat Singapura yang bermalam di Malaysia bagi sekurang-kurangnya 24 jam.

Sekiranya ada pelancong-pelancong yang sakit maka, caj rawatan yang dikenakan di hospital Kerajaan adalah mengikut Perintah Fee (Perubatan) 1982. Caj-caj dalam Perintah Fee (Perubatan) itu tidak mengasingkan pesakit sama ada mereka rakyat negara atau bukan rakyat Malaysia.

Bagi Pelancong-pelancong yang mati di Malaysia, mayat-mayat mereka akan dihantar pulang ke negaranya ataupun dikedumikan di sini mengikut permintaan pihak yang berkenaan sama ada waris yang terdekat atau Duta/Konsulat negara berkenaan.

AKTA PEKERJAAN 1955— MEMPERLUASKAN

16. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Buruh menyatakan memandangkan kepada kenyataan Timbalan Menteri Buruh, Y.B. Encik Kalakau Untol baru-baru ini bahawa Undang-undang Buruh di kedua-dua Sabah dan Sarawak akan digubal pada tahun ini yang akan memasukkan

kesemua faedah bagi Akta Pekerjaan 1955 yang telah terlewat. Se jauh manakah kedua-dua negeri tersebut setelah menyertai Malaysia sejak 25 tahun yang lalu sekarang berhak untuk menyimpan soal-soal buruh dan penghijrahan (Labour and Immigration) seperti yang terkandung di dalam Laporan Jawatankuasa antara Kerajaan.

Menteri Buruh (Tuan Lee Kim Sai): Memang benar bahawa Kementerian Buruh berhasrat untuk meminda Ordinan Buruh Sabah (Cap 67) dan Ordinan Buruh Sarawak (Cap 76) dengan tujuan untuk memperluas dan menambah faedah-faedah minima pekerjaan yang bersesuaian seperti terkandung dalam Akta Kerja 1955 ke Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak. Kelewatan dalam meminda kedua-dua undang-undang tersebut adalah kerana Kementerian Buruh perlu menyelesaikan pindaan kepada Akta Kerja 1955 terlebih dahulu. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pindaan kepada Akta Kerja hanya selesai dilakukan pada akhir tahun 1988. Buat masa ini Kementerian Buruh sedang mengadakan kajian yang lebih mendalam untuk menentukan faedah-faedah yang harus diserapkan ke dalam Ordinan Buruh Sabah dan Ordinan Buruh Sarawak dengan mengambil kira faktor-faktor khas seperti keadaan ekonomi, sosial dan politik negeri-negeri itu.

Bahagian kedua pertanyaan yang dikemukakan itu adalah kurang jelas maksudnya. Walau bagaimanapun saya ingin memaklumkan bahawa hal ehwal buruh adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan seperti termaktub dalam Jadual Ke-9 Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu soal kuasa Negeri Sabah dan Sarawak ke atas perkara perburuhan termasuk penghijrahan buruh tidak berbangkit.

**PILIHANRAYA KECIL—
PENGLIBATAN AGENSI
KERAJAAN**

17. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauh manakah penglibatan agensi-agensi Kerajaan seperti Jabatan Penerangan, Biro Tatanegara, Kemas, Pejabat-pejabat Daerah dan lain-lain dalam membantu calon Barisan Nasional dalam tiga pilihanraya kecil di Johor Baharu, Parit Raja dan Ampang Jaya baru-baru ini;
- (b) adakah Kerajaan bersetuju bahawa pemimpin-pemimpin Kerajaan telah banyak melakukan penyelewengan dalam kempen pilihanraya kecil itu khususnya di Ampang Jaya seperti adanya poster calon Barisan Nasional yang memuatkan gambar Menteri Besar Selangor, adanya berbagai pengumuman dan tawaran yang dibuat oleh Menteri Besar Selangor. Adakah Kerajaan berhajat meminta Pengerusi Jawatan-kuasa Kabinet mengenai penyelewengan membuat kajian tentang penyelewengan Kerajaan dan pemimpinnya dalam kempen pilihanraya kecil Ampang Jaya itu.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, agensi-agensi Kerajaan tidak membantu mana-mana calon-calon yang bertanding di dalam pilihanraya. Bagi setengah Jabatan Kerajaan mereka merupakan agensi pembangunan masyarakat dan penerangan yang bertanggung-jawab menyebarkan penerangan yang sejelas-jelasnya kepada masyarakat mengenai dasar-dasar Kerajaan supaya mereka

tidak mudah terpesong dengan tindak tanduk golongan yang dengan sengaja memutar belitkan dasar-dasar Kerajaan yang telah ditetapkan. Penerangan sedemikian perlu diberikan kepada setiap individu termasuklah masyarakat di Johor Baharu, Parit Raja dan Ampang Jaya.

- (b) Tidak ada peraturan khusus mengenai poster yang digunakan dalam pilihanraya. Kempen menerusi poster adalah salah satu daripada cara memancing undi dan calon-calon adalah bebas untuk menggunakan poster selagi ianya tidak bertentangan dengan mana-mana undang-undang termasuk undang-undang Polis dan sebagainya berkaitan dengan penggunaan poster atau sepanduk.

**KEBAKARAN DISEBABKAN
PERMAINAN MERCUN/BUNGA
API**

18. Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sebagaimana dilaporkan bahawa kes-kes kebakaran di hari-hari perayaan, seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina dan lain-lain adalah disebabkan oleh permainan mercun dan bunga api, sepanjang musim Perayaan Tahun Baru Cina baru-baru ini, berapakah jumlah kes kebakaran yang berlaku dan apakah langkah dan tindakan Kerajaan terhadap permainan bunga api dan mercun ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerjaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Bilangan kejadian kebakaran yang disebabkan oleh permainan mercun dan bunga api sepanjang musim Perayaan Tahun Baru Cina pada tahun 1989 adalah sebanyak 290 kejadian.

Sebelum Perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Puasa atau lain-lain perayaan, Jabatan Bomba telah mengadakan kempen menerusi media masa seperti akhbar, radio dan ceramah-ceramah bagi menyedarkan orang ramai tentang bahaya kebakaran yang mungkin timbul akibat permainan bunga api dan mercun-tanpa kawalan. Orang ramai juga diberi maklumat tentang langkah-langkah keselamatan yang diambil semasa bermain mercun.

MAKANAN BERACUN— KEMATIAN

19. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) masalah keracunan yang berlaku di Perak baru-baru ini yang melibatkan beberapa orang kanak-kanak mati akibat dari memakan mee;
- (b) bagaimana pula kes yang berlaku di Johor baru-baru ini yang menyebabkan 17 orang yang memakan jagung terpaksa dirawat di hospital; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mengelakkan masalah-masalah tersebut.

Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun): Saya minta izin untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Marang bersama dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang memandangkan kedua-dua pertanyaan ini adalah lebihkurang sama maksudnya.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kes keracunan makanan yang berlaku di Perak pada bulan Oktober 1988 yang mengakibatkan kematian 13 orang kanak-kanak telah pun dapat dikawal dengan baik. Siasatan menunjukkan bahawa semua

mangsa telah memakan mee "Loh See Fun". Pemeriksaan mangsa juga telah mengenalpastikan sejenis bahan toksik yang bernama aflatoxin. Tindakan sewajarnya telah pun diambil dan sehingga hari ini tiada kes yang serupa berlaku di negara kita.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, sejumlah 69 kejadian keracunan makanan yang melibatkan 2219 orang telah dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan dalam tahun 1988. Dalam tahun 1989 sehingga akhir bulan Februari sebanyak 21 kejadian keracunan makanan yang melibatkan 826 orang telah dilaporkan. Dari mangsa-mangsa kejadian keracunan makanan ini sebanyak 59.8% adalah murid-murid sekolah dan 40.2% orang dewasa.

'67'

Mengenai kes keracunan makanan yang berlaku di Johor pada bulan Januari 1989, yang menyebabkan 17 orang yang memakan jagung terpaksa dirawat di hospital, ianya juga telah dikawal dengan baiknya. Kes keracunan ini telah berlaku akibat dari memakan jagung yang baru disembur dengan racun serangga yang bernama "methamidophos". Kesemua mangsa keracunan makanan ini telah pun sembuh dan berkerja seperti biasa setelah menerima rawatan di Hospital Besar Sultanah Aminah Johor Bahru.

Berhubung dengan sebab-sebab bertambahnya bilangan kes keracunan makanan di seluruh negara seperti yang dilaporkan dalam media massa baru-baru ini, ingin saya maklumkan bahawa daripada siasatan yang telah dijalankan punca keracunan ialah disebabkan makanan yang telah dicemari oleh kuman (61.1%), kimia (19.4%), racun semulajadi dalam tumbuh-tumbuhan seperti cendawan, ubi kayu dan kulat (16.7%). Keracunan juga berlaku disebabkan hasil makanan laut seperti kerang dan kepah yang tercemar (2.8%).

Kebanyakan keracunan makanan ini telah berlaku kerana pengendali-pengendali makanan tidak mengamalkan kebersihan diri, keadaan sanitasi yang tidak memuaskan serta pengendalian dan penyimpanan makanan yang tidak memuaskan.

Untuk mengatasi masalah keracunan makanan ini Kementerian Kesihatan ada mempunyai dua strategi iaitu pelajaran kesihatan dan penguatkuasaan undang-undang. Kementerian Kesihatan telah dan sedang bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan Persatuan-persatuan Pengguna untuk memberi maklumat serta pendidikan kesihatan kepada murid-murid sekolah dan juga orang ramai. Kakitangan Kementerian Kesihatan juga ada memberi pendidikan kesihatan kepada orang ramai di pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik seluruh negara.

Dari segi penguatkuasaan undang-undang tertentu seperti Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 ianya memang sentiasa dijalankan dengan ketatnya oleh Penguasa-Penguasa Tempatan dan Kementerian Kesihatan. Bagaimanapun, penguatkuasaan ini akan lebih dikedatkan lagi oleh pihak-pihak Penguasa Tempatan dan Kementerian Kesihatan.

SUKAN NEGARA—PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT

20. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah rancangan dan pelaksanaan Kementerian dalam menyediakan bakat-bakat muda untuk mempertingkatkan prestasi dan mutu sukan negara. Adakah projek khas yang dianjurkan bersama oleh Majlis Sukan Negara dan Kementerian Pendidikan merupakan satu daripada program tersebut.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan): Bagi menyediakan bakat-bakat muda untuk diketengahkan, Kerajaan melalui

Majlis Sukan Negara dengan kerjasama Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia telah melaksanakan program Pembangunan Bakat di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan. Di peringkat permulaan sebanyak 4 jenis sukan dikenalpasti untuk dilaksanakan iaitu bolasepak, badminton, tenis dan olahraga.

Program Pembangunan Bakat merupakan suatu program pembangunan sukan yang bersepadu yang dihasilkan melalui kesedaran betapa pentingnya pengembelian tenaga dan peranan yang "complementary" antara MSN/MSSM dan beberapa Persatuan Sukan Kebangsaan. Murid-murid sekolah yang berumur 12 tahun ke atas akan dipilih dan diberi latihan dan pendidikan dari peringkat daerah, negeri dan kebangsaan, dan mereka akan diletakkan di beberapa buah sekolah bakat yang telah dikenalpasti.

Program Bakat ini dilaksanakan berdasarkan kepada konsep jurulatih dan atlit berada di bawah satu bumbung iaitu dengan cara menjadikan sekolah yang sebahagian besarnya mempunyai asrama sebagai pusat latihan sepanjang tahun. Program ini melibatkan murid-murid sekolah yang berbakat dari daerah-daerah yang berkenaan dan seterusnya akan dilatih oleh guru-guru yang terlatih sebagai jurulatih di samping mengambil berat terhadap pelajaran atlit-atlit tersebut dari masa ke semasa.

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$1.6 juta iaitu sebanyak \$271,000.00 bagi bolasepak, \$273,000.00 bagi badminton, sebanyak \$298,000.00 bagi olahraga dan sebanyak \$244,000.00 bagi sukan tenis. Di samping itu lebih kurang \$509,000.00 lagi diperuntukkan untuk pertandingan ujian kemahiran antara pusat-pusat di peringkat negeri yang dijalankan semasa kem tahunan yang akan diadakan pada bulan Oktober 1989. Peruntukan ini ialah peruntukan

yang di luluskan oleh Kerajaan kepada MSN di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Di bawah Program Pembangunan Bakat ini, penekanan akan dibuat melalui dua corak iaitu latihan dan pendedahan yang sistematik dalam bidang sukan masing-masing dan latihan untuk membentuk disiplin dan semangat kenegaraan yang utuh serta nilai perjuangan untuk menjadikan mereka bangsa yang bermaruah.

ELAUN SARA HIDUP PELAJAR DI LUAR NEGERI

21. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah pihak Kementerian akan mengkaji elaun sara hidup pelajar-pelajar yang belajar di seberang laut dan diselaraskan pemberian elaun tersebut tanpa mengira tempat.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan yang dikemukakan adalah kurang jelas. Saya tidak pasti sama ada Ahli Yang Berhormat berkehendakkan penyelarasan pemberian elaun sara hidup itu diseragamkan bagi semua tempat pengajian tinggi di luar negeri dalam sesebuah negara atau diseragamkan di antara negara-negara di luar negeri.

Walau bagaimanapun, saya suka menjelaskan bahawa Kerajaan dari semasa ke semasa sememangnya mengkaji Elaun Sara Hidup Biasiswa Persekutuan pelajar-pelajar di seberang laut.

Kajian ini dilaksanakan melalui pengumpulan maklumat-maklumat kos sara hidup di sesuatu negara, kawasan atau bandar yang akan dipertimbangkan. Berdasarkan kepada kajian-kajian yang dibuat itu didapati kos sara hidup adalah berbeza-beza di antara satu negara dengan negara lain. Malah kos seperti di Amerika Syarikat dan lain-lain negara juga berbeza-beza di antara satu kawasan atau bandaraya dengan satu kawasan atau bandaraya yang lain. Oleh hal yang demikian Elaun Sara Hidup yang ditetapkan berbeza di antara kawasan atau bandaraya yang berkaitan.

Supaya lebih memberikan keadilan kepada pelajar-pelajar, Kerajaan akan terus mengkaji kedudukan Elaun Sara Hidup pelajar tajaan Kerajaan di seberang laut dan jika didapati terdapat justifikasi maka Kerajaan akan mempertimbangkan kenaikan kadar Elaun Sara Hidup tertakluk kepada keupayaan kewangan negara.

Jika hasil kajian yang dijalankan juga menunjukkan bahawa penyelarasan perlu dibuat, maka Kerajaan akan mempertingkatkan.

KADAR KENAIKAN KOS SARA HIDUP DI UNITED KINGDOM DAN AUSTRALIA

| <i>Negara/ Bandar</i> | <i>Tahun Kuatkuasa</i> | <i>Kursus/Ijazah</i> | <i>Kadar Kenaikan % atau \$</i> |
|-------------------------------------|----------------------------|----------------------|-------------------------------------|
| United Kingdom | 1-9-1989 | Semua Kursus | 20%-27% |
| Australia (Sydney dan Melbourne) | 1-1-1982 | A. Pra Universiti | \$364 (Ringgit Australia) |
| | | Ijazah I | \$391 (Ringgit Australia) |
| | | Ijazah Lanjutan | \$418 (Ringgit Australia) |
| Australia (Lain-lain Kawasan) | 1-1-1982 | B. Pra Universiti | \$303 (Ringgit Australia) |
| | | Ijazah I | \$326 (Ringgit Australia) |
| | | Ijazah Lanjutan | \$348 (Ringgit Australia) |

(Soalan No. 22. Sila lihat jawapan No. 1)

GURU SANDARAN/SEMENTARA YANG DIBERHENTIKAN

23. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah bilangan guru sandaran/ sementara yang terpaksa diberhentikan kerja akibat daripada berkuatkuasanya syarat pengambilan guru sementara iaitu mesti lulus dalam Bahasa Malaysia dengan Empat (4) kredit dalam SPM, di Sarawak tahun ini dan sama ada Kerajaan sedar bahawa ada di antara guru-guru tersebut telah berkhidmat selama beberapa tahun, tetapi terpaksa ditamatkan perkhidmatan akibat daripada berkuatkuasanya syarat-syarat ini. Apakah rancangan Kerajaan kepada mangsa-mangsa undang-undang ini dan sama ada Kerajaan akan memberi prioriti kepada orang-orang ini ke Maktab-maktab Latihan Perguruan di seluruh negara.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1988, Kementerian Pendidikan telah menamatkan perkhidmatan seramai 1,184 orang guru sandaran/ sementara tidak terlatih di Sarawak. Kementerian Pendidikan memang sedar akan perkara ini. Oleh itu semua guru sandaran/ sementara tidak terlatih di Sarawak yang telah diberhentikan boleh memohon untuk masuk ke Program Kursus Perguruan Asas Dalam Cuti (KDC) dan syarat-syarat yang telah dilonggarkan seperti berikut:

- (i) Lulus Bahasa Malaysia pada peringkat SPM/MCE/SPVM dan lulus ujian lisan.
- (ii) Dua kepujian lagi dalam mana-mana mata pelajaran lain di peringkat SPM/MCE/SPVM.

- (iii) Mereka yang mempunyai kelayakan seperti tersebut di atas dan telah mengajar lebih dari dua tahun dikecualikan daripada mengambil ujian Kelayakan Latihan Perguruan (UKELP) dan terus dipanggil temuduga sekiranya mereka memohon.

PROTON SAGA—TEMPAHAN LUAR NEGERI

24. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Perdana Menteri menyatakan negara-negara selain dari United Kingdom yang membuat tempahan untuk membeli Kereta Proton Saga dan jumlah anggaran eksport-eksportnya untuk tahun 1989 dan akhir 1990.

Datuk Kasitah bin Gaddam: Negara-negara yang membuat tempahan untuk membeli kereta Proton Saga selain daripada United Kingdom berserta dengan anggaran jumlah unit tempahan untuk tahun 1989 dan 1990 adalah seperti berikut:

Anggaran Permintaan (Unit)

| Negara | 1989 | 1990 | Jumlah |
|----------------------|------|------|--------|
| 1. Bangladesh | 60 | 60 | 120 |
| 2. Brunei Darussalam | 80 | 80 | 160 |
| 3. New Zealand | 275 | 275 | 550 |
| 4. Malta | 60 | 60 | 120 |
| 5. Sri Lanka | 60 | 60 | 120 |
| 6. Eire | 420 | 500 | 920 |
| 7. Jamaica | 110 | 110 | 220 |
| 8. Hong Kong | 180 | 180 | 360 |
| 9. Singapura | 210 | 210 | 420 |

JUMLAH . . . 1,455 1,535 2,990

PENJAMIN KEPADA PINJAMAN PERNIAGAAN

25. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan tidakkah Kerajaan

bercadang untuk menyemak semula dan seterusnya meminta peraturan-peraturan yang berkaitan dengan risiko yang terpaksa dipikul oleh pihak penjamin dalam sesuatu pinjaman terutama sekali pinjaman yang berkaitan dengan perniagaan (pinjaman daripada bank-bank dan badan kewangan swasta) bagi tujuan menjalankan perniagaan. Tidakkah Kerajaan bercadang mengambil tindakan yang berkesan kepada pihak peminjam itu sendiri terlebih dahulu sebelum mengambil tindakan ke atas pihak penjamin (yang biasanya tidak terlibat dengan usaha perniagaan itu dan kadang-kadang menjadi mangsa bagi ketidakjujuran pihak peminjam yang sering didapati hidup di dalam keadaan mewah tetapi tidak mahu membayar pinjaman itu kerana diisytiharkan muflis).

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk menyemak semula atau meminda peraturan-peraturan yang berkaitan dengan risiko yang terpaksa dipikul oleh pihak penjamin di dalam sesuatu pinjaman, terutama sekali pinjaman yang berkaitan dengan perniagaan kerana peraturan-peraturan yang sedia ada dirasakan sudah lengkap dan mencukupi untuk menjaga kepentingan semua pihak yang terlibat.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, apabila seorang penjamin menandatangani satu dokumen pinjaman beliau terikat dengan syarat-syarat yang ternyata dalam perjanjian tersebut yang di antara lain menyatakan dengan lengkap tanggungjawabnya sebagai penjamin. Dengan menandatangani perjanjian tersebut, seseorang penjamin dianggap telah faham dan bersetuju dengan isi kandungan perjanjian itu termasuk risiko yang akan ditanggungnya sekiranya peminjam tidak berupaya membayar pinjamannya.

Apabila sesuatu pinjaman itu tidak dibayar, institusi kewangan berhak mengambil tindakan undang-undang terhadap peminjam atau penjamin atau kedua-duanya kerana tanggungjawab penjamin adalah sama seperti tanggungjawab seorang peminjam.

PENDAFTARAN PEMILIH

26. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak membuka peluang pendaftaran pengundi sepanjang tahun tanpa menghadkan tempoh tertentu seperti sekarang ini dan bila masanya akan bermula.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Suruhanjaya Pilihanraya sedang menyiapkan undang-undang berkaitan dengan pendaftaran pemilih. Undang-undang ini adalah bertujuan untuk menggantikan dengan undang-undang yang ada sekarang bagi membolehkan pendaftaran pemilih dijalankan sepanjang tahun. Kerajaan akan memberi pertimbangan sewajarnya setelah rang undang-undang itu dikemukakan kepada pihak Kerajaan untuk kelulusan.

TAHANAN ISA

27. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tarikh kali terakhir Lembaga Penasihat bersidang untuk mengkaji Perintah Tahanan ISA yang dikenakan atas Y.B. Lim Kit Siang, Y.B. Karpal Singh, Y.B. P. Pato, Y.B. Lau Dak Kee dan Y.B. Lim Guan Eng dan apakah cadangan lembaga itu bagi setiap tahanan tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tarikh kali terakhir Lembaga Penasihat bersidang untuk mengkaji Perintah Tahanan di bawah Akta

Keselamatan Dalam Negeri 1960 bagi penama-penama berikut ialah:

- (1) Y.B. Tuan Lim Kit Siang pada 28-11-1988
- (2) Y.B. Tuan Karpal Singh a/l Ram Singh pada 24-11-1988
- (3) Y.B. Tuan P. Patto pada 29-11-1988
- (4) Y.B. Tuan Lau Dak Kee pada 28-11-1988
- (5) Y.B. Tuan Lim Guan Eng pada 28-11-1988

Lembaga Penasihat mencadangkan supaya mereka terus ditahan.

PESAKIT DI HOSPITAL KERAJAAN

28. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kesihatan menyatakan garis panduan bagi pesakit-pesakit yang dirawat di Hospital Kerajaan dapat dikecualikan separuh bayaran atau semua bayaran di Wad Kelas Satu, Dua dan Tiga dan terangkan jumlah bayaran Hospital yang belum dijelaskan dari bekas pesakit dan keluarga kakitangan Kerajaan dan bukan kakitangan Kerajaan, sejak 1986 hingga 1988.

Dato' Chan Siang Sun: Untuk makluman Yang Berhormat di bawah Perintah Fee (Perubatan) 1982 hanya pesakit Kelas Tiga sahaja yang boleh diberi pengecualian bayaran oleh Ketua Hospital atau wakilnya di atas permohonan yang dikemukakan. Kementerian Kesihatan telah menyediakan garis panduan bagi pengecualian bayaran berasaskan kepada faktor-faktor seperti berikut:

- (i) Jumlah pendapatan.
- (ii) Bilangan tanggungan.
- (iii) Temuduga dengan pemohon.
- (iv) Surat sokongan dari pihak yang boleh diterima, jika ada. Adalah terpulang kepada budibicara Ketua Hospital atau wakilnya untuk menentukan jumlah pengecualian yang boleh diberikan.

Mengenai jumlah bayaran hospital rekod tunggakan yang disimpan secara manual tidak dibahagikan kepada kumpulan kakitangan Kerajaan dan bukan Kerajaan. Rekod tunggakan adalah disimpan mengikut amaun setiap bil yang dikeluarkan dan bukan mengikut pekerjaan pesakit itu.

Kedudukan tunggakan bayaran secara jumlah adalah seperti berikut:

| Tahun | Jumlah | |
|---------|-----------------|-----------------|
| 1988 .. | \$35,600,000.00 | Anggaran |
| 1987 .. | \$31,720,039.64 | Sebenar diaudit |
| 1986 .. | \$26,625,629.00 | Sebenar diaudit |

BAHASA PERANCIS SEBAGAI BAHASA KETIGA

29. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Pendidikan memberi alasan-alasan, kenapa bahasa Perancis diistiharkan oleh Kementerian sebagai bahasa ketiga yang disyorkan untuk penuntut-penuntut sekolah menengah dan bukan bahasa Mandarin yang dituturkan oleh billion umat manusia di dunia ini ataupun bahasa Jepun selaras dengan dasar "pandang ke timur" Kerajaan. Bukankah ia lebih memanfaatkan negara kita jika bahasa Mandarin diistiharkan sebagai bahasa ketiga untuk murid-murid Sekolah Menengah menggantikan bahasa Perancis memandangkan hakikatnya bahawa bahasa Mandarin dituturkan oleh ramai orang di negara kita.

Dr Leo Micheal Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam sistem pendidikan, Bahasa Malaysia ialah bahasa pengantar utama dan Bahasa Inggeris diajar sebagai bahasa kedua. Selaras dengan Akta Pelajaran 1961, Bahasa Cina (Mandarin) dan bahasa Tamil merupakan bahasa-bahasa ibunda.

Kemudahan-kemudahan disediakan oleh Kementerian Pendidikan untuk memberi peluang kepada pelajar-

pelajar Cina dan India mempelajari bahasa ibunda mereka. Dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), kelas-kelas Bahasa Cina dan Bahasa Tamil dibuka juga kepada pelajar-pelajar lain.

Di samping bahasa-bahasa di atas, Kementerian Pendidikan menggalakkan pelajar-pelajar mempelajari bahasa ketiga. Bahasa ketiga dipilih oleh kerana kedudukan negara-negara tersebut terutamanya kemajuan yang dicapai dalam bidang sains dan teknologi serta faedah yang boleh dimanfaatkan oleh negara kita. Berdasarkan kriteria ini, Kementerian Pendidikan telah memilih bahasa-bahasa Perancis, Jepun dan Arab sebagai bahasa ketiga.

**Y.B. KARPAL SINGH/P. PATTO/
LAU DAK KEE—SYARAT
SEKATAN**

30. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada syarat-syarat yang dikenakan ke atas Y.B. Karpal Singh, Y.B. P. Patto dan Y.B. Lau Dak Kee berniat untuk memusnahkan masa hadapan politik mereka. Jika tidak, kenapa syarat-syarat itu dikenakan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Adalah tidak benar syarat-syarat sekatan di bawah Seksyen 10, Penggantungan Perintah Tahanan, Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 (Semakan 1972) yang dikeluarkan kepada Y.B. Encik Karpal Singh, Y.B. Encik P. Patto dan Y.B. Encik Lau Dak Kee bertujuan politik tetapi ianya dikeluarkan di atas kepentingan keselamatan.

**SENI MEMPERTAHANKAN
DIRI—LATIHAN**

31. Tuan Hu Sepang minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab mengapa kakitangan Jabatan Hasil Dalam Negeri terpaksa mempelajari

silat ekoran pengumuman Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Sukalah saya menegaskan di sini bahawa kakitangan Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak dipaksa mempelajari seni mempertahankan diri ekoran pengumuman Timbalan Menteri Kewangan. Penyertaan mereka adalah secara sukarela dan latihan pula dijalankan selepas waktu pejabat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, apa yang dinyatakan dalam ucapan YB Timbalan Menteri Kewangan di Majlis penyampaian peralatan Unit Bergerak dan sijil tamat latihan asas seni mempertahankan diri Pancang XII pada 5 Disember 1988 adalah seperti berikut:

“Kerajaan juga percaya otak cergas pada badan yang cergas akan meningkatkan lagi produktiviti; maka program seni mempertahankan diri Pancang XII memainkan peranan penting terhadap pemupukan keharmonian fizikal dan mental. Saya berharap lebih ramai lagi anggota Jabatan Hasil Dalam Negeri akan menyertai Pancang XII ini”.

Daripada keterangan di atas adalah jelas bahawa kakitangan Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak dipaksa mempelajari seni mempertahankan diri dan penyertaan mereka adalah secara sukarela sahaja.

(Soalan No. 32. Sila lihat jawapan No. 8 pada 7-3-89)

(Soalan No. 33. Sila lihat jawapan No. 13 pada 7-3-89)

**LOTERI KEBAJIKAN
MASYARAKAT**

34. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar tentang merebaknya loteri-loteri seperti Loteri Kebajikan Masyarakat dan loteri-loteri di

peringkat negeri yang diusahakan di Sabah dan satu lagi dirancang untuk Negeri Perak yang mana perkara ini dipandang berat, dan sama ada telah menjadi dasar untuk mengadakan loteri peringkat negeri di setiap negeri.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini hanya terdapat dua (2) jenis loteri yang dibenarkan beroperasi di Semenanjung Malaysia iaitu loteri yang dianjurkan oleh Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan dan satu lagi "Sweepstake" anjuran Kelab-Kelab Lumba Kuda. Kedua-dua jenis loteri tersebut dianjurkan mengikut peruntukan undang-undang yang berasaskan iaitu Social and Welfare Services Lotteries Board Act, 1950-1961 (Untuk Loteri Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan) dan Racing Club (Public Sweepstake Act) 1965 (untuk "Sweepstake" anjuran Kelab-kelab Lumba Kuda). Kedua-dua Akta tersebut berkuatkuasa hanya di Semenanjung Malaysia sahaja.

Mengenai penganjuran loteri di peringkat negeri-negeri di Semenanjung, kuasa memberi lesen ialah Kerajaan Persekutuan dan bukan Kerajaan Negeri. Oleh itu soal Negeri Perak menganjurkan loteri peringkat negeri tidak timbul. Kerajaan tidak ada dasar bagi setiap negeri mengeluarkan lesen untuk menganjurkan loteri di peringkat negeri.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini ordinan-ordinan loteri dan perjudian di Sabah dan Sarawak membolehkan negeri-negeri tersebut meluluskan kegiatan judi. Oleh itu, ianya adalah di luar kawalan Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun Kerajaan Persekutuan sedang mengkaji ordinan-ordinan ini dengan tujuan meletakkan semua kuasa perjudian di tangan Kerajaan Persekutuan.

BIRO PENGADUAN AWAM— ADUAN

35. Tuan Ong Tee Keat minta Perdana Menteri menyatakan bilangan kes pengaduan yang diterima oleh Biro Pengaduan Awam sejak 1986; dan bilangan kes yang berjaya diselesaikan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Sejak tahun 1986 hingga 28 Februari 1989, Biro Pengaduan Awam telah menerima sebanyak 9,373 aduan. Daripada jumlah ini, sebanyak 4,147 adalah di dalam bidangkuasa Biro iaitu terhadap jentera perkhidmatan awam dan sebanyak 3,341 aduan telahpun diselesaikan.

(Soalan No. 36. Sila lihat jawapan No. 2 pada 7-3-89)

FERI MALAYSIA

37. Tuan Hsing Yin Shean minta Perdana Menteri menyatakan berapakah yang telah dibelanjakan untuk mengapungkan kembali Feri Malaysia yang terkandas baru-baru ini. Dan sama ada benar bahawa Feri ini telah memasuki 9.2 batu nautika di perairan Indonesia. Mengapakah demikian. Dan apakah kesudahan penyiasatan yang dibuat keatas kejadian ini.

Datuk Kasitah bin Gaddam: Feri Malaysia telah membelanjakan sebanyak \$360,000.00 untuk kerja-kerja pengapungan semula kapal Cruise Muhibah. Walau bagaimanapun perbelanjaan ini boleh dituntut dari pihak insurans.

Untuk makluman Yang Berhormat, memang benar kapal Cruise Muhibah telah memasuki kira-kira 9.2 batu nautika dalam perairan Indonesia. Berdasarkan hasil penyiasatan oleh Lembaga Penyiasat yang telah ditubuhkan oleh Perbadanan Nasional Shipping Line (PNSL), kejadian tersebut berlaku disebabkan oleh

penyimpangan kapal Cruise Muhibah dari laluan sebenarnya. Berikutan dengan hasil siasatan Lembaga Penyiasatan, PNSL telah pun mengambil tindakan disiplin terhadap pegawai-pegawainya yang terlibat.

HAKIM BARU MAHKAMAH SESYEN

38. Tuan Hu Sepang minta Menteri Kehakiman menyatakan bilangan hakim-hakim baru Mahkamah Tengah yang dilantik untuk melaksanakan sistem Sirkuit Baru Mahkamah Tengah dan berapakah penjimatan dan perbelanjaan yang ditanggung akibat sistem baru tersebut.

Dato' Oo Gin Sun: Seramai 14 orang Hakim baru Mahkamah Sesyen dilantik untuk menjalankan Sistem Litaran. Penjimatan dan perbelanjaan yang ditanggung belum dapat ditentukan kerana Sistem Litaran ini baru sahaja dimulakan pada 1 Januari, 1989.

(Soalan No. 39. Sila lihat jawapan No. 8 pada 7-3-89)

(Soalan No. 40. Sila lihat jawapan No. 8 pada 7-3-89)

ROYALTI PERLOMBONGAN EMAS

41. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapakah jumlah royalti perlombongan emas dari seluruh negara sepanjang tahun 1988. Adakah kajian terperinci telah dibuat tentang ledakan (deposit) emas di Terengganu dan Kelantan. Kalau ada apakah prospeknya.

Dato' Alias bin Md. Ali: Pengeluaran emas bagi seluruh negara dalam tahun 1988 adalah sebanyak 2,928.2 kg. Daripada jumlah tersebut sebanyak 1,112.5 kg dihasilkan

daripada 28 buah lombong emas manakala bakinya sebanyak 43.5 kg. adalah hasil sampingan daripada perlombongan timah dan 1,772.2 kg. lagi daripada perlombongan tembaga di Mamut, Sabah. Jumlah pengeluaran emas yang dikenakan royalti adalah 716.5 kg. dan kutipan royalti keatasnya dianggarkan bernilai \$902,000.

Buat masa kini Malaysia Mining Corporation (MMC) dan beberapa buah syarikat asing sedang menjalankan kajian terperinci di Kelantan dan Terengganu, iaitu di kawasan-kawasan yang sudah dikenalpasti oleh Jabatan Penyiasatan Kajibumi sebagai mengandungi enapan emas. Berdasarkan maklumat-maklumat yang diperolehi setakat ini, prospek wujudnya enapan emas bersaiz kecil dan sederhana adalah baik.

LAPORAN SIASATAN BPR

42. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) selain dari Menteri Pendidikan yang telah disoal oleh BPR kerana rumahnya dikatakan berharga lebih sejuta ringgit, adakah lain-lain Menteri telah atau akan didatangi oleh rombongan BPR;
- (b) adakah Kerajaan bersedia membentangkan laporan itu kepada Dewan yang mulia ini bila selesai kelak.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:

- (a) Tidak ada;
- (b) Suka saya nyatakan bahawa Kerajaan sememangnya sentiasa bersedia untuk membentangkan apa-apa laporan mengenai hasil siasatan BPR bagi pengetahuan rakyat jelata.

(Soalan No. 43. Sila lihat jawapan No. 8 pada 7-3-89)

BAYARAN LESEN TV

44. Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa minta Menteri Penerangan menyatakan memandangkan bahawa Kementerian sedang mengkaji dan bercadang untuk menaikkan bayaran Lesen TV daripada \$24.00 kepada \$36.00 setahun, bahawa memandangkan TV sekarang ini sudah tidak menjadi satu barang mewah lagi (luxury) dan boleh dikatakan sudah menjadi milik setiap rumah luar bandar, adakah pihak Kementerian mengkaji kesan bebanan yang akan dipikul oleh rakyat luar bandar sekiranya bayaran \$36.00 ini dilaksanakan.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Dalam menjawab soalan Y.B. dari Kuala Krai, saya mohon kebenaran menjawab pertanyaan-pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan-soalan yang sama iaitu:

- (i) Y.B. dari Bagan bertarikh 10-3-89.
- (ii) Y.B. dari Tawau bertarikh 13-3-89
- (iii) Y.B. dari Rasah bertarikh 21-3-89.

Saya memohon memaklumkan bahawa Kerajaan telah menimbang dengan teliti cadangan menaikkan kadar bayaran lesen TV dan juga masalah bayaran lesen Radio dan memutuskan:

- (i) Semua kadar bayaran bagi lesen Radio baik untuk kegunaan di rumah mahupun yang digunakan di dalam kenderaan adalah dihapuskan.
- (ii) Kadar bayaran untuk TV baik hitam/putih mahupun warna dikekalkan kepada \$24 setahun.

- (iii) Lesen Radio baik di rumah atau di kenderaan akan dikeluarkan secara percuma.
- (iv) Semua pemilik Radio dan TV hendaklah memiliki lesen sesuai dengan Seksyen 14 (I) (a) Akta Penyiaran 1988.

Keputusan Kabinet ini dibuat menimbangkan:

- (i) Mengambil kira pendapat dan pandangan rakyat jelata mengenai cadangan ini.
- (ii) Alat Radio dan TV adalah penting untuk rakyat dan Negara.
- (iii) Untuk menggalakkan lebih ramai rakyat memiliki alat-alat ini terutama Radio agar mereka akan terus mendapat maklumat, pendidikan dan hiburan yang berguna bagi meneruskan proses pembinaan Negara yang lebih wajar lagi berkesan.
- (iv) Untuk tidak menyusah dan membebankan rakyat jelata terutama yang berpendapatan rendah.
- (v) Untuk mempercepatkan proses pengwujudan suatu masyarakat yang bermaklumat dan peka terhadap masalah-masalah Negara serta mengambil peranan yang cergas lagi positif bersama-sama dengan Kerajaan bagi menghadapi dan menyelesaikan masalah-masalah itu.

Keputusan Kerajaan ini akan mengurangkan hasil Kerajaan sebanyak kira-kira \$6 juta setahun. Sambil itu secara perbandingan kadar lesen Televisyen di Malaysia adalah yang termurah iaitu satu ringgit lebih rendah daripada Sri Lanka dan Pakistan.

Saya mohon memaklumkan juga bahawa Kementerian sedang meneliti tarikh pelaksanaan keputusan

Kerajaan ini. Maka dengan ini masalah menaikkan kadar bayaran lesen TV ini tidak timbul.

BELIA MENGIKUT LUNAS ISLAM

45. Tuan Mohammed Yusof bin Haji Abdul Latiff minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan setakat ini apakah usaha-usaha dan program-program yang telah dilaksanakan oleh Kementerian ini yang dapat membentuk peribadi dan akhlak belia-belia kita mengikut lunas-lunas Islam.

Cik Teng Gaik Kwan: Kementerian Belia dan Sukan memang mengambil berat dalam usaha ke arah membentuk keperibadian dan akhlak masyarakat belia mengikut lunas-lunas Islam. Dalam usaha ini Kementerian telah menganjurkan beberapa strategi pelaksanaan iaitu seperti berikut:

- (i) Mengadakan Seminar Dakwah Peringkat Negeri dan Zon untuk pemimpin-pemimpin belia.
- (ii) Mengadakan aktiviti-aktiviti keagamaan di Pusat-pusat Latihan Belia.
- (iii) Mengadakan ceramah-ceramah keagamaan di setiap kursus anjuran Kementerian Belia dan Sukan.
- (iv) Menyelaraskan penyertaan masyarakat belia untuk mengikuti kursus-kursus keagamaan anjuran Pusat Islam dan Jabatan hal Ehwal Agama di peringkat Negeri.

MAKANAN BERACUN

46. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah kes keracunan makanan seluruh negara yang melibatkan murid-murid sekolah dan orang dewasa yang dibawa ke pengetahuan Kementerian sehingga 28-2-89;

(b) apakah sebab-sebab bertambahnya bilangan kes keracunan makanan seluruh negara seperti dilaporkan dalam media massa baru-baru ini; dan

(c) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Dalam Negeri untuk mengatasi masalah ini dan adakah beliau sedar bahawa penguatkuasaan undang-undang kecil dan peraturan berkaitan dengan pengendalian makanan sangat lemah sejak akhir-akhir ini.

Dato' Chan Siang Sun: Saya minta izin untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Marang bersama dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang memandangkan kedua-dua pertanyaan ini adalah lebihkurang sama maksudnya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kes keracunan makanan yang berlaku di Perak pada bulan Oktober 1988 yang mengakibatkan kematian 13 orang kanak-kanak telah pun dapat dikawal dengan baik. Siasatan menunjukkan bahawa semua mangsa telah memakan mee "Loh See Fun". Pemeriksaan mangsa juga telah mengenalpastikan sejenis bahan toksik yang bernama aflatoxin. Tindakan sewajarnya telahpun diambil dan sehingga hari ini tiada kes yang serupa berlaku di negara kita.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, sejumlah 69 kejadian keracunan makanan yang melibatkan 2219 orang telah dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan dalam tahun 1988. Dalam tahun 1989 sehingga akhir bulan Februari sebanyak 21 kejadian keracunan makanan yang melibatkan 826 orang telah dilaporkan. Dari mangsa-mangsa kejadian keracunan makanan ini sebanyak 59.8% adalah murid-murid sekolah dan 40.2% dewasa.

Mengenai kes keracunan makanan yang berlaku di Johor pada bulan Januari 1989, yang menyebabkan 17 orang yang memakan jagung terpaksa dirawat di hospital, ianya juga telah dikawal dengan baiknya. Kes keracunan ini telah berlaku akibat dari memakan jagung yang baru disemur dengan racun serangga yang bernama "methamidophos". Kesemua mangsa keracunan makanan ini telah pun sembuh dan bekerja seperti biasa setelah menerima rawatan di Hospital Besar Sultanah Aminah Johor Bahru.

Berhubung dengan sebab-sebab bertambahnya bilangan kes keracunan makanan di seluruh negara seperti yang dilaporkan dalam media massa baru-baru ini, ingin saya memaklumkan bahawa daripada siasatan yang telah dijalankan punca keracunan ialah disebabkan makanan yang telah dicemari oleh kuman (61.1%) kimia (19.4%), racun semulajadi dalam tumbuh-tumbuhan seperti cendawan, ubi kayu dan kulat (16.7%). Keracunan juga berlaku disebabkan hasil makanan laut seperti kerang dan kepah yang tercemar (2.8%).

Kebanyakan keracunan makanan ini telah berlaku kerana pengendali-pengendali makanan tidak mengamalkan kebersihan diri, keadaan sanitasi yang tidak memuaskan serta pengendalian dan penyimpanan makanan yang tidak memuaskan.

Untuk mengatasi masalah keracunan makanan ini, Kementerian Kesihatan ada mempunyai dua strategi iaitu pelajaran kesihatan dan penguatkuasaan undang-undang. Kementerian Kesihatan telah dan sedang bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan Persatuan-persatuan Pengguna untuk

memberi maklumat serta pendidikan kesihatan kepada murid-murid sekolah dan juga orang ramai. Kakitangan Kementerian Kesihatan juga ada memberi pendidikan kesihatan kepada orang ramai di pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik seluruh negara.

Dari segi penguatkuasaan undang-undang tertentu seperti Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985 ianya memang sentiasa dijalankan dengan ketatnya oleh Penguasa-penguasa Tempatan dan Kementerian Kesihatan. Bagaimanapun, penguatkuasa ini akan lebih dketatkan lagi oleh pihak-pihak Penguasa Tempatan dan Kementerian Kesihatan.

AGIHAN PERUNTUKAN TAMBAHAN

47. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan pengagihan peruntukan tambahan \$400 juta untuk pembangunan luar bandar yang diluluskan baru-baru ini mengikut negeri. Sila nyatakan juga apakah perkara-perkara yang diutamakan di dalam pengagihan ini.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Untuk maklumat Yang Berhormat, agihan peruntukan tambahan \$400 juta mengikut program adalah seperti berikut:

| | |
|------------------------------|---------------|
| Bekalan Air Luar Bandar | \$ 80.00 juta |
| Bekalan Elektrik Luar Bandar | \$110.00 juta |
| Projek Jalan Kampung | \$120.00 juta |
| Jalan Luar Bandar | \$ 90.00 juta |
| | <hr/> |
| | \$400.00 juta |

Pengagihan mengikut negeri-negeri pula adalah seperti berikut:

| Negeri | Peruntukan Tahun 1989 | | | | Jumlah |
|------------------|-----------------------|-------------------|-----------------------------------|-------------------------------------|---------------|
| | BALB (Juta \$) | BELB (Juta \$) | Jalan Luar Bandar (Juta \$) | Menaikkan Taraf Jalan Kampung | |
| Johor | 10.00 | 12.10 | 8.31 | 11,500.00 | 41.91 |
| Kedah | 10.00 | 11.26 | 14.067 | 12,000,000 | 47.327 |
| Kelantan | 10.00 | 13.34 | 14.44 | 12,000,000 | 49.78 |
| Melaka | 1.00 | 2.25 | 1.965 | 4,800.00 | 10.015 |
| Negeri Sembilan | 5.00 | 2.50 | 7.9567 | 6,600.00 | 22.0567 |
| Pahang | 10.00 | 15.00 | 4.61 | 11,000,000 | 40.61 |
| Pulau Pinang .. | 1.35 | 0.70 | 5.875 | 1,000,000 | 8.925 |
| Perak | 13.65 | 14.03 | 10.40 | 12,000,000 | 50.08 |
| Perlis | 1.00 | 0.30 | 0.50 | 1,500,000 | 3.3 |
| Selangor | 6.00 | 7.81 | 0.811 | 7,000,000 | 21.621 |
| Terengganu .. | 3.00 | 10.71 | 3.98 | 11,000,000 | 28.69 |
| Sabah | 5.00 | — | 8.29 | 8,000,000 | 21.29 |
| Sarawak | 5.00 | — | 5.965 | 4,800,000 | 15.765 |
| W. P. Labuan .. | — | — | — | 1,000,000 | 1.0 |
| Pelbagai | — | 20.67 | 2.8303 | 15,800,000 | 39.3003 |
| JUMLAH .. | 81.00 | 110.67 | 90.00 | 120,000,000 | 401.67 |

Perkara-perkara yang diutamakan dalam pengagihan peruntukan tambahan \$400 juta tahun 1989 antara lain ialah tahap kemajuan/pembangunan negeri-negeri serta tahap pencapaian liputan di negeri-negeri berkenaan bagi program-program yang diberi peruntukan tambahan itu.

Umpamanya bagi program-program Bekalan Air Luar Bandar dan Bekalan Elektrik Luar Bandar pencapaian liputan program bagi tiap-tiap negeri setakat akhir tahun 1988 menjadi salah satu faktor utama pengagihan peruntukan tambahan diasaskan.

Bagi agihan peruntukan tambahan untuk program menaikkan taraf jalan (jalan tanah merah ke jalan tar) keutamaan adalah diberi kepada

kawasan-kawasan yang belum mempunyai jalan yang sempurna, bilangan penduduk kampung dan juga kegunaan jalan-jalan tersebut umpamanya jalan-jalan yang menghubungkan kampung dengan pusat-pusat perkhidmatan asas seperti klinik, sekolah dan aktiviti-aktiviti ekonomi. Bagi program jalan luar bandar keutamaan ialah kepada kawasan-kawasan termundur untuk menghubungkan kawasan-kawasan tersebut ke bandar-bandar dan/atau juga pusat-pusat kegiatan ekonomi.

INTEGRASI KAUM

48. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang lebih efektif yang akan diambil di

dalam program-programnya bagi integrasi kaum. Dan bagaimanakah kesan-kesan yang diperolehi selama ini.

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan sejak merdeka selama lebih daripada 30 tahun untuk memupuk integrasi kaum memang sedia berkesan dan berhasil. Sungguhpun pemupukan integrasi kaum mengalami berbagai kerumitan di masyarakat majmuk yang terdapat di negara ini, namun kemajuan yang nyata telah dicapai. Kecuali Peristiwa 13 Mei, rakyat berbagai kaum saling bekerjasama hidup di dalam keadaan aman dan tenteram. Di antara strategi-strategi dan langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan bagi pemupukan integrasi kaum adalah dasar-dasar utama negara seperti Dasar Bahasa Kebangsaan, Dasar Pendidikan Negara dan Dasar Ekonomi Baru. Jabatan Perpaduan Negara juga melaksanakan beberapa rancangan pemasyarakatan perpaduan untuk mengeratkan lagi perhubungan di antara kaum. Langkah-langkah dan strategi-strategi ini akan dipertingkatkan dan dikemaskinikan dari masa ke semasa demi mempertingkatkan lagi tahap perpaduan kaum ke arah pengwujudan Bangsa Malaysia yang tulin dan berhemah mulia.

(Soalan No. 49. Sila lihat jawapan No. 2 pada 7-3-89)

KEMATIAN MUSTAKIZAH BINTI HAJI JAAFAR—SIASATAN

50. Tuan P. Patto minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan pihak Polis menyifatkan kematian Cik Mustakizah binti Haji Jaafar, seorang Pengarah Golden Star Video di Taman Sri Sinar, Segambut, Kuala Lumpur pada 14-11-1988 sebagai pembunuhan (murder) yang disyaki dilakukan oleh pembunuh-pembunuh upahan dan pengakuan

Encik Ung Moh Hin, Pengurus Iklan dan Promosi (Advertisements & Promotions Manager) syarikat tersebut bahawa Cik Mustakizah bertanggungjawab untuk mendapatkan Sijil "B" dari Lembaga Penapisan bagi pita-pita video baru yang diimport dan oleh yang demikian mempunyai hubungan rapat dengan orang-orang atasan dalam Kementerian Dalam Negeri.

- (a) jumlah orang yang telah disoal-siasat bersabit dengan pembunuhan tersebut, dengan memberi nama dan pekerjaan mereka itu;
- (b) sama ada sebarang penangkapan yang telah dibuat, jika ya, nama dan pekerjaan mereka yang telah ditangkap; dan
- (c) sama ada Timbalan Menteri Dalam Negeri disoal-siasat bersabit dengan pembunuhan tersebut, adakah pihak polis bercadang untuk mendapatkan beliau membantu dalam siasatan ke atas pembunuhan itu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Penyiasatan ke atas kematian Cik Mustakizah binti Haji Jaafar seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sedang dalam siasatan polis. Dengan yang demikian saya tidaklah bercadang untuk memberi jawapan lebih lanjut kerana ini akan menjejaskan penyiasatan tersebut.

NILAI RINGGIT—KEMEROSOTAN

51. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) kesan-kesan kemerosotan nilai ringgit ke atas hutang-hutang luar negeri;
- (b) jumlah kenaikan pinjaman luar negeri akibat kemerosotan nilai ringgit; dan
- (c) langkah-langkah yang telah diambil untuk menghadapinya.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, nilai sesuatu matawang itu sentiasa berubah disebabkan oleh berbagai faktor. Nilai ringgit yang diasaskan kepada nilai beberapa matawang asing tidak terlindung dari pergolakan nilai matawang-matawang tersebut. Memandangkan bahawa hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan terdiri dari berbagai matawang asing, kesan kemerosotan nilai ringgit berbanding dengan matawang asing dengan tidak secara langsung telah menambah jumlah hutang luar negeri yang ditanggung oleh Kerajaan.
- (b) Berasaskan kepada nilai ringgit berbanding dengan matawang asing, perubahan nilai ringgit telah menambah jumlah hutang negara sebanyak lebihkurang \$1.2 billion. Walau bagaimanapun perubahan jumlah ini adalah hanya merupakan tambahan pada nilai sahaja dan untuk ketika ini kerana tempoh bayaranbalik pinjaman-pinjaman ini masih lama lagi.
- (c) Kerajaan sentiasa mengawasi tahap hutang negara supaya ianya tidak menimbulkan masalah kepada rakyat dan negara. Dalam usaha menghadapi kesan perubahan nilai matawang asing ke atas jumlah hutang luar negeri, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut:
- (i) Mengurangkan pinjaman dari luar negeri;
 - (ii) Memperolehi pinjaman untuk membiayai projek-projek yang berdayamaju dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara;

- (iii) Membuat bayaran awal beberapa pinjaman yang telah diperolehi atas syarat-syarat yang tidak menguntungkan; dan
- (iv) Membuat pinjaman dalam bentuk berbagai matawang supaya negara tidak terikat kepada satu atau dua matawang asing sahaja.

**RANG UNDANG-UNDANG
KANUN TANAH NEGARA
(HAKMILIK PULAU PINANG DAN
MELAKA) (PINDAAN)—MENARIK
BALIK**

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (2), saya mohon izin menarik balik Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan) 1988 yang tertera sebagai perkara 2 dalam Aturan Urusan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

USUL

**UCAPAN TERIMA KASIH
KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN
AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dengan bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen,

memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Ketujuh". (7hb Mac, 1989).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita diuntukkan selama 7 hari untuk membahaskan Titah DiRaja dan 2 daripada 7 hari ini diuntukkan untuk Menteri-menteri menjawab. Jadi untuk membolehkan ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat berucap saya harapkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang diberi peluang berucap, janganlah panjang sangat dan saya harap janganlah melebihi daripada 30 minit. Saya rasa 30 minit sudah mencukupi dan selepas itu jika banyak lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap, kita kena kurangkan lagi tempoh berucap kita.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah, sila teruskan.

3.38 ptg.

Tuan Hashim bin Saffin (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyambung ucapan saya pada hari semalam yang masih mengenai soal Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN).

Di dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyampaikan resolusi yang telah diputuskan oleh Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia di dalam Kongres Ekonomi yang telah berlangsung pada 17hb-19hb Februari yang lepas. Menyedari hakikat bahawa bangsa Melayu sebagai bangsa induk di negara ini adalah bangsa yang bertimbang rasa dan adil, menyedari hakikat bahawa ekonomi orang Melayu masih jauh ketinggalan disebabkan ketidakseimbangan ekonomi dan ketidakadilan berpunca dari faktor-faktor sejarah, menginsafi

hasrat dan cita-cita perpaduan, sebagaimana termaktub di dalam Rukunegara adalah untuk mencipta masyarakat adil di mana kemakmuran dapat dinikmati secara saksama dan memahami matlamat Serampang Dua Mata, Dasar Ekonomi Baru adalah untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat dengan tujuan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi, maka Pergerakan Pemuda UMNO merumuskan bahawa Kongres menolak sekeras-kerasnya saranan 30% untuk mengukur tahap pencapaian kaum bumiputera di dalam bidang ekonomi dan tempoh 20 tahun untuk mencapainya.

Kedua, kita mencadangkan bahawa penyusunan semula masyarakat sebenarnya adalah untuk membina semula ekonomi bumiputera dan bagi tujuan ini hendaklah berlandaskan kepada nisbah kependudukan sebagai asas pengagihan kekayaan negara.

Ketiga, bahawa sesungguhnya pembasmian kemiskinan dilaksanakan tanpa mengira kaum. Ianya masih lagi merupakan satu fenomena bumiputera bukan sahaja di luar bandar tetapi juga di bandar-bandar.

Keempat, bahawa Dasar Ekonomi Baru telah memberikan kesan kepada masyarakat bumiputera tetapi tahap pencapaian masih tidak memuaskan.

Kelima, bahawa pembangunan sumber tenaga manusia adalah merupakan asas jangka panjang pembangunan negara dan dengan itu Kerajaan hendaklah menggubal satu dasar dan strategi secara tersusun dan menyeluruh ke arah menghadapi cabaran-cabaran di masa hadapan.

Dan keenam, bahawasanya Kerajaan hendaklah meneruskan peranan aktif bagi memenuhi hasrat dan cita-cita DEB.

Dalam hal ini Kerajaan hendaklah mengkaji semula arah aliran pengurusan ekonomi berbentuk deregulasi, perlonggaran syarat dan dasar-dasar mengurangkan penglibatan Kerajaan di dalam ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saranan ini adalah dirumuskan daripada pemikiran anak-anak muda yang insaf dan sedar akan masa hadapan mereka. Kita sedar, orang Melayu sedar bahawa negara ini adalah negara asal mereka. Mereka berada di negara ini untuk terus menjadi bangsa pertuanan dan kita tidak kedekut untuk berkongsi kuasa dengan mana-mana pihak yang sanggup melihat keamanan di negara ini.

Tetapi kita ingin mengatakan apakah salah kalau kita menuntut hak kita selaku bumiputera, selaku orang-orang Melayu khususnya untuk menuntut hak sama dari segi pembahagian kekayaan negara. Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ikhlas dan jujur ingin menegur beberapa pemimpin yang kononnya kurang senang setelah Pemuda UMNO mewakili Barisan Pemuda yang ingin melihat kestabilan negara, keadilan pembahagian kekayaan ini bila kita menyebut soal berdasarkan nisbah kependudukan.

Ada pemimpin yang mengatakan perkara itu tidak adil. Ada pemimpin pula mengatakan kalau kita hendak mengikut nisbah kependudukan, tentang pembahagian kekayaan negara, ada pula yang menyarankan supaya kita membuat pembahagian semula dari segi hak istimewa orang Melayu, soal tanah, soal biasiswa, soal pegawai-pegawai Kerajaan dan sebagainya dan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah perkara yang sengaja ditimbulkan oleh pemimpin-pemimpin itu di dalam soal menghadapi perkara ini.

Apakah pemimpin ini lupa kepada perjanjian asal yang telah termeteri? Apakah mahu diungkit-ungkit lagi

soal pribumi? Apakah mahu diungkit-ungkit lagi soal hak istimewa orang Melayu? Apakah kita mahu merombaknya kesemua sekali, sehingga kepada soal penganugerahan warganegara? Kalau pemimpin ini bersetuju, Pemuda UMNO bersedia untuk berbicara lagi sekali dan marilah kita sama-sama berpegang kepada fakta sejarah di mana tanah ini adalah tanah pusaka orang Melayu dan bumiputera.

Saya ingin mengingatkan pemimpin ini jangan cakap sebarang cakap, terlahjak perahu boleh diundur, terlahjak kata buruk padahnya. Jangan diungkit-ungkit perkara yang telah dipersetujui bersama. Kerana kita tidak mahu luka lama berdarah kembali. Cukuplah dengan dasar tolak ansur yang telah diamali oleh orang-orang Melayu selama ini. Mentang-mentang kita berlembut, kita sedia bertolak ansur maka kita pula hendak ditolak ansur-ansur sehingga turun dari balairong seri di mana tempat kita menentukan kekuasaan kita.

Orang Melayu, Tuan Yang di-Pertua, memang merupakan satu bangsa yang bertolak ansur. Sejarah bangsa telah membuktikan bermula daripada pilihanraya pertama sehingga kepada soal warganegara, soal kekayaan negara sehingga kepada pembahagian kerusi Majlis Perundingan Ekonomi itu sendiri kita masih boleh bertolak ansur untuk menerima 50-50. Sehingga kepada pilihanraya Ampang Jaya baru-baru ini untuk makluman Yang Berhormat Ampang Jaya dan sekalian wakil-wakil, kita bersedia bertolak ansur dan kita telah membuktikan bahawa orang Melayu boleh menerima asalkan untuk keamanan dan kesejahteraan. Sebagai makluman, kawasan Ampang Jaya satu kawasan majoritinya Melayu, 68% Melayu, calon daripada MCA boleh menang. Tetapi saya mahu tanya orang-orang yang bukan Melayu, saudara-saudara saya sama ada daripada DAP, MCA, Gerakan

dan sebagainya, apakah mereka boleh menjamin kalau kawasan yang majoritinya melebihi 30% bukan Melayu, apatah lagi kalau kawasan majoritinya orang Cina, mereka boleh menjamin kemenangan kalau kita letak calon Melayu di tempat itu.

Saya menimbulkan perkara ini bukan bermaksud untuk mengungkit apa-apa tetapi sekadar membuktikan keikhlasan orang-orang Melayu sebegitu rupa dalam apa segi sekalipun. Saya ingin bertanya juga kepada pemimpin masyarakat Cina adakah ada keluarga Melayu hidup di dalam perkampungan masyarakat mereka sedangkan saya boleh membuktikan ada beberapa masyarakat China yang boleh hidup senang-lenang, mewah di tengah-tengah masyarakat dan perkampungan Melayu. Apakah perkara-perkara ini belum cukup untuk membuktikan bahawa masyarakat Melayu adalah sebuah masyarakat yang boleh menerima siapa sahaja, dari mana sahaja asalkan mereka ingin hidup bersama mencipta kedamaian dan kemakmuran bagi negara yang telah kita terima bersama.

Mengenai dasar negara selepas 1990 ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian semua pihak bahawa soal kemiskinan adalah soal pokok yang perlu diberi keutamaan. Memang tidak wajar berlaku di dalam sebuah negara yang merdeka melebihi 32 tahun masih ada rakyat jelata yang masih betul-betul miskin ataupun apa yang diistilahkan sebagai kemiskinan teras, *hardcore poverty* ataupun *absolute poverty* secara kebetulan berlaku kepada masyarakat luar bandar.

Bila disebut masyarakat luar bandar bermakna Melayu. Memang usaha-usaha Kerajaan selama ini telah berjaya mengurangkan kemiskinan teras ini dari 58.7% pada tahun 1970, tahun bermulanya DEB kepada 24.7% pada tahun 1984 dan sehingga kepada tahun 1987 masih ada lagi

kumpulan miskin teras ini sejumlah 17.3%

Yang menjadi perbincangan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah sejumlah 17.3% masyarakat Melayu luar bandar ini masih diselimuti kemiskinan teras atau lebih sesuai kalau diistilahkan secara politik papa kedana. Mereka ini tidak mempunyai tapak untuk membina rumah, menumpang di tanah-tanah jiran. Rumahnya buruk dan reput, pencariannya tidak tetap, kais pagi makan pagi dan kadang-kadang kais pagi pun tidak boleh makan pagi, kais petang makan petang. Ada anak yang berperut buncit, berhingus, tidak zat, tidak cukup sihat dan ada yang tidak bersekolah. Maka kepada golongan ini saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan memberi perhatian khusus kerana menolong orang yang betul-betul miskin ini pahalanya besar.

Cara yang saya suka cadangkan ialah, pertama, membaiki rumah-rumah mereka sekadar untuk berlindung daripada hujan atau basah semasa hujan dan daripada kesejukan tiupan angin malam. Kerana mereka ini mempunyai rumah yang robek dan buruk.

Kedua, menyediakan tapak khas kepada golongan ini kerana mereka yang kita katakan, golongan miskin ini ada yang tidak pun mempunyai tapak perumahan.

Ketiga, bantuan khusus secara terus kepada mereka sekadar untuk membimbing mereka memulakan pencarian secara ala kadar untuk keluarga mereka dan saya ingin menarik perhatian sebagai contoh apa yang telah dijalankan oleh Kerajaan melalui Projek Ikhtiar di bawah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia di mana projek itu diberi terus kepada keluarga yang miskin tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Arau bangun. Minta penjelasan?

Tuan Shahidan bin Kassim: Minta penjelasan. Boleh saya anggap Yang Berhormat ini wakil Pemuda UMNO. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat telah cadangkan tentang cara-cara untuk kita membantu orang miskin ini. Saya dapati cadangan tersebut hanya dapat menyelesaikan masalah struktur tetapi tidak ada penyelesaian yang boleh menjamin dalam jangka panjang yang mereka ini tidak terus hidup miskin. Apakah pendapat Yang Berhormat, saya ingin bertanya perkara ini ada kaitannya dengan mungkin juga sikap Kerajaan, mungkin juga sikap orang-orang kaya dalam negeri ini iaitu terdapat satu golongan yang sentiasa menambah hartanya melalui penipuan dengan bank-bank dan sebagainya dan satu golongan lagi hanya dalam bentuk yang ditampung dari segi struktur tetapi tidak menjamin masa depan yang luas.

Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa kita perlu melihat daripada dua aspek ini iaitu kita lihat golongan yang menipu bank dan juga golongan yang mendapat faedah daripada Kerajaan ini juga perlu diambil perhatian? Apakah ini perlu ditransfer kepada orang-orang miskin ini? Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat sebab, kalau tidak, tidak ada satu cadangan yang konkrit yang boleh kita timbangkan di sini.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, memang saya bersetuju dan saya pernah mengatakan perkara ini secara khusus kepada kumpulan kemiskinan teras tadi di mana antara cadangan, saya kata kalau ada mana-mana pihak sebagai contoh projek atau program yang bernama ikhtiar di mana satu keluarga atau individu diberi \$500 sebagai modal pinjaman tanpa faedah dan dibayar balik ataupun jika mereka maju perlu ditambah lagi dan perkara ini boleh dilakukan bukan hanya di bawah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia.

Berbagai-bagai pertubuhan, badan-badan, parti-parti, DAP pun boleh kalau hendak membela daripada melalak tidak tentu fasal lebih baik tumpukan masa untuk mengadakan perkara ini daripada membazirkan wang, meletakkan jawatan dan pilihanraya belanja berjuta-juta. Ini masyarakat yang seharusnya kita bela. Berbagai-bagai badan sama ada Yayasan Pelajaran MARA, Yang Berhormat dari Arau pun boleh mencuba perkara ini.

Yang keempat tentang anak-anak mereka dan anak-anak mereka boleh diambil sebagai anak angkat sama ada oleh pihak Kerajaan, Yayasan dan Yayasan Pelajaran MARA sudah ada anak angkat yang diambil tetapi miskin semacam mana saya belum pasti, hendak check, Pemuda UMNO akan check, ataupun badan-badan lain, badan-badan sukarela di dalam soal kita menyelesaikan kelompok yang paling miskin yang berada di luar bandar ini tanpa mengira kaum sama ada daripada orang Cina, India asalkan mereka ingin melihat kemiskinan teras ini dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya memahami maksud Tuan Yang di-Pertua di awal tadi walaupun saya bercadang untuk menyentuh aspek-aspek lain, cuma satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, aspek yang kedua. Saya hanya mengambil dua aspek ekonomi dan satu lagi dari segi perpaduan.

Bila menyentuh soal perpaduan, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disentuh di dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, masing-masing kita mempunyai pendapat, saranan hujah sehingga akhirnya perpaduan entah ke mana tetapi perpecahan yang berlaku. Apakah di kalangan pemimpin pada hari ini sama ada pemimpin politik, masyarakat dan mana-mana pemimpin betul-betul ikhlas untuk mencapai perpaduan ataupun sekadar menanam

tebu di bibir mulut sahaja sedangkan hatinya tidak betul seperti apa yang diperkatakan.

Saya bertanya begini kerana kepada saya perpaduan boleh dicapai melalui perpaduan di kalangan pemimpin-pemimpin itu sendiri. Kalau pemimpin-pemimpin sendiri bercakaran, apatah lagi pengikutnya akan lebih bercakaran dan kita telah melihat kalau pemimpin berbaik, pengikut pada bila-bila masa sahaja mereka boleh kembali bersatu. Maka di dalam soal ini marilah kita terima asas perpaduan itu mesti bermula daripada penerimaan untuk meletakkan kepentingan umum atau kepentingan rakyat melebihi daripada kepentingan peribadi ataupun kelompok tertentu atau badan-badan politik tertentu mahu pakatan-pakatan tertentu yang tidak mempunyai motif politik.

Di dalam konteks ini saya mahu bertanya khusus kepada parti DAP kerana kepada saya punca perpecahan sama ada boleh dikesan atau tidak dikesan adalah hasil daripada drama-drama daripada parti DAP. Saya ingin bertanya parti DAP sejauh manakah kejujuran mereka untuk melihat rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini berpadu di dalam ertikata yang sebenar. Apakah tidak terselit, tidak tersirat dihati DAP untuk menghancurkan orang Melayu. Hairan bin ajaib. Parti DAP yang berpanjangan menghentam UMNO bermakna menghentam orang Melayu sampai ke satu tahap.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Pinji bangun.

Tuan Hashim bin Safin: Memang saya benarkan. Saya hendak dengar pandangan DAP.

Tuan Lau Dak Kee: Memang benar. Kalau hendak dapat pandangan daripada parti DAP itu senang sahaja. Hadirlah ceramah DAP. tetapi di sini mungkin kita menghadapi beberapa sekatan menyuarakan pendapat DAP.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat memberi penjelasan itu.

Tuan Lau Dak Kee: DAP sejak tubuhnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dibenarkan meminta penjelasan, bukan memberi penjelasan.

Tuan Hashim bin Safin: Kalau hendak berucap.

Tuan Lau Dak Kee: Bukan hendak berucap, minta penjelasan. Beri atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Lau Dak Kee: Terima kasih. DAP sejak tubuhnya tidak pernah ingin menghancurkan.

Tuan Hashim bin Safin: Itu bukan penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah, sila duduk dulu! Kita dengar apa dia hendak ucap dulu.

Tuan Lau Dak Kee: atau menjatuhkan taraf kehidupan, taraf moral atau daripada taraf mana-mana juga kepada orang Melayu. DAP pada hari ini berdiri teguh. Perjuangan DAP adalah perjuangan berbilang bangsa, agama dan berbilang kebudayaan. Saya hendak tegas sekali lagi DAP adalah satu parti berbilang bangsa, bukan semacam UMNO untuk orang Melayu sahaja, MCA untuk orang Cina sahaja. Kalau betul-betul.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Pinji memberi penjelasan, bukan meminta penjelasan. Mengikut peraturan tidak boleh, Yang Berhormat. Sila duduk!

Tuan Lau Dak Kee: Terima kasih.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sejauh manakah kejujuran Parti DAP dan saya menerima baik kalau Yang Berhormat tadi mengatakan DAP sebagai parti yang berbilang kaum, setakat ini dari segi pelaksanaan bahawa parti itu tidak menggambarkan berbilang kaum walaupun UMNO cuba mengkontrol, mengawal orang Melayu—UMNO, orang Cina—MCA, Gerakan tetapi kita menggabungkan konsep setiakawanan musyawarah dalam Barisan Nasional (*Tepuk*).

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Tetapi DAP setakat ini tidak membuktikan, cakap tak serupa bikin.

Seorang Ahli: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ya, hendak minta penjelasan?

Tuan Hashim bin Safin: Nanti dulu. Saya akan beri, biarkan saya habis bercakap dahulu. Jangan terencat.

Sekarang saya mahu DAP membuktikan keikhlasan ke arah perpaduan, ke arah cita-cita untuk memperjuangkan kaum di dalam pilihanraya akan berlaku, namakan calon Melayu di kawasan yang DAP telah menang pastikan calon itu menang di atas tiket DAP? Kalau DAP betul-betul boleh dikawal dan jamin.

Seorang Ahli: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanah Merah, dia minta jalan.

Tuan Hashim bin Safin: Nanti dulu, saya akan beri jalan. Jalan saya pun belum sampai lagi.

Kedua, saya katakan tadi bahawa perbuatan DAP tidak jujur. Satu masa menghentamkan UMNO tetapi bila

ada kumpulan serpihan Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Gua Musang buat cadangan, kesemua bangun sokong hendak hidupkan UMNO. Apa ini, apa logiknya, apa munasabah, kalau tidak hendak terus memberi bara dan api untuk memecahkan orang Melayu. Di mana kejujuran? Ini yang menjadi pokok pertikaian, keikhlasan daripada apa yang terluah daripada mulut saudara-saudara dengan nawaitu terselit untuk memecahkan orang Melayu.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat. . .

Tuan Hashim bin Safin: Memang saya boleh beri jalan. Kalau boleh kepada DAP, saya ingat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kpong.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah itu Yang Berhormat tadi hendak membawa pertikaian di dalam UMNO keluar kepada DAP atau beliau sendiri hendak menyertai DAP?

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, soal DAPkah atau apakah tidak penting. Yang penting saya memperkatakan keikhlasan. Keikhlasan percakapan kita, DAP itu nama sahaja. Nama Nabi sekalipun kalau hati jahat tak guna. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lau Dah Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

Tuan Hashim bin Safin: Bolehlah.

Tuan Lau Dak Kee (Pasir Pinji): Tuan Yang di-Pertua, nampaknya ucapan-ucapan dari kawan saya daripada kumpulan bukan serpihan,

DAP sentiasa meletakkan calon-calonnya bukan di kawasan yang ramai pengundi orang Melayu, pun ada letak calon DAP di kawasan yang melebihi orang Cina juga daripada calon orang Melayu. Orang Melayu pernah menang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Lau Dak Kee: . . . di kawasan-kawasan. Ya, Tuan Speaker. . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Minta penjelasan.

Tuan Lau Dak Kee: Minta penjelasan, saya jelaskan. Tadi, dia minta. Sekarang saya jelaskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Jangan buat begitu, tak boleh.

Tuan Lau Dak Kee: Saya jelaskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, duduk dulu! Yang Berhormat dari Pasir Pinji, apabila Yang Berhormat minta penjelasan, minta penjelasan. Jangan beri penjelasan. Tidak boleh!

Tuan Lau Dak Kee: Bukan begitu. Dia minta penjelasan, saya jelaskanlah sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, dia tidak boleh minta penjelasan.

Tuan Lau Dak Kee: Dia mempersoalkan kejujuran DAP. Sekarang ini saya hendak beritahu kejujuran DAP sampai tahap mana.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sudah. Yang Berhormat dari Tanah Merah.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa boleh maaf kepada beliau, sebab beliau baru sahaja keluar, masih keliru (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Jangan, Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat jangan sentuh perkara itu.

Tuan Lau Dak Kee: Kerana Yang Berhormat itu belum pernah masuk dalam. Saya jemput. Kalau dibenarkan, jemput masuk ke dalam. Dijemput siapa yang tahan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, janganlah berlaku begitu. Yang Berhormat dari Tanah Merah jangan menyentuh perkara-perkara begitu.

Tuan Hashim bin Safin: Ya, tak ada lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Hormatilah Ahli-ahli Dewan.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, apakah tidak terfikir oleh DAP bahawa penentangan mereka kepada segala dasar-dasar yang dibuat oleh Kerajaan pada hari ini adalah penentangan kepada orang-orang Melayu. Apakah tutur kata dan tingkah-laku dan tindak-tanduk DAP selama ini melambangkan tindak-tanduk orang yang insaf bahawa mereka menumpang di atas sufaat dasar tolak-ansur orang-orang Melayu dan bumiputera. Perjuangan DAP bukan boleh menolong ke arah perpaduan negara. Selagi DAP membuat dasar perjuangan yang chauvinistik dan selama itulah perpaduan negara terganggu. Tuan Yang di-Pertua. Bagaimana kita boleh harapkan perjuangan DAP untuk membangunkan sebuah negara yang aman dan bersatu padu kalau setiap hari sebahagian besar masa dan ketika, waktu asyik bercakap soal pembebasan Yang Berhormat dari Tanjong dan Yang Berhormat dari Kota Melaka sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Safin:membazirkan masa dan tenaga, wang ringgit.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pasir Pinji bangun. Boleh?

Tuan Lau Dak Kee: Minta penjelasanlah. Jangan bertukar kepada soalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya jaga itu, Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Safin: Ya, tetapi tidak terkawal, kadang-kadang.

Tuan Lau Dah Kee: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya ucapan-ucapan kawan saya itu sengaja hendak menuju kepada DAP.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itu hak dia, Yang Berhormat.

Tuan Lau Dak Kee: Ya, ini penukaran.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat hendak minta penjaslankah?

Tuan Lau Dak Kee: Penjelasan? Ya, memang ada.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Mintalah. Apa soalnya?

Tuan Lau Dak Kee: Saya minta penjelasan, dapatkah membuktikan bahawa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, pandang ke mari.

Tuan Lau Dak Kee: Dapatkah membuktikan bahawa DAP hanya satu parti chauvinistic sahaja memandangkan Ahli-ahli Parlimen di sini hanya terletak kepada golongan

orang-orang Cina ataupun termasuk golongan orang-orang Melayu, India dan lain-lain. Ini telah membuktikan parti DAP bukan satu parti chauvinistic. Hanya UMNO sahaja parti chauvinistic, bukan DAP. (*Tepuk*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada soalan. Dia menjelaskan, tidak mengapalah. Saya cadangkan selepas ini saya tidak akan beri jalan lagi. Apabila dapat peluang berucaplah selepas ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia belum berucap, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar Yang Berhormat dari Tanah Merah sudah berucap tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia baru bangun untuk berucap. Nantilah sekejap.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar Selepas ini saya.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, soalan perjuangan ini bukan terletak kepada orang Melayu, Cina atau India, dari segi gabungan kumpulan tertentu tetapi saya katakan tadi nada yang dibawa, tingkah-laku, tutur kata, perbuatan dan terbukti bahawa DAP setakat ini adalah perjuangan yang amat chauvinistic.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Daripada apa yang dikatakan tadi tentang tingkah-laku dan tutur kata DAP ini dia kata chauvinistic. Saya ingin penjelasan iaitu berapa ramai daripada Ahli-ahli Parlimen Melayu yang diletakkan

oleh DAP dalam Pilihanraya 1986 dan berapa ramai Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang telah diletakkan oleh DAP di kalangan orang Melayu?

Soalan ketiga, saya minta penjelasan iaitu kenapa Ahli-ahli DAP tidak bertanding di negeri Terengganu ataupun di negeri Melayu?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Tanah Merah.

Tuan Lau Dak Kee: (Bangun)

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, memang setahu saya tidak ada. Dan kedua setahu saya memang DAP ini tidak mampu untuk memperjuangkan dari segi konsep kesetiaan kawan bangsa-bangsa di Malaysia, sebab itu dia tidak mampu bertanding di kawasan-kawasan yang majoriti Melayu, MCA boleh menang di kawasan majoriti Melayu, Gerakan boleh menang di kawasan majoriti Melayu tetapi DAP tidak boleh menang, masuklah pilihanraya nanti, kalau tidak percaya.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, adakah ini yang dimaksudkan dengan chauvinistic perkauman ataupun menjalankan dasar sukuan yang tebal, adakah itu?

Tuan Hashim bin Safin: Memang kerana "nawaitu kursiyun" Tuan Yang di-Pertua, hendak menang kerusi hendak jadi Wakil Rakyat main perasaan perkauman, pergi kepada kaum Cina yang terpengaruh dengan cakap-cakap mereka. Itu sahaja mainan dan inilah punca saya hendak ungkit kepada soal tergugat perpaduan negara selama ini.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Penjelasan, kenapa DAP tidak dibubarkan sahaja?

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Lau Dak Kee: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti. Yang Berhormat dari Pasir Pinji, duduk sekejap.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta.

Tuan Hu Sepang: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Rasah duduk sekejap.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah beri peluang kepada saya meminta penjelasan.

Tuan Hashim bin Safin: Beri.

Tuan Hu Sepang: Minta penjelasan, terima kasih. Saya cuma hendak tahu adakah dua Ahli-ahli Yang Berhormat itu iaitu Ahli dari Tanah Merah dan Ahli dari Marang, dua orang menjual ubat atau tidak. *(Ketawa)* Jual ubat atau beri ucapan dalam Dewan yang mulia ini. Ini saya mahu tahu. Kalau jual ubat cakap jual ubatlah, pergi tepi jalan, jangan datang masuk Dewan yang mulia ini.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, memang

Tuan Shahidan bin Kassim: (Bangun)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat nanti sekejap. Yang Berhormat dari Tanah Merah teruskan.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya menjual ubat dan rakan-rakan saya membantu saya untuk menjual ubat kepada orang

yang berpenyakit, yang menghasut masyarakat pada hari ini, injection dari segi otak dan kepala.

Tuan Ngoi Thiam Woh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya rasa . . .

Tuan Hashim bin Safin: Saya tidak akan beri jalan lagi.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Point of order, Peraturan Mesyuarat 36 (6). Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa Ahli lain.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ya, apa sangkaan jahat?

Tuan Ngoi Thiam Woh: Dia cakap sakit. (*Ketawa*) Siapa sakit?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti Yang Berhormat. Dia faham Yang Berhormat dari Tanah Merah tidak kata sesiapa dalam Dewan ini, dia secara am sahaja.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Semua orang sakit termasuk Tuan Yang di-Pertua? Itu yang saya ingin tahu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat duduklah. Saya rasa Yang Berhormat dari Tanah Merah jelaskan.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, begitulah siapa yang makan lada dia yang rasa pedas.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan beri jalan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia tidak beri jalan.

Tuan Lau Dak Kee: Janganlah tepuk air dalam dulang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruslah Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Safin: Perbuatan ini adalah membazir masa, tenaga dan wang ringgit sahaja. Saya ingin menanya parti DAP, apa pentingnya pembebasan mereka berdua ini. Apakah dengan tidak ada mereka berdua, negara ini mundur dan rakyat di negara ini miskin dan kelaparan. Saya fikir

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kepong bangun. Bolehkah Yang Berhormat beri jalan?

Tuan Hashim bin Safin: Boleh.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat dari Tanah Merah ini hendak meniru Ahli dari Kuala Terengganu kerana Kuala Terengganu dengan lantanganya jadi Pengerusi, sekarang ini hendak rebut pula. Kedua-dua marah dengan Ahli dari Tanah Merah.

Tuan Zubir bin Embong: Objection, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Saya tidak mengganggu apa-apa. Apakah dia menjemput saya untuk bertelagah dengannya.

Tuan Hashim bin Safin: Dia nyanyuk.

Tuan Zubir bin Embong: Memang betul dia nyanyuk, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah, Yang Berhormat dari Tanah Merah.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa patut kita ini ilmiah sedikit, kalau hendak menanya-kah atau hendak minta penjelasan, kalau sekadar hendak mencucuk-cucuk saya rasa memanglah layak jadi Wakil Rakyat DAP sahajalah. Kami

tidak timbul soal hendak kerusikah apa, kami semua bertiga sudah sama-sama jadi Pengerusi, DAP sahaja yang gila hendak jadi Pengerusi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini saya fikir orang yang berperangai macam ini biarlah mereka ini lebih lama merengkuh di dalam tahanan, saya menyokong pendapat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang mengatakan mereka ini boleh dibebaskan dengan syarat tidak mengancam keselamatan negara lagi. Yang sudah dibebaskan yang masih berada di luar ini pun nampak-nampak gayanya macam hendak tangkap balik dan biar merengkuh kerana mungkin bercakap lebih merbahaya tentang perpaduan negara.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Hashim bin Safin: Sudah bangun pun.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Lau Dak Kee: Saya rasa saya patutlah memberi penjelasan yang lebih teliti di sini. Daripada

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak boleh Yang Berhormat. Yang boleh, minta penjelasan.

Tuan Lau Dak Kee: Ya, penjelasan di sini.

Tuan Hashim bin Safin: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lau Dak Kee: Yang Berhormat berucap berkata nampaknya ada muka di Dewan ini mungkin hendak masuk semula. Adakah Yang Berhormat itu mewakili Kerajaan untuk menangkap orang-orang yang di Kamunting yang bertanggungjawab atas Yang Berhormat itu, atau daripada suruhan Yang Berhormat itu? Kalau Yang Berhormat itu tidak tahu keadaan

dalam Kamunting itu, saya jemputlah mungkin ada sekali lagi mungkin ada peluang lagi, Yang Berhormat boleh melawat atau menjadi penghuni di Kamunting sana.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, tidak kiralah sama ada daripada backbencerkah, daripada Kerajaankah daripada siapa sahaja, kalau menggugat ketenteraman awam, mengganggu ketenteraman kaum, silalah masuk.

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Peraturan Mesyuarat berapa Yang Berhormat? Duduk Yang Berhormat dari Tanah Merah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tadi Yang Berhormat telah sebut perkataan, dia kata mungkin akan jadi sekali lagi, sebab dahulu masalah 21 November yang semua orang kena tangkap. Adakah dia bercadang untuk DAP bercadang mengadakan sekali lagi, saya bertanya soalan ini. Kalau ada tidak payah tunggu 21 November. Hari ini kita mula.

Tuan Lau Dak Kee: Boleh saya jawab.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Arau, sila duduk.

Tuan Shahidan bin Kassim: Okay.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pasir Pinji, sila duduk.

Tuan Lau Dak Kee: Dia tanya, boleh saya jawab?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk sekejap. Yang Berhormat dari Arau, Yang Berhormat tidak boleh minta penjelasan dari Yang Berhormat yang tidak berucap, yang boleh memberi penjelasan ialah Yang Berhormat dari Tanah Merah. Sekarang saya minta Yang Berhormat dari Tanah Merah teruskan.

Tuan Zubir bin Embong: Penjelasan. Sekarang giliran saya, dia sudah habis. Tuan Yang di-Pertua, penjelasan kepada Yang Berhormat dari Tanah Merah. Boleh Tanah Merah?

Tuan Hashim bin Safin: Ya.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada apa yang telah diucapkan oleh saudara saya daripada Tanah Merah. Nampaknya mendapat response, dengan izin, daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat dari DAP atau Pembangkang. Apakah pendapat Yang Berhormat daripada Tanah Merah, kalau saya katakan bahawa DAP melihat kepada gelagat Ahli-ahlinya, Wakil-wakil Rakyatnya yang ada di dalam Dewan yang mulia ini, menanyakan soalan, membuat ugutan dan berbagai-bagai perkara, tidak ubahlah seperti suatu lakonan ketika mereka mengadakan suatu demonstrasi mogok lapar di pusat tahanan. Pada waktu siang di hadapan penyokong-penyokong mereka, mereka mengatakan bahawa mereka ini mogok lapar, tetapi sedangkan sebelum daripada mogok lapar itu berlangsung mereka telah pun mengambil sarapan pagi, dan pada waktu malamnya pula mereka curi-curi makan seolah-olahnya mereka memberitahu kepada rakyat.

Dr Tan Seng Giaw: Point of order, Tuan Yang di-Pertua, ini satu *sub judice*.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

dari Kuala Terengganu, sila duduk. Ya, Yang Berhormat dari Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Satu permohonan certiorari dan declaration telah dibuat di Mahkamah mengenai perkara seperti ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kalau begitu Yang Berhormat dari Kuala Terengganu tidak boleh menyentuh perkara itu.

Tuan Lau Dak Kee: Tarik balik.

Tuan Zubir bin Embong: Okay tidak mengapa, senang sahaja. Boleh saya teruskan, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila.

Tuan Zubir bin Embong: Di mana peraturan tarik balik. Ini bukan soal menyentuh peribadi dan menyentuh apa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, sila minta penjelasan.

Tuan Zubir bin Embong: Jadi, adakah Yang Berhormat dari Tanah Merah bersetuju dengan saya?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudahlah.

Tuan Zubir bin Embong: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanah Merah, saya rasa lebih baik Yang Berhormat teruskan ucapan, jangan beri banyak peluang untuk diganggu.

Tuan Hashim bin Safin: Bersetuju kerana saya sentiasa dalam ucapan saya menyatakan the best actor ialah DAP, berlakun.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pasir Pinji sila duduk.

Tuan Hashim bin Safin: Kalau saya hendak beri, saya duduklah. Tidak fahamkah, lamakah tidak masuk ke Dewan Rakyat ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanah Merah, jangan berbual dengan dia.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, mereka ini asyik bercakap soal pembebasan dua orang Wakil Rakyat yang dikatakan tadi, dan mereka bercakap seolah-olah hero untuk membuktikan soal bersalah atau tidak bersalah. Perkara ini saya tidak membawa hujah undang-undang, tetapi hujah biasa, hujah seorang politik di mana kita hendak membuktikan bagaimana, apa alat bahan pengukur untuk membuktikan bagaimana perasaan rakyat boleh naik. Kita boleh ukur angin, kita boleh ukur hujan, kita boleh ukur tanah, boleh ukur suhu badan, tetapi hendak ukur kepanasan hati rakyat bila DAP membakar, memang susah diukur. Kalau hendak bukti mereka bercakap soal sensitif, memang secara mahkamah tidak ada bukti yang nyata, tetapi perbuatan tindak-tanduk, tingkah-laku, tutur-kata, percakapan mereka ini dari masa ke semasa membakar hati terutamanya orang-orang Melayu. Dan kalau hendak bukti barangkali kita hanya boleh membuktikan setelah bergelumang darah, melintang galang tulang-tulang mayat hasil daripada pertempuran kaum dek perbuatan parti DAP ini. Maka, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong supaya tahanan ini diteruskan, kecuali mereka ini kembali untuk menukar nada perjuangan mereka.

Di dalam soal perpaduan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan kepada pemimpin-pemimpin DAP saudara-saudara saya yang betul-betul kalau tidak ikhlas, kembali

ikhlas, ikhlaskan diri kepada kepentingan bangsa kita, bangsa Malaysia yang dianggotai oleh orang-orang Melayu, Cina, India dan bangsa-bangsa lain. Dan kita harap mereka ini tidak lagi bercakap mengenai perkara-perkara yang sensitif. Jangan menyentuh soal-soal yang telah disenaraikan di bawah Akta Hasutan dan jangan lagi mereka mengambil kesempatan untuk menghiris hati orang-orang Melayu.

Saudara-saudara Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP, kita orang Melayu di negara asal milik kita, tanah pusaka, cukuplah keikhlasan kita menerima saudara-saudara dengan penuh rela, cukuplah pengorbanan kita di dalam pembahagian kerusi, cukuplah pengorbanan kita dalam soal ekonomi, cukuplah pengorbanan kita dalam soal harta-harta lain, dalam soal segala-galanya. Sekadar kita mahu selaku orang Melayu yang bersifat tolak-ansur untuk menjamin keamanan, kesejahteraan bersama. Amaran saya kepada saudara-saudara bahawa orang Melayu memang bangsa yang bertolak-ansur, lembut, tetapi orang Melayu akan keras sekeras-kerasnya kalau menghadapi golongan yang biadab yang tidak mahu menghormati tata susila orang-orang Melayu di negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya meluahkan perasaan secara ikhlas, kerana keikhlasan saya ingin melihat bangsa Melayu, Cina, India dan lain-lain melalui konsep Barisan Nasional itu didokong dan diterima oleh semua pihak dan diperkembangkan kepada generasi-generasi muda yang akan meneruskan perjuangan kita demi keamanan negara dan bangsa di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan merakamkan setinggi-tinggi junjung kasih atas perkhidmatan Duli Yang Maha Mulia

Seri Paduka Baginda semasa menduduk takhta Yang di Pertuan Agong bagi negara Malaysia. Semoga Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda sentiasa diberi afiat dan sihat untuk turut memberi sumbangan kepada keamanan dan kesejahteraan negara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Hulu Selangor.

4.25 ptg.

Tuan S. S. Subramaniam (Hulu Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong satu Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah mencemar diri ke Dewan yang mulia ini bagi membuka Persidangan Dewan Rakyat yang Ketujuh Penggal Ketiga pada 6hb Mac tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, berpandukan Titah Ucapan Di Raja, izinkan saya membawa kepada perhatian Dewan yang mulia ini beberapa perkara penting yang berkaitan dengan tajuk-tajuk yang telah disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia.

Yang Pertama ialah perpaduan. Pada hemat saya, soal perpaduan di negara majmuk kita harus disentuh dari dua aspek iaitu perpaduan dalam setiap kaum dan antara satu kaum dengan lain. Berhubung dengan perpaduan dalam setiap kaum, saya ingin membawa kepada perhatian semua ahli politik di tanahair kita. Satu maklumat yang telah pun difahami oleh semua iaitu dunia kita bukan statik. Pada masa ke semasa beberapa perubahan berlaku. Dan sebagaimana seorang arif telah nyata dengan setiap perubahan dunia ini akan menjadi satu tempat yang lebih baik untuk semua. Dengan kata-kata ini, saya ingin memohon kepada semua Ahli-ahli politik untuk menerima setiap perubahan dengan hati yang

terbuka. Di sini saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas atas keputusan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Tinggi, Johor Bharu dan Sungai Benut kerana pada akhirnya dapat menyertai UMNO Baru kita. Ini adalah satu petanda baik dan menunjukkan tanggungjawab mereka untuk menyatupadukan bukan sahaja parti UMNO tetapi juga parti Barisan Nasional. Kepada mereka yang masih berada di luar gabungan parti Barisan Nasional, saya ingin merayu kepada mereka untuk menjadi ahli parti kita Barisan Nasional oleh kerana Barisan Nasional menggabungkan semua kaum yang berada di seluruh negara kita. Pada hemat saya, tidak ada lain parti politik di tanahair kita yang boleh menjaga kepentingan semua kaum seperti yang boleh berlaku di bawah parti Barisan Nasional kita.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perpaduan antara kaum, saya berpendapat kita masih belum mencapai ke satu peringkat yang kita boleh banggakan. Kita terdapat beberapa sebab-sebab yang tertentu atas masalah ini dan walaupun kita tidak boleh menghapuskan sebab-sebab ini dalam jangka masa yang pendek saya ingin memohon kepada Kerajaan untuk mengkaji dengan teliti beberapa pendapat yang telah pun dikemukakan kepada Majlis Perundingan Ekonomi Negara kita berkaitan dengan soalan ini. Pada masa ini, saya berterima kasih kepada Kerajaan yang telah menyedari masalah perpaduan ini dan telah melaksanakan berbagai jenis rancangan yang melibatkan semua kaum di bawah Lembaga Perpaduan Negara. Lembaga Perpaduan Negara ini telah mengelolakan kelas perpaduan rakyat ataupun kelas dewasa di kawasan-kawasan yang terdapat rakyat yang buta huruf terutama di kawasan-kawasan luar bandar. Dengan keadaan kelas tersebut, rakyat yang berbilang kaum bukan sahaja dapat menjadi rakyat berpendidikan, bahkan juga dapat bertukar fikiran di antara

satu sama lain. Tetapi saya dapati baru-baru ini Lembaga Perpaduan di bawah Jabatan Perdana Menteri telah membatalkan banyak kelas dewasa tersebut di seluruh negara kita. Dan saya ingin mendapat tahu dari Menteri berkenaan sebab-sebab untuk membatalkan kelas perpaduan rakyat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Perpaduan Negara juga telah mengelolakan kelas tadika di beberapa tempat sama ada di bandar atau di luar bandar dengan kanak-kanak yang berbilang kaum yang sedang belajar dalam Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Inilah satu langkah yang amat positif untuk menyatupadu kanak-kanak di peringkat awal-awalnya. Dan saya ingin memohon kepada Lembaga Perpaduan Negara untuk mengadakan lebih banyak kelas seperti ini di seluruh negara, khususnya di kampung-kampung tradisional, kampung-kampung baru, ladang-ladang di mana mereka boleh dapat diajar dalam Bahasa Malaysia dan bahasa ibunda mereka. Langkah-langkah ini boleh menjadi asas untuk membangunkan perasaan positif, sederhana dan hormat-menghormati dalam kalangan muda sebelum mereka dipengaruhi oleh fikiran luar biasa dari orang-orang politik.

Tuan Yang di-Pertua, satu sebab yang penting yang menaikkan perasaan perkauman antara kaum bukan Bumiputera ialah jumlah bilangan kakitangan dalam sektor awam, agensi-agensi Kerajaan vis-à-vis, dengan izin, dengan keadaan jumlah bilangan bukan Bumiputera di sektor swasta. Walaupun keadaan di sektor swasta sedang dibaiki dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Buruh, keadaan pada sektor awam masih tidak memuaskan.

Saya dapati pengambilan kakitangan oleh Kerajaan masih mengikut dasar-dasar yang telah

ditetapkan pada tahun 1970an dan bilangan kakitangan bukan Bumiputera yang sedang diambil masih terlalu sedikit. Oleh yang demikian, saya ingin memohon kepada Kerajaan untuk mengambil tindakan serta merta untuk mengarahkan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk membaiki keadaan di seluruh Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan.

Saya juga berasa beberapa jawatan tertinggi dalam Kerajaan diabaikan pada pemohon yang bukan Bumiputera dan saya dapati dengan keadaan ini dalam jangka masa lima tahun lagi kita akan terdapat satu situasi di bawah mana semua jawatan tertinggi di setiap Kementerian akan dipegang oleh hanya Bumiputera dan perkara ini tidak boleh mencerminkan hasrat Kerajaan untuk menyatupadukan semua kaum di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda juga telah menyentuh berkaitan dengan penubuhan Majlis Ekonomi Perundingan Negara yang telah pun ditubuhkan selaras dengan prinsip demokrasi yang diamalkan oleh Kerajaan. Berhubung dengan MPEN, saya ingin membawa perhatian kepada Kerajaan walaupun Dasar Ekonomi Baru telah dilaksanakan selama 18 tahun, saya dapati kaum India di negara ini masih dalam keadaan ketinggalan jika dibandingkan dengan kaum Melayu dan Cina.

Saya ada bukti-bukti untuk menunjukkan peratusan pegangan modal oleh kaum India dalam 18 tahun ini tidak berubah sedikit pun dan masih berada di paras 1% sahaja berbanding dengan jumlah penduduk kaum India di negara kita yang berjumlah 10% dan mereka telah menyumbang begitu banyak untuk membangun negara kita. Pencapaian kaum India adalah satu keadaan amat menyedihkan perasaan kaum India di negara ini.

Oleh yang demikian, saya ingin memohon kepada Kerajaan dan semua ahli-ahli dalam MPEN ini untuk mengambil langkah-langkah yang positif bagi mengatasi masalah ini. Seperti mana kita semua sedia maklum, MPEN ini adalah lanjutan kepada DEB, di antara lain bertujuan menghapuskan perbezaan di antara kaum serta mengukuhkan lagi perpaduan di antara rakyat. Saya percaya tujuan murni ini adalah perlu dijadikan asas serta diteruskan selepas 1990.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang ingin saya menyentuh ialah berkaitan dengan ekonomi negara kita. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan di atas langkah-langkah positif yang telah diambil untuk membawa pertumbuhan ekonomi yang memuaskan pada tahun 1987 dan 1988. Saya dapati pada tahun 1989 ekonomi Malaysia dijangka menunjukkan prestasi yang lebih baik dan saya berharap ini akan membawa perubahan yang baik kepada pembangunan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah diarahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong untuk mengukuhkan ekonomi negara kita, Kerajaan tidak seharusnya bergantung kepada hasil dari harga barang-barang mentah sahaja. Kita harus menumpukan kepada aktiviti industri berteknologi moden untuk membuat barang-barang value-added dari barang-barang mentah. Di samping itu kita juga harus menumpukan kepada aktiviti pertanian khasnya untuk menggantikan barang-barang makanan yang sedang diimport dari luar negeri.

Sungguhpun kita telah menerima beberapa banyak pelaburan dari luar negeri dan beberapa banyak kilang-kilang telah pun ditubuhkan di negara

kita tetapi kita masih terdapat satu kekurangan berhubung dengan tanah-tanah industri.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita yang telah mengumumkan satu sistem pinjaman dengan kurang kadar faedah kepada negeri-negeri baru-baru ini untuk mewujudkan lebih kawasan-kawasan perindustrian. Saya berharap dengan sistem ini matlamat akhir iaitu untuk mewujudkan tanah industri dengan harga yang berpatutan boleh dapat diwujudkan dan saya ingin memohon kepada Kerajaan Pusat untuk menetapkan harga tanah industri ini oleh kerana sejauh mana yang saya dapati Kerajaan Negeri sering kali menggunakan tanah industri sebagai satu alat yang penting untuk menaikkan hasilnya tanpa mengirakan kesan kepada negara bagi jangka masa panjang.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya terpaksa menyentuh sedikit sebanyak berkaitan dengan kesan pelaburan asing dalam negara kita. Walaupun dalam satu keadaan kemerosotan ekonomi negara kita, kita harus menggalakkan pelaburan asing dalam negara kita, saya ingin bertanya adakah langkah ini masih wajar dalam keadaan ekonomi yang telah bertukar. Pada masa kini pertumbuhan ekonomi negara kita telah mencapai kepada satu taraf yang memuaskan dan saya ingin untuk memohon kepada Kerajaan untuk mengkaji balik dasar yang sedang diuruskan oleh Kerajaan. Saya berpendapat apa yang lebih penting pada masa kini ialah lebih banyak pelaburan dari warganegara kita dan Kerajaan harus mengkaji langkah-langkah untuk menggalakkan lebih ramai penduduk dalam negara kita melabur dan mengambil bahagian dalam industri kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini saya ingin merujuk kepada keadaan di negara kita dalam zaman

penjajah sebelum kita mencapai kemerdekaan. Pada masa itu negara kita telah menerima banyak pelaburan dari negara asing dan kita semua telah tahu, walaupun beberapa peluang pekerjaan telah diwujudkan dengan pelaburan asing tersebut, kesan jangka masa panjang ialah kekayaan negara kita telah pun beralih kepada negara-negara luar.

Baru-baru ini dalam satu seminar yang telah pun diadakan di dalam negara kita seorang usahawan bernama telah menyentuh berkaitan dengan kesan kadar pelaburan asing di negara kita iaitu pada masa kini pelaburan dari luar negeri sedang mengalir ke luar dari negara kita sebanyak \$5 ribu juta setiap tahun. Inilah satu kenyataan yang penting yang kita harus mengkaji dengan sedalam-dalamnya untuk mengetahu.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Speaker, tidak cukup kuorum.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, duduk dahulu. Tidak cukup kuorum, sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira: lebih 26 Ahli hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Cukup kuorum. Ahli Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan S. S. Subramaniam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Inilah satu kenyataan yang penting yang kita harus mengkaji dengan sedalam-dalamnya untuk mengetahui bagaimana pengaliran wang seperti tersebut boleh dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu aspek mengenai pelaburan asing ialah insentif-insentif yang sedang diberi oleh Kerajaan untuk pelabur-pelabur asing seperti pegangan 100% ekuiti oleh orang-orang asing dan pemberian pioneer status dan insentif-insentif

sepertinya dalam industri-industri yang menggunakan barang-barang mentah seperti latex, getah dan kelapa sawit. Walaupun pelaburan seperti ini sedang menyumbang untuk mengurangkan kadar pengangguran, saya ingin membawa kepada perhatian Kerajaan lagi satu kesan buruk yang pelaburan seperti ini telah wujud selain daripada kesan pengaliran wang keluar negeri ialah kesan ini ialah mereka yang telah memegang ekuiti 100% sedang menjaga kemahiran mereka dengan sulit dan tidak ingin memindah kemahiran ini kepada orang-orang tempatan. Sebagai contohnya ialah industri pembuatan sarung tangan getah di negara kita pada masa kini. Beberapa kilang-kilang luar negeri yang telah pun diberi kelulusan 100% tersebut sedang memegang pasaran antarabangsa dan kemahiran mereka dalam tangan mereka dan ingin melebihi pasaran mereka dan memberi tentangan yang hebat kepada kilang-kilang tempatan yang ingin mengambil bahagian dalam industri itu. Keadaan ini telah sampai ke suatu peringkat pada tahun 1988 di bawah mana 90% kilang-kilang tempatan terpaksa berhentikan kerja-kerja mereka. Tetapi kilang-kilang yang dipunyai oleh pelabur-pelabur asing masih boleh berterusan. Inilah satu keadaan yang tidak munasabah dan saya ingin memohon kepada Kerajaan untuk membantu usahawan-usahawan tempatan dalam industri pembuatan sarung tangan getah ini oleh kerana sebagai satu negara yang mengeluarkan 70% latex yang digunakan oleh dunia jika warganegara kita tidak boleh mengambil bahagian dalam industri ini saya rasa ini akan menunjukkan satu kelemahan yang besar dengan negara dan Kerajaan kita.

Industri ini tidak memerlukan modal yang besar ataupun kemahiran yang complex, dengan izin, dan jika pihak kita tidak boleh memainkan peranan yang penting dalam industri

ini saya tidak tahu mana industri lain kita boleh ambil bahagian.

Oleh yang demikian, saya ingin memohon kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan Menteri Perusahaan Utama dan juga Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk mengkaji bagaimana negara ini boleh memainkan peranan yang penting dalam industri ini. Kesan baik untuk negara kita dari industri ini begitu besar. Saya harap Menteri-menteri tersebut tidak akan agak-agak sahaja dengan cadangan saya.

Baru-baru ini saya dapati pihak SIRIM ataupun Institut Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia ingin menghantar beberapa pihak kepada negara Amerika Syarikat untuk mendapat sedikit sebanyak teknologi dan technical specifications, dengan izin, berkaitan dengan industri sarung tangan getah ini. Tetapi saya dapati mereka tidak ada satu peruntukan berjumlah \$45,000 untuk mengendalikan kerja-kerja tersebut. Saya ingin memohon kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan untuk menjelaskan masalah peruntukan ini dengan secepat mungkin demi pembangunan industri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi anomali seperti yang berlaku dalam industri sarung getah telah pun berlaku dalam industri elektronik dalam negara kita. Industri elektronik ialah industri yang paling moden yang boleh menaikkan taraf industri negara kita ke taraf industri tertinggi seperti yang berada di negara Jepun, Korea Selatan dan Taiwan. Tetapi walaupun negara kita telah pun mencapai ke satu taraf yang terkenal di dunia untuk membuat komponen-komponen untuk alat-alat elektronik saya dapati semua kilang-kilang yang mempunyai kemampuan teknologi tersebut adalah di bawah pegangan orang-orang asing yang masih mengawasi teknologinya dengan begitu rahsia.

Pemindahan teknologi dan kemahiran dalam industri ini kepada rakyat Malaysia masih tidak berlaku oleh kerana pelabur-pelabur ini masih menggunakan juruteknik-juruteknik tertinggi dari negara mereka sendiri. Mereka juga menggunakan kebanyakan barang-barang keperluan diri mereka sendiri sehingga ke satu peringkat barang-barang buangan atau waste material, dengan izin, juga sedang dihantar balik ke negara mereka. Keadaan dan amalan seperti ini tidak akan menggalakkan pemindahan teknologi kepada warganegara kita. Dan saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan untuk mengkaji sedalam-dalamnya bagaimana orang-orang tempatan bukan sahaja boleh dapat dilatih dalam sektor elektronik tetapi juga boleh memainkan satu peranan yang penting dalam sektor elektronik ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati juga Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah untuk menswastakan beberapa agensi-agensi Kerajaan seperti Jabatan Pos dan Lembaga Letrik Negara seperti yang telah berlaku dengan Sistem Telekom Malaysia.

Saya ingin memohon sekali lagi kepada Kerajaan untuk mengkaji dengan sedalam-dalamnya semua aspek positif dan negatif dengan pengswastan industri perkhidmatan utama tersebut oleh kerana saya masih tidak percaya pengswastan telah menaikkan kecekapan dalam perkhidmatan Sistem Telekom Malaysia. Hanya apa yang telah berlaku ialah kenaikan kecekapan berkaitan dengan kutipan bil-bil telefon dan potongan perkhidmatan kepada pengguna-pengguna yang tidak mampu bayar bil telefon dalam tempoh yang tertentu. Tetapi dari segi perkhidmatan kita masih dapati beberapa kelemahan seperti yang berlaku dahulu dan oleh yang demikian saya ingin memohon kepada Kerajaan untuk mengkaji balik

pengswastaan dua-dua perkhidmatan tersebut dan jika perlu hanya menukar atau menaikkan sistem pengurusan di dalam kedua-dua sektor tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pengswastaan, kita telah pun diberitahu satu lagi industri iaitu Sabah Gas Industries akan diswastakan. Pada akhir tahun lalu saya mendapat satu peluang untuk mengkaji semua aspek aktiviti Sabah Gas Industries ini dan saya ingin menyentuh di sini pada hemah saya industri ini boleh menjadi satu industri berat yang boleh membawa hasil yang baik kepada negara kita pada jangka masa panjang. Dan saya ingin memohon kepada Kerajaan untuk mengadakan satu lagi kajian melalui pihak-pihak yang sebenarnya neutral untuk mendapat tahu sejauh mana pengswastaan industri tersebut akan memberi kesan baik kepada negara kita pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita menyentuh ekonomi negara, sedih hati saya atas penurunan nilai ringgit Malaysia berbanding dengan mata wang-mata wang negara lain yang makin kukuh khususnya mata wang Singapura. Kini saya dapati nilai ringgit Malaysia adalah dengan kadar M\$1.00 bersamaan S\$0.60 sen. Fenomena ini bukan tiba-tiba wujud hari ini malah terus wujud sejak beberapa tahun dahulu. Oleh kerana ini, yang paling menerima pukulan teruk dari ini ialah rakyat jelata kita terutama sekali pihak-pihak yang membuat perniagaan dengan negara tersebut. Saya dapati beberapa banyak barangan makanan dan barang-barang mustahak diimport dari negara itu dan perkara ini sedang menyusahkan rakyat jelata kita.

Sebagai contohnya, harga susu telah pun dinaikkan beberapa kali dalam satu tahun yang lampau dan walaupun Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedang mengambil langkah-langkah untuk mengawasi harga-harga tersebut ini bukan satu

langkah yang sempurna untuk menjaga kepentingan rakyat jelata.

Saya percaya satu tindakan tegas perlu diambil serta-merta buat menjamin nilai ringgit bukan sahaja tidak menurun lagi bahkan pulih serta menjadi lebih kukuh pada masa akan datang. Kerajaan perlulah bertindak cepat dan cekap sekali untuk menjamin nilai ringgit Malaysia semakin tinggi setiap masa. Jika sekiranya tindakan segera tidak diambil maka saya takut rakyat kita tidak diberi keyakinan penuh atas nilai ringgit kita dan ini akan membawa kesan buruk kepada ekonomi negara seperti yang berlaku pada masa kini yang mana beberapa pihak sedang mengalir wang mereka ke luar negeri untuk menjamin keselamatan kewangan mereka. Walaupun kejatuhan nilai ringgit ada kesan-kesan baik berhubung dengan eksport barangan-barangan negara kita dan juga pendapatan melalui industri pelancong, saya ingin menyentuh di sini kesan-kesan buruk ini melebihi jika dibandingkan dengan kesan-kesan baik.

Pada pendapat saya tidak ada negeri-negeri dalam dunia yang telah berjaya dalam satu ekonomi di mana pertukaran wangnya telah merosot dan oleh yang demikian saya ingin memohon kepada Menteri Kewangan dan Bank Negara Malaysia untuk menjaga kadar pertukaran ringgit kita demi menggalakkan kestabilan kewangan dan kekukuhan struktur kewangan untuk mempengaruhi pelabur-pelabur bukan sahaja dari luar negeri tetapi juga dalam negeri untuk melabur dan menyimpan kewangan mereka dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara saya terpaksa menyentuh di sini ialah berkaitan dengan sistem kewangan kita khususnya apa yang telah berlaku dengan CCB ataupun Bank Pusat Kerjasama. Saya dapati bank ini akan diletak di bawah receivership, dengan izin, dan walaupun tindakan

ini telah berlaku melalui sistem mahkamah kita, kita ingin membangkit di sini beberapa soalan dan saya harap Menteri yang berkenaan boleh menjawab soalan-soalan ini. Adakah Kerajaan sedar dalam satu Kertas Putih yang telah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini dalam tahun 1986 berkaitan dengan masalah koperasi, Kerajaan telah menjamin untuk menjaga Bank Rakyat Malaysia, Bank Pusat Kerjasama dan Bank Kerjasama Seberang Perai dari keadaan yang telah berlaku dengan koperasi-koperasi lain. Apakah sebabnya untuk menukar dasar ini dalam satu masa dua tahun dan adakah Yang Berhormat Menteri telah menerima kelulusan dari Dewan ini untuk menukar dasar tersebut. Adakah Kerajaan sedar tindakan Menteri berkenaan akan membawa kesan yang buruk kepada beberapa koperasi lain sehingga beribu-ribu rakyat jelata akan kehilangan semua wang simpanan mereka dan beberapa lagi koperasi lain akan juga tamat aktiviti-aktiviti mereka. Adakah tindakan ini munasabah berpandu dengan tindakan yang telah diambil untuk menyelamatkan Bank Rakyat Malaysia dalam keadaan yang sama? Adakah benar walaupun Bank Negara Malaysia telah mengambil kuasa di atas CCB sejak bulan Januari 1988 tidak satu sen pun dapat dikutip dari beberapa orang-orang kenamaan yang telah meminjam dari bank ini. Saya dapati sejumlah \$466.6 juta telah pun dipinjam dan sebahagian besar dari jumlah ini telah pun dipinjam oleh Vincent Tan dan kumpulannya. Adakah benar jika Vincent Tan dan kumpulannya telah menunaikan pinjaman mereka, satu keadaan seperti receivership yang telah berlaku baru-baru ini tidak akan berlaku pada CCB. Di sini saya suka juga menyentuh di atas 58% saham yang telah dipegang oleh CCB dalam Bank Buruh dan saya berharap saham ini tidak akan dijual kepada mana-mana individu pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada Kementerian Pendidikan. Di bawah Kementerian Pendidikan saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri kita yang kita kasihi dan juga Menteri Kerjaraya dan Menteri Pendidikan yang telah memberi sedikit sebanyak peruntukan untuk mendirikan beberapa sekolah baru (Tamil) di seluruh negara kita semenjak tahun 1987. Namun demikian masih terdapat beberapa sekolah Tamil dalam keadaan yang amat membimbangkan. Sebagai contohnya ialah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (T) Ladang Bukit Manchong di kawasan saya. Walaupun saya telah memperjuangkan di atas nasib sekolah ini selama dua tahun dan peruntukan telah pun diperolehi dari World Bank untuk mendirikan sekolah ini tetapi pada akhirnya saya dapati Kementerian Pendidikan telah menggunakan peruntukan ini untuk membina sebuah sekolah lain. Saya harap satu penjelasan yang baik boleh diberi oleh Menteri Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa punca bagi semua masalah yang saya telah sentuh tadi ialah sebab pihak Kementerian tidak memberi apa-apa peruntukan pembangunan secara langsung kepada sekolah-sekolah Tamil khasnya sekolah-sekolah yang terletak di atas tanah swasta. Saya telah menyeru beberapa kali kepada Menteri Pendidikan tetapi keadaan tersebut masih tidak berubah. Saya berharap dalam Belanjawan 1990 yang akan dibentangkan dalam Dewan Parlimen dalam bulan Oktober tahun ini, pihak Kementerian akan memperuntukkan sekurang-kurangnya 10% jumlah Anggaran Belanjawan Pembangunan Kementeriannya kepada sekolah-sekolah Tamil di seluruh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya ingin menyentuh tentang sistem

baru penggal persekolahan mulai tahun 1990 yang akan bermula pada bulan Disember tahun ini. Perubahan ini telah dibuat memandangkan banjir di Pantai Timur. Sungguhpun kita semua faham dan menerima sebab-sebab peraturan ini, saya rasa sistem ini mungkin tidak dapat berjalan dengan licin khususnya pada bulan Disember. Ini disebabkan ramai pegawai-pegawai Kerajaan dan syarikat-syarikat lain yang mengambil cuti panjang pada akhir tiap-tiap tahun. Apabila ini berlaku, anak-anak dan isteri mereka juga turut ikut balik kampung atau bercuti di luar negeri. Ini bermakna murid-murid tidak dapat menghadiri sekolah pada musim tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, satu minit lagi.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak diberi peluang untuk menghabiskan ucapan saya. Ada banyak lagi saya hendak berucap. Saya mewakili pihak MIC, ada banyak perkara saya hendak berucap di sini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Walau bagaimanapun, Yang Berhormat, Tuan Speaker telah membuat satu ruling tadi bahawa 30 minit sahaja kepada seorang.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya seorang sahaja yang mewakili semua kaum India di seluruh negara kita. Ada banyak perkara yang saya telah jaga selama beberapa tahun ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ya, Yang Berhormat, saya terima. Tetapi saya tidak boleh mengamalkan satu polisi yang boleh dikatakan diskriminasi. Walau bagaimanapun saya beri 5 minit lagi.

Tuan S. S. Subramaniam: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kempen. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Jangan jadikan ini sebagai satu isu.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kempen pendaftaran pengundi-pengundi yang akan dilancarkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya baru-baru ini, saya ingin memohon kepada Suruhanjaya Pilihanraya ini untuk mengadakan pendaftar-pendaftar berbilang kaum untuk mendaftar pengundi-pengundi. Saya dapati ada beberapa kesilapan yang berlaku di dalam proses pendaftaran tersebut dan saya rasa penyelewengan seperti ini boleh dielakkan dengan keadaan pendaftar-pendaftar dari setiap kaum dalam setiap pusat pendaftaran. Ada beberapa pihak yang telah bersetuju untuk membantu di atas peranan ini tanpa mendapat gaji dan saya ingin memohon kepada Menteri berkenaan untuk menggunakan sumbangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya terpaksa juga untuk menyentuh sedikit sebanyak berkaitan dengan permohonan untuk menjadi warganegara ataupun pemastautin tetap di negara kita. Saya dapati beribu-beribu pemohon khasnya dari keturunan India telah memohon tetapi masih belum menerima apa-apa jawapan. Semua ini mempunyai kelayakan yang penuh dan telah memenuhi semua syarat-syarat yang dikenakan tetapi walaupun masa sepanjang 10-15 tahun telah berlangsung masih tidak menerima satu keputusan yang baik. Memandangkan pihak kaum India telah membuktikan sokongan penuh kepada Kerajaan Barisan Nasional dalam setiap pilihanraya, saya ingin memohon kepada Menteri Dalam Negeri untuk meluluskan secepat mungkin semua permohonan-permohonan tersebut.

Saya beralih kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sebenarnya Kementerian ini boleh memainkan satu peranan yang penting untuk menggalakkan ekonomi negara kita seperti yang berlaku di beberapa negara lain. Tetapi pada pendapat saya Kementerian ini tidak berjaya untuk memainkan peranan ini. Baru-baru ini terdapat kerja pembinaan di atas beberapa skim-skim rancangan perumahan di negara kita telah pun dihentikan dengan beberapa sebab. Tetapi satu sebab yang utama ialah cash-flow problem, dengan izin, dan saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementeriannya untuk menyelesaikan masalah ini. Pada hemat saya cash-flow problem seperti ini berlaku dengan sebab-sebab berikut:

- (i) pihak-pihak pembeli sentiasa ingin membeli rumah dengan wang cagaran yang minima dan pihak pemaju menggalakkan penjualan terpaksa menjual dengan harga yang minima;
- (ii) pihak bank juga untuk menjaga kepentingan mereka enggan memberi pinjaman melebihi 70% harga kos rumah dan ini pun diberi hanya selepas pembinaan 30% telah siap;
- (iii) pihak KWSP yang telah bersetuju untuk memberi pinjaman kepada pembeli-pembeli juga telah menukar dasar untuk memberi pinjaman hanya selepas 30% pembinaan telah siap. Ini bermakna pihak KWSP juga telah menukar peranannya sebagai satu institusi kewangan dan bukan untuk membantu pembeli-pembeli untuk membayar wang cagaran dan sebagainya; dan

(iv) pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan yang telah mengambil masa yang begitu lama untuk meluluskan pemindahan syarat tanah, meluluskan pelan-pelan binaan dan sijil kelayakan (CF). Walaupun Kerajaan pusat telah mengarah Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan untuk mempercepatkan prosesnya, saya dapati pihak pemaju masih memerlukan masa sejumlah dua hingga empat tahun untuk memperolehi semua kelulusan sahaja tanpa mengira masa untuk pembinaan.

Beberapa pihak pemaju dari luar negeri telah mengatakan bahawa Malaysia ialah satu negara yang unik di bawah mana proses red tape sedang mengambil masa yang lebih jika dibandingkan dengan masa untuk pembinaan. Saya ingin memohon kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk mengambil perhatian yang serius di atas industri pembinaan rumah di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Kementerian Penerangan, sukalah saya merakamkan setinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan kerana menghapuskan rancangan untuk menaikkan bayaran lesen radio dan TV serta mengekalkannya pada tahap \$24 setahun. Sebenarnya lesen radio dan TV perlu dihapuskan sama sekali kerana RTM sudah dapat keuntungan lumayan sebanyak \$120 juta setahun melalui iklan-iklan.

Satu lagi perkara yang saya ingin menyentuh ialah Drama Tamil di RTM. Mengenai Drama Tamil tempatan sudah dihapuskan dan digantikan dengan Drama yang dibeli dari India. Alasan yang diberi oleh

RTM ialah bahawa Drama Tamil yang dibeli dari India jauh lebih murah dari Drama Tamil yang diusahakan di Malaysia. Tidak dapat dinafikan bahawa perbelanjaan membuat satu Drama Tamil tempatan ialah kira-kira \$40,000. Memandangkan tiada syarikat-syarikat India yang bercadang menaja rancangan ini, maka lojiklah pembelian Drama dibuat dari India. Walaupun sedemikian, saya ingin memohon kepada pihak Kementerian untuk membuat sedikit pengorbanan dari segi pendapatan untuk membiayai Drama Tamil tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin memohon kepada Kementerian Wilayah Persekutuan untuk memberi sedikit-sebanyak penghormatan kepada Ahli-ahli Parlimen apabila sampai ke masa untuk memberi borang-borang untuk skim-skim FELDA yang berada di kawasan-kawasan mereka. Baru-baru ini saya dapati borang-borang untuk skim FELDA Sungai Tinggi di kawasan saya telahpun diedarkan tetapi walaupun beberapa pihak tertentu telah menerima borang ini, saya sebagai Ahli Parlimen kawasan itu tidak berjaya untuk mendapat satu keping pun untuk penyokong-penyokong saya dan perkara ini sedang menjejaskan imej saya di kawasan saya sendiri. Oleh yang demikian, saya ingin memohon kepada Kementerian berkenaan untuk menyelesaikan masalah seperti ini pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda di atas Titah Ucapan Baginda dan saya berdoa agar Tuhan akan melanjutkan usia Tuanku sepanjang masa. Saya juga ingin merakamkan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak yang telah dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong baru. Dan saya berharap serta berdoa Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri kita yang kita kasihi akan sembuh secepat mungkin serta dapat menyambung balik kerjanya untuk terus memimpin negara kita dalam masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong usul yang telah dibentangkan.

Beberapa Ahli: Bangun.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vjandran): Saya jemput Yang Berhormat dari Ampang Jaya untuk memberi ucapan julung kali atau "maiden speech".

5.01 ptg.

Tuan Ong Tee Keat (Ampang Jaya): Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kerana berpeluang turut mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dan sebagai seorang Wakil Rakyat yang cintakan kestabilan negara, saya juga bersyukur kerana Titah Baginda memberi jaminan bahawa Kerajaan akan terus memberi jaminan dan perhatian utama kepada matlamat meningkatkan lagi perpaduan negara. Ini memang adalah hasrat aspirasi rakyat jelata kita yang berbilang bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, dari tinjauan dan pengamatan saya setakat ini masih terdapat banyak rintangan terhadap usaha kita untuk meningkatkan perpaduan negara. Pemikiran rakyat kita masih kerap dihantui oleh sentimen perkauman. Dalam kehidupan kita setiap haripun ciri-ciri perbezaan antara kaum yang menjadi tumpuan perhatian rakyat dan bukannya ciri-ciri persamaan yang dapat mengeratkan pertalian di kalangan rakyat yang berbilang bangsa.

Pada pendapat saya persaingan di antara kaum khususnya dari segi kepentingan kaum dalam sesebuah masyarakat majmuk memang adalah

biasa dan kita tidak perlu menolak persaingan bulat-bulat asalkan persaingan itu berupa satu perlumbaan sihat yang berlandaskan peluang persaingan yang sama rata untuk menerokai bidang peluang yang baru. Tetapi malangnya hakikat yang sebenar tidak demikian dan pada tanggapan kebanyakan rakyat kita persaingan itu lebih merupakan satu "zero sum game", dengan izin, di mana makin banyak sesuatu kaum itu terima maka makin kurang bakinya untuk kaum lain. Dengan lain perkataan, ramai lain yang menganggap bahawa kepentingan komuniti lain hanya akan dapat dibela dengan merugikan kepentingan kaumnya sendiri. Bagi mereka yang berpendapat sedemikian seolah-olah peluang dalam segala bidang kehidupan kita, khususnya dalam bidang ekonomi adalah statik dan tiada sebarang pertumbuhan langsung. Ini adalah satu belenggu yang mengongkong pemikiran kita sehingga mudah mencetuskan perasaan hasad dengki dan syak wasangka di kalangan rakyat yang berbilang bangsa.

Pada hakikatnya segala masalah yang dihadapi oleh satu-satu kaum adalah masalah rakyat dan negara. Jika tidak diatasi atau dibendung pada peringkat awal padah akibatnya kemudian bila kestabilan negara terjejas. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, usaha Kerajaan untuk membasmi kemiskinan orang-orang Melayu khususnya di luar bandar tanpa membelakangkan kemiskinan keturunan lain dan di kawasan bandar tidak perlu dipertikaikan. Begitu juga layanan yang diberi oleh Kerajaan terhadap tuntutan atau teguran yang rasional untuk mengatasi masalah mana-mana satu kaum pun tidak seharusnya disifatkan sebagai konsesi atau tindak-tanduk yang berganjak kerana keadaan seperti ini bukan satu perlawanan yang membabitkan pihak menang atau pihak kalah. Yang jadi soal pokok cuma sama ada sesuatu masalah itu dapat diselesaikan secara

rasional atau tidak demi untuk kesejahteraan rakyat bersama.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa rakyat kita yang berbilang bangsa masih menghadapi banyak kekurangan dalam pelbagai bidang, tetapi kekurangan yang tersebut yang dihadapi oleh sesuatu kaum itu sebenarnya tidak berpunca daripada penindasan oleh komuniti-komuniti lain. Yang perlu disalahkan ialah imperialis dan penjajah yang pernah menindas rakyat kita yang berbilang bangsa dan membolot kekayaan negara kita sebelum merdeka. Oleh yang demikian, segala usaha untuk membasmi kemiskinan harus merangkumi semua kaum kerana masalah kemiskinan itu memang tiada benteng perkaumannya.

Dalam hubungan ini saya ingin merakamkan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional atas kejayaannya mengurangkan kadar kemiskinan dari 49.3% pada tahun 1970 kepada 19.4% pada tahun 1987. Selepas 18 tahun kini tumpuan usaha Kerajaan untuk membasmi kemiskinan di kawasan luar bandar telah pun berhasil. Dalam pada itu, saya berharap masalah kemiskinan di bandar tidak akan tercicir daripada segala perancangan atau program pembasmian kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita memang adalah sebuah negara yang kaya dari segi bahan-bahan sumber asli, termasuk tanah yang subur, akan tetapi setakat ini masih terdapat keluasan tanah terbiar yang luas, baik untuk kegunaan sawah mahupun untuk kegunaan bukan sawah. Menurut sumber perangkaan Lembaga Kemajuan Tanah dan Wilayah, keluasan tanah terbiar yang berjenis tanah sawah di seluruh Semenanjung Malaysia telahpun meningkat daripada 89,398.8 hektar pada tahun 1987 kepada 125,255.9 hektar pada tahun 1988. Ini bersamaan kadar peningkatan

sebanyak 40.1% sedangkan tanah bukan sawah yang masih terbiar pada tahun 1988 berkeluasan 428,117 hektar di seluruh Semenanjung. Walaupun Kerajaan telah melaksanakan pelbagai projek seperti program petani siswazah untuk melibatkan siswazah yang menganggur dalam projek penerokaan tanah, tetapi pada pendapat saya itu tidak memadai untuk mengatasi masalah tanah terbiar. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengesyorkan supaya lebih banyak tanah yang berjenis tanah sawah dapat diberi milik kepada pengusaha-pengusaha atau peladang-peladang haram yang betul-betul tidak memiliki tanah sedangkan tanah yang bukan sawah bolehlah digunakan untuk penempatan semula setinggian tanpa mengira kaum. Saya yakin usaha-usaha ke arah tersebut akan sedikit-sebanyak dapat membantu pembasmian kemiskinan dan masalah-masalah terbitannya.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 6hb Mac ini telah menegaskan bahawa perpaduan negara akan terus menjadi matlamat bagi semua dasar Kerajaan dalam bidang pembangunan, ekonomi, pendidikan, kebudayaan, bahasa dan sebagainya. Rakyat yang taat setia kepada Raja dan Negara bukan sahaja perlu menjunjung Titah Baginda dengan kesyukuran malahan perlu mengorientasikan sikap dan pemikiran kita untuk menjayakan matlamat perpaduan negara.

Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, kita perlu tepuk dada tanya selera dari semasa ke semasa sama ada selama ini kesederhanaan yang meliputi unsur toleransi saling memahami dan menghormati pernah dijadikan satu amalan hidup yang dapat mencerminkan adab dan adat kita sebagai orang Timur.

Yang kedua, sama ada kita mempunyai kesediaan menyelesaikan sebarang konflik atau perbalahan sekiranya timbul melalui perundingan yang berdasarkan semangat setiakawan dan musyawarah.

Yang ketiga, sama ada kita sanggup mengakui, menerima serta menghayati kewujudan kepelbagaian ciri berbilang kaum dari segi agama dan kebudayaan.

Keempat, sama ada kita sanggup mengekalkan perhubungan isi dengan kuku yang selama ini terjalin di antara kumpulan ethnic demi kesejahteraan negara buat jangkamasa yang panjang.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (Bangun).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun, minta penjelasan?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Boleh minta penjelasan?

Tuan Ong Tee Keat: Boleh, sila.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat dari Ampang Jaya. Saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat dari Ampang Jaya apabila beliau menyebut perkataan toleransi, apakah sikap Yang Berhormat dari Ampang Jaya nanti apabila menerima konsep musyawarah, perundingan di mana kalau diputuskan nanti bahawa Dasar Ekonomi Negara selepas 1990 itu diasaskan di atas kepentingan melanjutkan Dasar Ekonomi Baru, oleh kerana hasil daripada penjajah dahulu di mana orang Melayu begitu miskin. Apakah Yang Berhormat akan menyokong dan tidak membuat bisung sepertimana pernah berlaku, yang dibuat oleh MCA sebelum ini.

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya sebutkan tadi dalam ucapan saya, selama ini parti MCA dan masyarakat Cina umumnya memang tidak mempertikaikan usaha Kerajaan untuk membantu orang-orang miskin, khususnya orang-orang Melayu dari kawasan desa tanpa membelakangkan masalah kemiskinan yang dihadapi oleh kaum-kaum lain, misalnya kaum Tionghua dan kaum India di perkampungan Cina dan estate, dan pada pendapat saya soalan Yang Berhormat dari Pasir Mas itu tadi memang telah pun saya beri jawapan terlebih dahulu sebelum ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah, Yang Berhormat dari Pasir Mas. Dia baru pertama kali berucap dalam Dewan ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta penjelasan sedikit. Saya tanya tadi, apakah dia sokong Dasar Ekonomi Baru jika dilanjutkan. Jika ianya dirumus oleh Majlis Perundingan Ekonomi Negara nanti bahawa beliau menyokong Dasar Ekonomi Baru sebagai asas lanjutan kepada Dasar Ekonomi Negara. Apakah beliau sokong, secara khusus dan tegas.

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, memang saya rasa hairan mendengar soalan yang sedemikian daripada Yang Berhormat dari Pasir Mas, sebab selama ini parti MCA memang tidak pernah mempertikaikan matlamat yang tertera dalam Dasar Ekonomi Baru, yang jadi soal pokok biasanya cuma cara-cara implementasinya. Itu yang jadi satu soal yang mungkin kadangkala kita dengar di sana sini dalam perbincangan antara pemimpin-pemimpin kita, khususnya di antara parti MCA dengan parti UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, saya meminta supaya dapat meneruskan ucapan saya yang ada sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Boleh Yang Berhormat.

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, dengan tulus ikhlas saya berharap renungan yang saya sebutkan tadi itu yang berlandaskan Rukunegara dapat membantu serba-sedikit dalam usaha rakyat dan Kerajaan kita untuk membanteras ekstremisma dalam segala bentuk dan saya turut menjunjung kasih terhadap Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Saratok.

5.14 ptg.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau (Saratok): Tuan Yang di-Pertua, saya bersama rakan-rakan saya suka memberi ucapan terima kasih kepada Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bersempena pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Ketujuh pada 6hb Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Ahli Dewan Rakyat dari kawasan Saratok di negeri Sarawak, saya sungguh bergembira apabila Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Baginda mengingatkan rakyat sekalian supaya menguatkan azam untuk mengeratkan kerjasama dan perpaduan di antara satu sama lain dan lebih-lebih lagi apabila Baginda menyatakan iaitu kepentingan diri hendaklah diketepikan supaya negara dapat terus maju dan usaha-usaha pembangunan serta minat daripada pelaburan asing dapat ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan segala perkembangan pembangunan di seluruh negara dan kejadian politik, lebih-lebih lagi di negeri Sarawak dalam tempoh Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong, dalam masa 5 tahun yang lepas, memang kena dan tepat masanya Baginda bertitah demikian supaya rakyat dan pemimpin-pemimpin yang tertentu dapat merenung semula dan kemudian menuju ke arah yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, arah yang sebenar yang saya ketahui jika rakyat Sarawak diambil kira ialah segala perjanjian semasa menubuhkan negara Malaysia pada 16hb September, 1963, sungguhpun official date, dengan izin, 31hb Ogos, 1963, ini bererti banyak lagi tanggungjawab Ketua-ketua Kerajaan Pusat dan lebih-lebih lagi rakyat di Semenanjung Malaysia yang telah mencapai kemerdekaan 5 tahun lebih awal terhadap rakyat yang mempunyai banyak suku-suku kaum di Sarawak dan Sabah. Tanggungjawab ini besar maknanya dan boleh saya bandingkan semacam abang dan adik. Sebagai abang tentu sekali memberi kemudahan dan perangsang mengikut hak yang sebenar dan begitu juga adik menghormati abang kerana kejujuran dan kepimpinan yang tulus ikhlas kepada adiknya.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, kerjasama yang nyata di antara Kerajaan Negeri yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud dan Kerajaan Pusat yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, ialah semasa krisis politik yang terjadi di negeri Sarawak pada bulan Mac, 1987, iaitu semasa Duli Yang Maha Mulia Sultan Iskandar sebagai Yang di-Pertuan Agong. Apa yang jelas dan perlu

diingatkan ialah hak Kerajaan Negeri Sarawak meminta atau memberi pandangan supaya tempoh Majlis Undangan Negeri Sarawak di bubarkan dapat persetujuan dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kemudian diluluskan oleh Tuan Yang Terutama Negeri Sarawak Tun Datuk Patinggi Haji Ahmad Zaidi Adruce bin Mohammad Noor.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang terjadi selepas itu ialah sebagai sejarah, bukan terhad kepada negeri Sarawak sahaja tetapi merangkumi negara Malaysia dan semua rakyat di seluruh negara patut merenung semula apa sebabnya perkara begitu boleh terjadi dan keputusan yang diberi oleh rakyat Sarawak kepada Kerajaan Negeri sekarang yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya bercadang dan menyeru kepada Kerajaan Pusat apa yang diminta oleh Kerajaan Negeri patut difikirkan dengan sedalam-dalamnya supaya kerjasama yang erat dapat dipupuk dari semasa ke semasa supaya keluarga-keluarga abang dan adik dapat mencapai kemakmuran dan bahagia hidup yang sempurna mengikut aliran kemajuan yang ada di rantau ini khususnya dan didunia amnya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka memberi pandangan sedikit, lebih-lebih lagi mengenai kemajuan di negeri Sarawak dan amnya di kawasan saya di Saratok khususnya. Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini semasa memberi ucapan terima kasih kepada Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada bulan Oktober, 1986, saya ada menyentuh berkenaan dengan menurap jalan utama Sarawak patut dipertingkatkan dengan lebih memuaskan lagi kerana dalam masa 20 tahun jalan utama itu melintasi kawasan saya masih belum diturap lagi, tetapi dalam masa 2 tahun yang

lalu, kira-kira separuh panjangnya jalan yang ada melintasi kawasan saya di Saratok telah siap diturap.

Di sini saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak. Sungguhpun begitu, di kawasan-kawasan tersebut dan yang lain dan lebih-lebih lagi di package-package mulai dari simpang Batu Lintang dalam daerah Sri Aman sampai ke simpang jalan menuju ke Lubok Antu dalam daerah Lubok Antu dan terus ke simpang Betong dalam daerah Saribas, pekerja-pekerja menurap jalan utama Sarawak dalam dua package itu mungkin mulai tidak lama lagi. Tetapi kelewatan itu kerana yang saya difahamkan tender dipanggil tiga kali. Tawaran yang pertama ditolak oleh kontraktor kerana tawaran itu dibuat selepas enam bulan, dan tawaran yang kedua diberi kepada tender yang nombor dua rendah tetapi mengikut harga yang rendah sekali dan ditolak dan tawaran yang ketiga ini mungkin dapat berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan perkara yang saya sentuh tadi, saya bercadang supaya Lembaga Tawaran Persekutuan tidak selalu memilih tender yang rendah sekali. Tender yang rendah ini kadangkala boleh menimbulkan kesan yang tidak diingini seperti lambat menyiapkan kerja menurap jalan utama Sarawak, iaitu tidak mengikut jadual yang ditetapkan dan lagi bila sudah siap 2, 3 bulan kemudian banyak tempat di jalan itu, batu dan turapan itu berpecah-pecah dan longkang-longkang telah timbul.

Dari kacamata orang yang bukan mempunyai pengalaman teknikal tentu kejadian begini disebabkan minyak dan batu terlampau nipis. Kalau perkara begini selalu berlaku iaitu tender yang rendah sekali selalu diterima tentu sekali menimbulkan pembaziran perbelanjaan Kerajaan dan apa salahnya dipertimbangkan

tender yang tinggi sederhana dan kontraktor ini ada kemampuan menyiapkan kerja mengikut jadual dan specification, dengan izin, dari Jabatan Kerja Raya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa 5 tahun yang lepas, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah meluluskan satu projek Pertanian Bersepadu Kalaka-Saribas yang mengandungi kawasan 10,000 hektar dalam dua daerah tersebut. Kawasan ini bukan satu contiguous block, dengan izin, tetapi lebih dari 4 kawasan mengikut tanah yang ada sesuai dan luar dari kawasan rumah-rumah panjang dan kebun-kebun getah ataupun kawasan pulau-pulau buah-buahan dan rizab tradisional yang tidak lebih daripada 50 hektar mengikut adat yang diwarisi oleh mereka. Di sini saya sekali lagi memberi terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Pertanian dan Kerajaan Negeri Sarawak kerana meluluskan projek ini. Pada masa ini ada 600 hektar telah ditanam kelapa sawit dan bakinya dijangka akan siap ditanam sebelum hujung tahun 1993.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun tanah adalah dikuasai oleh Kerajaan Negeri tetapi apa yang saya mahu menjelaskan di sini iaitu selain daripada RISDA, FELCRA dan LCDA di Sarawak, agensi-agensi yang lain baikpun di peringkat Negeri ataupun Persekutuan tidak dapat ataupun tidak boleh membuka tanah orang bumiputra di Sarawak. Sekiranya dipinta oleh Kerajaan Negeri Sarawak, FELDA dipinta membuka tanah customary rights, dengan izin, tentu sekali Akta FELDA akan dipinda supaya tanah dipunyai oleh bumiputra di Sarawak tidak dibeli oleh Kerajaan Negeri ataupun Persekutuan semacam apa yang terjadi kepada tanah orang-orang Iban di Ulu Mukah dan Balingian yang ditanam kelapa sawit oleh Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak. Lembaga

tersebut adalah serupa Aktanya berkenaan dengan tanah dengan FELDA.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya permintaan tidak ada dari negeri Sarawak supaya FELDA membuka tanah customary rights, dengan izin, di Sarawak ataupun permintaan itu ada tetapi FELDA tidak bersetuju meminda Aktanya itu, saya bercadang sekiranya ada permintaan dari Kerajaan Negeri Sarawak, Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Sarawak dapat ditambah banyak lagi kakitangannya dan persetujuan dari Kerajaan Persekutuan perlu dituntut dan difikir dengan serius.

Saya percaya kalau banyak lagi tanah customary rights, dengan izin, dibuka dan ditanam mengikut Dasar Pertanian Negara tentu rakyat Sarawak yang ada tanah customary rights, dengan izin, dapat memajukan tanah mereka dan tanah mereka tidak akan hilang haknya seperti yang saya sebutkan tadi di Mukah dan Balingian. Ini bererti rakyat di luar bandar di Sarawak dapat mengikut aliran kemajuan sebanyak sedikit iaitu mengikut apa yang ada kepada abang-abang mereka di Semenanjung di sini.

Tuan Yang di-Pertua, buat penutup ucapan saya, saya berdoa kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Iskandar apabila habis tempoh beliau sebagai Yang di-Pertuan Agong, Baginda akan terus sebagai Sultan Pemerintah Negeri Johor macam biasa dan dengan ini juga saya berdoa kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita supaya dapat rehat dan sembuh semula supaya beliau dapat memimpin negara macam dulu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertuan (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kapit.

5.30 ptg.

Tuan James Jimbun Anak Pungga (Kapit): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak syukur dan

menjunjung kasih ke bawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Ketujuh pada 6hb Mac, 1989 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan yang telah menubuhkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara yang terdiri daripada berbagai-bagai pertubuhan bagi membincangkan masa hadapan Dasar Ekonomi Baru dengan Kerajaan bersetuju untuk mengambil sampai 150 orang untuk mengetuai Majlis Perundingan Ekonomi Negara yang terdiri daripada berbilang kaum yang diwakili oleh tokoh-tokoh akademik, politik, sosial, ahli perniagaan dan badan-badan sosial bagi menghadapi pihak pembangkang yang menyatakan Kerajaan tidak mengambil berat dan tidak sensitif.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu apa tujuan sebenarnya Dasar Ekonomi Baru untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat supaya pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi dapat dikurangkan dan akhirnya dapat dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, membasmi kemiskinan adalah bertujuan untuk menimbangkan kedudukan sosio ekonomi yang tidak seimbang di antara berbagai kaum dan kawasan dan pembahagian hasil pendapatan supaya sama rata atau saksama dan memberi bilangan pekerjaan kepada semua kaum di Malaysia. Dengan ringkas ia boleh dikatakan bagi mengurangkan perbezaan pendapatan antara kaum bumiputra dan bukan bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi malangnya rujukan perhubungan dengan bumiputra selalu dihubungkan dengan kaum Melayu sahaja. Ini menimbulkan perasaan yang tidak puas hati bagi orang kaum asli seperti kaum Dayak di Sarawak dan Kadazan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya mewakili penduduk dari kawasan Kapit meminta supaya Dasar Ekonomi Baru disambung semula (*Tepuk*). Saya berharap supaya Perdana Menteri akan memberi perhatian yang serius dan mengambil kira beberapa aspek perkara sebelum membentuk sesuatu dasar bagi menggantikan Dasar Ekonomi Baru selepas tahun 1990 seperti berikut:

1. Mengagihkan rezeki dan kekayaan negara dengan adil atau saksama dan memberi peluang pekerjaan di kalangan rakyat Malaysia.
2. Mengurangkan sosio ekonomi yang tidak seimbang di antara ethnic group dan kawasan.
3. Memberi penyertaan, penguasaan dan kuasa yang saksama di dalam pembangunan negara.
4. Tidak ada kumpulan kaum yang akan berasa keciwa dan tidak puas hati dalam pembahagian hasil kekayaan negara.
5. Memberi lebih banyak tumpuan kepada kemudahan bagi pelajaran dan kesihatan ke negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, objektif dan kegiatan telah dirancang kepada dua program utama iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, mari kita meninjau dengan lebih dekat apakah yang diperolehi melalui dua program ini. Membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat di Sarawak, terutama sekali dalam kawasan luar bandar di mana penduduknya terdiri daripada kaum Dayak, Iban, Kayan, Kenyah, Bidayuh, Melanau dan lain-lain.

Pertama, membasmi kemiskinan. Tuan Yang di-Pertua, program ini dilaksanakan melalui berbagai cara

yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak.

Kedua, pembangunan tanah, Tuan Yang di-Pertua, mengikut kepada Rancangan Malaysia Kelima, 551,000 hektar tanah telah dibangunkan di antara tahun 1971 hingga 1975 dalam Malaysia untuk 73,600 keluarga. Kebanyakan pembangunan diusahakan, dengan izin, oleh Federal Land Agency seperti FELDA, FELCRA dan RISDA. Dalam tahun 1981 hingga tahun 1985 162,200 hektar sahaja telah dibangunkan di mana 37.2 hektar di Sabah dan belum ada di Sarawak. Sebelum Dasar Ekonomi Baru ini tamat dari tahun 1986 hingga 1990 hanya sebanyak 195,000 hektar yang akan dibangunkan dengan 64,500 hektar di Sabah dan hanya 2,000 hektar di Sarawak. Ini jelas menunjukkan bahawa agensi dari Persekutuan ini tidak mempunyai banyak kesan di Sarawak.

Ketiga, infrastruktur pembangunan. Tuan Yang di-Pertua, masalah utama yang menghalang pembangunan tanah di kawasan luar bandar di Sarawak ialah kekurangan infrastruktur. Walaupun Sarawak negeri yang paling besar di Malaysia dengan yang kedua besar mempunyai rangkaian jalanraya di kawasan luar bandar yang masih banyak lagi tidak dapat dihubungkan. Mengikut kepada angka dalam tahun 1985, Sarawak hanya mempunyai 4,620 km jalanraya, kurang 35% jalanraya berbatu yang paling rendah di antara semua negeri dan di bawah purata 66.3% "below national average", dengan izin. Bagi menyiapkan ukuran jarak jauh jalanraya adalah munasabah kerana negeri Sarawak sama besarnya dengan Semenanjung Malaysia.

Keempat, pembangunan sosial. Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1981 hingga 1985 \$248.33 juta telah diperuntukkan kepada pembangunan sosial di Malaysia. Tambahan sebanyak \$319.90 juta telah pun

diperuntukkan sebelum tempoh rancangan DEB tamat. Walau bagaimanapun, jumlah ini tidak diketahui berapa banyak peruntukan diberi kepada negeri Sarawak.

Kelima, perubahan dan perkhidmatan kesihatan. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dicatat bahawa keadaan usia umur di Semenanjung Malaysia bertambah dari 62.2 dalam tahun 1980 kepada 67.7 dalam tahun 1984 bagi kaum lelaki dan 66.7 tahun 1980 kepada 72.7 tahun 1984 bagi kaum perempuan. Kadar kematian dan kelahiran bagi bayi telah menurun dari 39.4% tahun 1980 kepada 17.5% tahun 1984. Negeri Sarawak tidak mempunyai data bagi kadar kematian dan kelahiran bayi.

Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan untuk membina hospital daerah di tiap-tiap daerah adalah baik. Sebab lebih banyak lagi orang yang sakit yang memerlukan bantuan doktor. Tetapi buat masa sekarang ini di Sarawak hanya mempunyai 17 buah sahaja hospital daerah yang telah dibina dan sebanyak 10 buah daerah luar bandar yang belum mempunyai hospital daerah hanya Klinik Desa sahaja. Ini termasuk Daerah Sung di kawasan saya.

Keenam, air dan kuasa elektrik. Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak ianya 38% dalam tahun 1980 dan 40% dalam tahun 1985 jumlah penduduk yang dibekalkan dengan air paip, boleh jadi yang paling rendah di Malaysia. Bagi bekalan kuasa elektrik hanya 33.8% dalam tahun 1980 dan 48.3% dalam tahun 1985 rakyat yang mendapat faedah kemudahan ini. Angka ini masih diragui. Di kawasan luar bandar Sarawak seperti di Bahagian Kapit, dari sejumlah 469 rumah panjang hanya 396 rumah panjang yang dibekalkan dengan paip air melalui skim perumahan luar bandar di mana bekalan air yang tidak diproses dari air paip graviti atau pam dari tangki air. Ini juga sama dengan bekalan elek-

trik yang menggunakan penjana kuasa yang boleh dipindah alih yang mana mungkin boleh tahan selama 4 bulan atau satu tahun.

Penyusunan semula masyarakat. Tuan Yang di-Pertua, rancangan menyusun semula masyarakat telah pun dilaksanakan melalui beberapa kegiatan. Menurut Dasar Ekonomi Baru matlamat yang mesti dicapai sebelum tahun 1990 untuk mewujudkan suatu peluang pekerjaan yang menggambarkan penglibatan daripada berbagai kaum yang tinggal di Malaysia. Jadi Malaysia mesti memiliki dan menguasai ekuiti sebanyak 70% modal dengan bumiputera memegang sekurang-kurangnya 30%. Dalam hal ini, berapa banyakkah yang telah diperuntukkan kepada Bumiputera di Sarawak, terutama dari masyarakat kaum Iban? Adakah faedah program restuan ini sudah dilanjutkan kepada Sarawak? Berapa banyak senarai syarikat awam yang mempunyai oleh kaum orang Dayak? Jawapannya mudah, sekali ialah tidak ada.

Pendapatan yang tidak seimbang

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990 tidak ada data menunjukkan pendapatan rumahtangga bagi negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, mengikut Jabatan Statistik, Sarawak bahawa kaum Iban di luar bandar mempunyai jumlah kasar purata pendapatan bulanan dalam 1984 hanya \$546 mean dan \$399 medium, yang paling rendah di kalangan semua kaum di Sarawak. Bagaimana dalam tahun 1987 perangkaan pendapatan rumahtangga bagi kaum Iban di luar bandar telah bertambah dari \$680 mean dan \$471 medium. Jika dibandingkan dengan Bumiputera di Semenanjung Malaysia bahawa pendapatan rumahtangga sebanyak \$852 mean dan \$581 medium jurang perbezaannya sangat tinggi kepada Sarawak.

Pekerjaan

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pekerjaan tidak ada data menunjukkan bahawa jumlah kasar kaum ethnik dalam Rancangan Malaysia Kelima, sama juga di seluruh Malaysia. Ini bermakna menunjukkan bahawa bahagian untuk Bumiputera dalam bidang pekerjaan telah ditimbulkan dengan membuka pembangunan tanah baru dan kegiatan pemulihan diambilalih oleh FELDA, FELCRA, RISDA dan badan agensi Persekutuan lain dalam pembangunan kawasan. Bila kita menyelidiki kegiatan badan agensi Persekutuan ini di Sarawak ialah sangat sedikit atau boleh dikatakan tidak ada ini telah dikerjakan.

Dalam bidang perkhidmatan pentadbiran di negeri Sarawak, tidak ada pegawai kaum Iban yang dapat gaji tinggi lingkungan skel A9 sampai ke A4 dari jumlah 17 orang pegawai. Ada 262 jawatan skel A22 hingga A4, hanya 46 jawatan bermakna 17.45% jawatan pegawai yang dipenuhi oleh kaum Iban. Jawatan yang paling tinggi dipegang oleh kaum Iban dalam perkhidmatan ialah skel A10.

Pelajaran

Tuan Yang di-Pertua, mengikut kepada statistik yang terdapat dari Jabatan Pendidikan, pendaftaran di kalangan murid sekolah bangsa Iban terutama dalam sekolah menengah dalam tahun 1986-1987 hanya 11%. Di bawah jumlah purata dalam negeri Sarawak murid sekolah kaum Iban adalah yang paling rendah dalam kehadiran sebanyak 9.66% di antara semua kaum ethnik di Sarawak. Angka terakhir menunjukkan kebanyakan jumlah dari 46 pegawai Iban dalam skel A dalam perkhidmatan pentadbiran negeri tidak mempunyai ijazah. Perkara begini mestilah diberi peluang dalam pembahagian melanjutkan pelajaran dan latihan kepada kaum Iban.

Memiliki Syarikat Berhad

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990 menunjukkan kepada kita bahawa kaum Bumiputera perseorangan hanya memiliki syer modal sebanyak 10% dalam tahun 1985 dan agensi amanah Bumiputera 7.7% syer dalam tahun 1985 iaitu kerana banyak Bumiputera mempunyai syer persendirian dalam Amanah Saham Nasional melalui Permodalan Nasional Berhad. Di antara semua kaum Bumiputera tidak boleh dapat menunjukkan penyertaan kaum ethnik. Itu adalah menunjukkan hanya sebahagian kecil sahaja kaum Iban yang akan menyertai sebarang skim, kalau ada.

Perdagangan, Industri dan Masyarakat Bumiputera

Ini pun sekali lagi Kerajaan tidak mempunyai data yang dapat menunjukkan penyertaan Bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Oleh yang demikian latihan khas luar bagi Bumiputera mestilah diperluaskan bagi negeri Sarawak dengan bantuan yang diberi melalui Bank Pertanian, Bank Pembangunan Malaysia, MARA dan seterusnya untuk tujuan pembangunan tanah. Dalam hal MARA peruntukan bagi tempoh tahun 1986 hingga tahun 1988 mengikut kepada kumpulan kaum ethnik adalah seperti berikut:

Kaum Melayu/Melanau dapat \$8 juta

Iban—\$1.2 juta

Bidayuh—\$600,000

Orang Ulu—\$500,000

Angka ini menunjukkan perbezaan dalam pembahagian bantuan kewangan di bawah program MARA di Sarawak. Kalau mengikut asas daripada jumlah penduduk ini adalah satu kegagalan bagi agensi ini untuk memberi perubahan bantuan kepada semua kaum ethnik di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kesimpulan bahawa ini menunjukkan dengan tepat sekali bahawa ini mempunyai sedikit kesan dalam usaha Kerajaan mengurangkan atau membasmi kemiskinan di Sarawak. Ini boleh kita lihat dan rasa bahawa matlamat Dasar Ekonomi Baru kebanyakannya tidak dapat dicapai dengan sepenuhnya.

Mengikut statistik, perbelanjaan Kerajaan Persekutuan di antara tahun 1981 hingga 1985 bagi pembasmian kemiskinan adalah sebanyak \$11,617.66 juta dan menyusun semula masyarakat sebanyak \$6,666.39 juta. Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan untuk pembangunan dalam tahun 1981 hingga 1985 kepada negeri Sarawak hanya \$3,285.59 juta iaitu 6.7% dari jumlah purata peruntukan perbelanjaan negeri Sarawak, sebanyak \$49,254 juta bagi tahun 1986-1990.

Negeri Sarawak hanya mendapat pembahagian sebanyak \$2,630.87 juta iaitu 6.56% dari jumlah peruntukan sebanyak \$40,075.41 juta. Oleh yang demikian, saya minta Kerajaan Persekutuan dalam menyediakan peruntukan perbelanjaan untuk Rancangan Malaysia Keenam harus diberi pertimbangan yang sepenuhnya kepada negeri Sarawak, yang masih ketinggalan dalam bidang pembangunan jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain dalam Malaysia. Oleh itu, peruntukan yang tinggi sepatutnya diberi kepada negeri Sarawak, bahkan orang asli dan Bumiputera-Dayak dan Iban sebagai tumpuan khas bila merangka Dasar Ekonomi Baru selepas tahun 1986.

Apa yang kita mahu capai dan lihat ialah Malaysia bukan hanya terdiri daripada satu atau dua kaum masyarakat sahaja tetapi kepada semua masyarakat dalam perkataan kita adalah rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marudu.

5.51 ptg.

Tuan Joe Ojhi Supiring (Marudu):

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut mengambil bahagian di dalam perbahasan Usul Terima Kasih di atas Titah Ucapan Di-Raja bagi Parlimen Ketujuh Penggal Ketiga dengan penuh takzim dan rendah diri.

Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada pergolakan politik semasa kita harus sentiasa bersikap yang sentiasa konsisten serta keinsafan yang sentiasa menjunjung kepentingan bersama iaitu bangsa dan negara dan mengatasi kepentingan. Oleh itu sebagai rakyat yang cintakan kedamaian, kestabilan dan kesejahteraan bersama maka saya mengambil kesempatan merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di Dewan yang mulia ini memikirkan tentang masalah semasa yang kita hadapi sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ekonomi akhir-akhir ini sedang meningkat pulih walaupun negara ini semakin hari semakin banyak cabaran terutama sekali jika kita pandang daripada sudut nilai matawang kita sekarang. Walaupun nilai ringgit kita begitu rendah berbanding dengan negara-negara jiran ini tetapi sebaliknya ia akan lebih merancang rayat negara ini supaya lebih berhati-hati dan ianya memberi faedah kepada barangan eksport kita. Namun demikian Kerajaan haruslah juga menitikberatkan tentang usaha mengekalkan mutu ringgit kita supaya ianya tidak mengakibatkan devalue.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Kebawah Duli saya anggap sebagai satu galakan yang cukup jelas bagi semua lapisan masyarakat Malaysia. Titah Kebawah Duli telah menyentuh tentang faktor-faktor penting, antaranya masalah negara tentang pendatang-pendatang tanpa izin, kemiskinan rakyat luar bandar dan cabaran bagi negara kita untuk menghadapi krisis pemasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu menyampaikan rasa bangga daripada rakyat Sabah khususnya kawasan saya sendiri. Tindakan dari Kerajaan bagi mengadakan naval base di Sabah dan tindakan ini memang kena pada masa yang tepat kerana masalah rompakan dan serangan-serangan liar oleh orang-orang asing hanya dapat ditentukan kawalannya dengan adanya pengawal yang kemas dan lengkap.

Saya sedar bahawa perkara ini memang saya telah timbulkan dalam persidangan Parlimen pada tahun 1986 dan pada pandangan saya naval base ini haruslah diletakkan dalam kawasan yang sesuai dan strategik. Jika kita lihat dari kesenian segi geographical dan peta geographical Sabah menunjukkan base ini haruslah diletakkan dalam kawasan pertengahan Sabah di antara pantai timur dan barat dan kawasan yang sesuai sekali ialah memang kawasan Kudat dan saya juga berpendapat kawasan Kudat mempunyai banyak kelebihan, antara lainnya ia mempunyai kepulauan yang strategik sekali seperti Pulau Belambangan dan Pulau Banggi dan di mana saya sendiri pernah mencadangkan kesesuaiannya dahulu. Keadaan lautannya juga memang saya percaya akan diambil kira malahan penting sekali. Dalam hal ini kawasan Kudat agak sesuai sekali kerana Teluk Marudu adalah Teluk yang besar dan dianggap kawasan yang strategik. Oleh itu saya mencadangkan kepada Kementerian Pertahanan supaya ianya diletak naval base ini di dalam kawasan Kudat.

Saya juga memang sedar bahawa tindakan Kerajaan Negeri Sabah untuk mengadakan amnesty bagi rakyat Indonesia yang bekerja dan berada di Sabah amat berfaedah bagi negara ini. Walaupun sambutan pada awalnya amat lembap sedikit tetapi pada hari ini ianya didapati sangat berkesan bagi mengesan pendatang-pendatang Indonesia yang datang tanpa izin.

Dan dorongan daripada Kerajaan pusat terhadap hal ini amatlah disanjung tinggi. Dalam hal yang lain saya berpendapat amnesty ini juga haruslah digunakan atau dikenakan terhadap rakyat Philippines yang berada di Sabah kerana yang sebenarnya rakyat inilah yang banyak sekali di antara pendatang-pendatang daripada negara jiran ke Negeri Sabah. Saya berpendapat Kerajaan Persekutuan harus membantu Kerajaan Negeri supaya pihak Kerajaan Philippines dapat mengadakan wakil diplomatnya di Sabah bagi maksud ini supaya penyelarasan amnesty kepada rakyat Philippines dijalankan dengan teliti dan cepat.

Saya percaya sikap-sikap daripada orang-orang asing ini yang mencuri atau merampas perahu-perahu besar daripada para nelayan kita juga disebabkan mereka mungkin tidak mampu balik ke negeri mereka bagi mendapat dokumen atau mengurus dokumen yang sah dan lain-lain keperluan mereka dengan Kerajaan Philippines. Dalam hal ini saya mohon bijaksana Kementerian Dalam Negeri supaya mengambil langkah yang positif terhadap perkara ini. Baru-baru ini saya terbaca dalam suratkhbar bahawa Kerajaan Indonesia walaupun kita sudah adakan amnesty bagi mereka, tetapi Kerajaan Indonesia masih meminta supaya Kerajaan Negeri Sabah lebih mengawasi kemasukan rakyat-rakyat Indonesia di Sabah. Ini kerana masih terdapat beribu-beribu rakyat Indonesia yang diseludup masuk oleh pihak penguasa ladang-ladang yang besar di negara ini.

Pada pendapat saya ini hanyalah dapat diatasi melalui kuasa imigresen yang ada pada Kerajaan Negeri Sabah. Dalam konteks ini saya sekali lagi mencadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri, walaupun saya pernah mengutarakan beberapa kali, menimbulkan perkara ini beberapa kali dalam Dewan ini dan kali ini saya sekali lagi mencadangkan

kepada Kementerian Dalam Negeri supaya kuasa imigresen dalam Negeri Sabah mestilah dikembalikan kepada Kerajaan Negeri untuk mengemas-kini masalah freeflow pendatang-pendatang tanpa izin ke Negeri Sabah.

Saya percaya dan sesungguhnya saya menimbulkan hal ini bukanlah semat-mata bahawa saya memikirkan dengan adanya kuasa imigresen yang dipulangkan atau dikembalikan kepada Kerajaan Negeri Sabah bahawa itu adalah kepentingan semata-mata Kerajaan Negeri, tetapi ini adalah satu kepentingan bersama umumnya Kerajaan Malaysia. Tujuan ini ialah mengemaskini dan mengawal inflow pendatang-pendatang tanpa izin. Saya percaya mengikut Constitution yang ada pada Kerajaan Negeri maka adalah sepatutnya Kerajaan Negeri yang berhak memegang kuasa imigresen Negeri Sabah yang mana terdahulunya telah dikembalikan diserahkan oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri yang lalu.

Sebenarnya, memang sepatutnya ia diselenggarakan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan keselamatan rakyat Malaysia pada umumnya yang berada di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Sabah amat hairan sekali tentang peruntukan sebanyak \$59 juta yang diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan di Sabah pada tahun lalu yang tidak terpakai atau tidak digunakan, tidak dilaksanakan. Malahan saya sendiri hairan, saya percaya ianya tercatat dalam *Hansard* sidang Parlimen bahawa hampir kesemua Ahli Parlimen atau wakil dari Sabah yang sentiasa menimbulkan masalah kekurangan sekolah, merungut tentang masalah kekurangan sekolah, kelas, kelengkapan darjah di sekolah dan sebagainya. Tetapi lazimnya jawapan daripada Kementerian selalunya mengatakan belum ada

peruntukan lagi. Saya ingin bertanya, apakah sebab sebenar wang yang berjumlah besar ini tidak terpakai.

Tuan Yang di-Pertua, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah bertitah menyarankan simpatinya terhadap masalah rakyat Malaysia di luar bandar dan saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri lebih-lebih bersimpati lagi. Ini memang jelas atas pemberian peruntukan yang baru-baru diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri. Beliau telah mengumumkan satu program penting seperti rancangan pemulihan kampung. Saya ucapkan terima kasih kepada inisiatif Timbalan Perdana Menteri. Walaupun memang peruntukan itu nampaknya besar, tetapi pada kiraan terperinci ianya amat kecil sekali. Kalau kita hitungkan daripada jumlah rakyat yang miskin, saya percaya ini amatlah kecil sekali.

Saya ketahui bahawa Sabah sudahpun diberi peruntukan sebanyak \$3 juta khusus bagi program tersebut. Tetapi angka ini amat kecil kerana Sabah adalah kawasan yang mempunyai angka besar orang yang miskin. Oleh itu saya memohon kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya peruntukan ini dapat ditambah jumlahnya ke angka sekurang-kurangnya \$10 juta bagi negeri Sabah. Saya percaya Yang Amat Berhormat sedia maklum bahawa kawasan Murudu sendiri akan memerlukan sekurang-kurangnya \$3 juta daripada peruntukan ini untuk memperbaiki taraf kehidupan rakyat Malaysia khususnya dalam kawasan tersebut yang mana masih ramai duduk dalam keadaan tidak sihat. Dalam hal ini saya memohon jasa baik Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya dapat menghulurkan peruntukan ini kepada kawasan yang saya maksudkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya pernah memohon kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bagi kawasan Tajau, Luruh dan Tiga Papan supaya dapat dibekalkan atau disambungkan tenaga. Saya percaya dengan adanya bantuan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ke atas pembangunan ini maka permohonan ini dapatlah diluluskan.

Saya juga merayu kepada Kementerian Perhubungan dan Kementerian Kerjaraya Persekutuan supaya dapat mengatasi masalah kerosakan jalan atau Highway dari Kota Belud ke Kudat. Pada masa ini highway ini sangat rosak berlubang dan banyak terputus. Saya kluatir kerana terdapat penduduk daripada lima daerah ini yang bisung dan memaki pemimpin-pemimpin terutama sekali kami yang ada di Sabah. Atas alasan ini mereka katakan Kerajaan kita tidak cekap. Oleh itu, saya minta kepada tindakan positif Menteri Kerjaraya supaya mengambil langkah yang cepat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Ipoh.

6.05 ptg.

Tuan P. Patto (Ipoh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian atas Usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap dan saya ingin menyentuh beberapa perkara yang saya fikir perlu.

Yang pertama, Tuan Speaker, dalam Titah Ucapan Diraja terdapat perkataan "demokrasi" digunakan untuk membayangkan falsafah Kerajaan, untuk membayangkan kepercayaan Kerajaan kepada sistem politik. Demokrasi yang disebut dalam dasar Kerajaan itu bukanlah satu-satunya yang boleh dianggap atau dituntut sebagai hak orang-orang yang

memerintah sahaja. Demokrasi bukanlah harta pusaka parti yang memerintah. Makna demokrasi adalah luas. Dalam satu-satu sistem demokrasi tentu adanya parti yang memerintah dan parti pembangkang. Dan apabila terdapat parti yang memerintah dan parti pembangkang maka masing-masing mempunyai hak untuk memegang kepada fahaman politik masing-masing, fahaman politik yang boleh berbeza. Juga dalam sistem demokrasi tulen mereka juga bebas memperjuangkannya menerusi lunas-lunas demokrasi dan menerusi dalam lingkungan undang-undang negara.

Apabila kita sebut tentang undang-undang negara, undang-undang dalam sistem demokrasi berparlimen dibuat oleh Parlimen, Parlimen yang dianggotai oleh Wakil yang dipilih oleh rakyat. Tetapi undang-undang yang digubal dan diluluskan oleh Parlimen bukanlah bererti kesemuanya undang-undang yang sihat belaka. Ada orang yang mengutarakan lojiknya bahawa undang-undang yang bercorak zalim seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) adalah undang-undang yang dibuat oleh Parlimen, Dewan Perundangan yang tertinggi dalam negeri kita. Betul setakat itu, tetapi apakah undang-undang itu tidak zalim, apakah undang-undang itu undang-undang yang baik dan bukan yang buruk. Kalau lojiknya setiap undang-undang yang dibuat oleh Parlimen itu semuanya baik dengan menggunakan kuasa berlebihan atau, dengan izin, brute majority yang ada pada tangan parti yang memerintah maka undang-undang yang dibuat oleh Hitler pun boleh digunakan lojik yang sama. (*Tepuk*) Pada hal undang-undang yang dipegang kuat dan dilaksanakan oleh Hitler seluruh dunia mengetahuinya.

Jadi, saya berharap kalau sekiranya ada orang-orang yang mahu mengutarakan logik seumpama itu

fikirlah dua kali. Kalau tidak, saya tidak teragak-agak untuk mengatakan orang yang mempunyai fahaman dan fikiran seumpama itu tidak berbeza daripada Hitler.

Tuan Speaker, parti Pembangkang yang mempunyai fahaman politik yang berbeza dan yang berhak untuk memperjuangkannya dalam sistem demokrasi berparlimen, di dalam negara ini nampaknya anggota-anggotanya, khususnya anggota-anggota Parti Pembangkang DAP yang dipilih oleh rakyat dan di mana dalam Pilihanraya Umum yang lalu parti ini yang mengutarakan fahaman politiknya kepada para pengundi telah dapat menggondol hampir sejuta undi dan di dalam angka peratusannya ialah 20% daripada undi sah dalam Pilihanraya Umum itu. Dari segi ini, maka satu-perlima daripada undi sah yang dibuang dalam Pilihanraya Umum, 1986 itu adalah undi yang diberi kepada perjuangan DAP dan itu adalah sah.

Sebentar tadi—hari ini—saya ada mendengar suara dalam Dewan ini yang cuba mencabar, cuba mengatakan parti DAP adalah parti yang tidak mahukan perpaduan negara, seolah-olah parti DAP ini adalah penghancur negara, seolah-olah parti DAP ini adalah pengacau dalam negara, seolah-olah parti DAP mempunyai pemimpin-pemimpin yang suka mengungkit-ungkitkan perasaan perkauman dalam negara. Kalau itulah sikap Ahli Yang Berhormat yang menggunakan perkataan-perkataan tadi itu, dan kalau beliau jujur berpegang kepada apa yang dia katakan itu, maka saya mencabar kepada beliau supaya menyerahkan dalam Dewan ini kepada Menteri Dalam Negeri, Pemangku Menteri Dalam Negeri supaya mengharamkan sahaja DAP, kalau berani (*Tepuk*). Kalau mereka berani berbuat demikian, maka bererti mereka mengharamkan 20% pengundi dan

menyokong dasar DAP (*Tepuk*). Tuan Speaker

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun. Nanti sekejap, Tanah Merah, hendak apa?

Tuan Hashim bin Safin: Minta Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada beri jalan?

Tuan P. Patto: Siapa dia, Tuan Speaker?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tanah Merah minta penjelasan.

Tuan P. Patto: Tanah apa?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

Tuan P. Patto: Tanah Merah, tidak. Saya minta maaf.

Tuan Hashim bin Safin: Kalau adil bagilah bercakap, jangan bercakap sebelah pihak. Sekadar penjelasan, tadi baru sebut demokrasi, dalam Dewan kita berbahaslah.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, dia tidak beri. Duduklah, ya.

Tuan Hashim bin Safin: Tidak, saya hendak beri hujah sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ipoh, teruskan.

Tuan Hashim bin Safin: Inilah bukti tidak adil.

Seorang Ahli: Bodoh.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ipoh, teruskan.

Tuan P. Patto: Terima kasih, Tuan Speaker. Tak mengapalah, Tuan Speaker, kalau kami dituduh bodoh, betul kata dia—betul. Bodoh kerana kami tidak rasuah (*Tepuk*), bodoh kerana kami tidak menipu sesiapa dan terus ke Penjara Pudu. Kalau kami bodoh, bodohlah, saya terima. Kebodohan kami itu, itulah. Tetapi kami bukan bodoh untuk takut mengutarakan.....

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, perkataan "tipu" unparliamentary.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, Arau hendak apa?

Tuan Shahidan bin Kassim: Perkataan "tipu" unparliamentary.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Duduk, Ahli Yang Berhormat dari Arau. Saya rasa, Ipoh teruskan, tak ada apa-apa.

Tuan P. Patto: Terima kasih, Tuan Speaker. Nampaknya sahabat saya dalam Dewan ini daripada Arau mungkin, walaupun saya hendak tafsirkan dan menggolongkan dia sebagai sahabat, dia tak mahu, tetapi merekalah yang menyuarakan dalam Dewan ini tentang perpaduan dan walaupun saya mempunyai fahaman politik yang jauh berbeza.

Tuan Shahidan bin Kassim: Okay, sahabat, penjelasan.

Tuan P. Patto: Tidak ada, saya tak beri jalan.

Tuan Shahidan bin Kassim: You sebut nama saya tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tak beri jalan, Yang Berhormat. Biarlah dia teruskan dahulu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Bukan, kalau sebut nama.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Boleh bagi penjelasan, Yang Berhormat?

Tuan P. Patto: Saya tak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Arau, biar dia teruskan. Teruskan, Ipoh.

Tuan P. Patto: Tak apalah, saya ini penakut. Ya, saya penakut, saya takut tipu orang, saya takut berasuah, saya takut melakukan kezaliman ke atas orang-orang lain. (*Tepuk*)

Tuan Hu Sepang: Hear! Hear!

Tuan P. Patto: Apa lagi hendak katakan, saya takut.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Biar Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, menjawab. Ahli Yang Berhormat dari Rasah, jangan kuat sangat—tepuik meja itu jangan kuat sangat.

Tuan P. Patto: Apa lagi hendak cakap takut? Saya tak mahu beri jalan kepada orang-orang yang bercakap dengan anda seolah-olah dia menjual ubat sepertimana rakan saya Ahli dari Rasah mengatakan tidak. Saya tidak beri, sebab saya sudah memandangkan dua hari selepas saya kembali ke dalam Dewan ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan.

Tuan P. Patto: Saya tidak memberi jalan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Siapa jual ubat, Rasah yang jual ubat, bukan kita.

Tuan P. Patto: Entah apa yang saya hendak cakap, Tuan Speaker, kalau saya dikatakan takut, itulah jawapan saya takut. Saya dan enam orang

rakan-rakan saya dalam Parlimen pernah dipenjarakan tanpa berbicara selama 6 bulan, ada yang 8 bulan, ada yang 15 bulan dan di antara tujuh Ahli Parlimen yang pernah dizalimi oleh Undang-undang ISA, dua orang Ahli Parlimen kita, walaupun mereka berdua adalah anggota Parti Pembangkang, seorang daripadanya Ketua Pembangkang Parlimen dan anaknya Ahli Parlimen Kota Melaka masih lagi dalam tahanan, masih lagi dizalimi tanpa bicara di dalam Kem Tahanan Kamunting.

Tuan Speaker, dalam tahun 1987, pada bulan Oktober, di bawah operasi yang digelar "Operasi Lalang", seramai 106 orang ditangkap daripada berbagai lapisan masyarakat, termasuklah seorang-dua daripada anggota komponen Barisan Nasional, pemimpin-pemimpin masyarakat, orang-orang yang memperjuangkan supaya negara ini bersih, mereka yang mahu udara yang bersih dan air yang bersih, pejuang-pejuang politik yang fahaman politiknya berbeza dengan parti yang memerintah—106 orang itu dizalimi.

Pada penghujung tahun 1987, 80 orang.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti sekejap, Yang Berhormat dari Tanah Merah hendak apa?

Tuan Hashim bin Safin: Minta penjelasan mengenai udara yang bersih, air bersih. Boleh atau tidak.

Tuan P. Patto: Tidak

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak apalah, dia tidak beri. Sila teruskan Yang Berhormat dari Ipoh.

Tuan Hashim bin Safin: Cakap dia tidak bersih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, saya bukanlah pakar Bahasa Malaysia, tetapi saya rasa bahasa yang saya menggunakan sekarang ini dapat difahami oleh sahabat saya dari sebelah sana. Kalau beliau tidak faham juga bahasa saya ini, saya tidak boleh buat apa-apa, melainkan Tuan Speaker sendiri menasihatilah apa yang harus dibuat. (*Tepuk*)

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tanah Merah, apa yang dia tidak faham?

Tuan Hashim bin Safin: Bukan soal tak faham, soal dalam perkara boleh disentuh, berilah peluang demi keadilan salah satu unsur yang diperjuangkan oleh DAP. Kita.

Tuan P. Patto: Ini apa dia, Tuan Speaker.

Tuan Hashim bin Safin: Saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia minta penjelasan.

Tuan P. Patto: Saya tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri. Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta kepastian sepanjang percakapan, Yang Berhormat tidak benarkan kita minta penjelasan. Kalau begitu saya tidak ganggu lagilah.

Tuan P. Patto: Ya.

Tuan Hashim bin Safin: Okaylah, terima kasih.

Tuan P. Patto: Sama-sama. (*Ketawa*) Tuan Speaker, dari 40 orang yang masih ditahan terdapat 2 anggota

Parlimen di dalam Kem. Penangkapan dan penahanan orang-orang ini menjadi tumpuan seluruh dunia, tumpuan anggota-anggota Parlimen negara-negara Komanwel, tumpuan anggota-anggota Parlimen Inter-Parliamentary Union, dengan izin; tumpuan Amnesty International, tumpuan Asia Watch dan lain-lain badan di seluruh dunia. Sehingga badan-badan ini ada di antaranya yang menghantar wakil ke Malaysia supaya berjumpa dengan bukan sahaja pihak yang memerintah tetapi juga pihak yang dizalimi pun. Kenapa ini semua berlaku. Kesimpulan saya ialah kerana ada orangnya yang begitu asyik hendak pegang kepada kuasa, bukan lain, maka orang lain dizalimi.

Tuan Speaker, dalam hal ini, beberapa hari dahulu Timbalan Perdana Menteri pernah mengeluarkan kata-kata yang amat mengelirukan. Satu daripadanya ialah beliau mengatakan bahawa orang-orang tahanan ISA yang menurut beliau adalah 150 orang hanya akan dibebaskan jika Kerajaan berpuas hati bahawa mereka tidak lagi mengancam keselamatan.

Yang pertama, setahu saya tidak lebih daripada 57 orang sahaja yang tinggal dalam Kem Tahanan Kamunting sekarang. Setahu saya seorang lagi masih dalam tahanan, dengan izin, di Police Remand Centre, Batu, Kuala Lumpur. Orang yang di tahan di Police Remand Centre, Batu ialah seorang tahanan ISA yang pernah ditahan bukan selama setahun, dua tahun, tetapi lebih 10 tahun. Nama beliau ialah Heng Boon Lean.

Sewaktu saya berada di dalam Kem Tahanan Taiping, beliau dipindah dari Kem Tahanan Taiping ke PRC, Kuala Lumpur dengan alasan kononnya beliau akan dibebaskan daripada PRC, Kuala Lumpur. Tetapi sehingga hari ini setahu saya belum lagi beliau dibebaskan dan masih lagi ditahan di PRC dan di PRC beliau kehilangan segala hak-hak yang ada sedikit

sebanyak yang terdapat di dalam Kem Tahanan iaitu membaca akhbar tempatan, bebas berjumpa dengan orang-orang tahanan lain dalam kawasan tersendiri. Hak itu semua habis dan beliau dikurung seolah-olah beliau ditahan di bawah Sesyen 73 Akta Keselamatan Dalam Negeri dan bukan seperti ditahan di bawah Seksyen 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri di mana, dengan izin, Internal Security (Detained Persons) Rules 1960 akan berkuatkuasa. Di Police Remand Centre undang-undang ini tidak berkuatkuasa langsung. Setahu saya yang berkuatkuasa ialah Lock-up Rules. Apakah seorang tahanan ISA yang ditahan di bawah Seksyen 8 tidak berhak untuk mendapat faedah sedikit sebanyak atau hak sedikit sebanyak yang terdapat di dalam Rules ini. Mengapa kezaliman ini diteruskan dengan lebih dahsyat lagi ke atas Heng Boon Lean?

Saya beralih kepada dua orang Ahli Parlimen di dalam Kem Tahanan Kamunting dan saya juga beralih kepada kata-kata Timbalan Perdana Menteri, "jika Kerajaan berpuas hati bahawa mereka tidak lagi mengancam keselamatan", siapakah yang mengancam keselamatan pada hari ini? Orang yang dikatakan mengeluarkan kata-kata yang boleh mengancam keselamatan dan pernah juga pada satu ketika tidak bersetuju dengan pihak Kerajaan hari ini dipelawa masuk ke dalam parti pemerintah, UMNO; tidak lain tidak bukan bekas Timbalan Perdana Menteri yang pernah membuat ucapan di Hong Kong yang digelar sebagai mengancam keselamatan, hari ini kawan baik.

Tuan Speaker, apakah penahanan kedua-dua Ahli Parlimen ini mengancam keselamatan? Apakah pembebasan kedua-dua Ahli Parlimen itu akan membawa porak-peranda ke dalam negara ini? Apakah dua orang ini boleh menghancurkan negara? Apakah dua orang ini boleh merampas kuasa negara ini?

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order. Saya mencabar keputusan Timbalan Yang di-Pertua semalam yang tidak boleh menyebut perkara itu di bawah Peraturan 36 (2).

Beberapa Ahli: Duduk!

Tuan Shahidan bin Kassim: Siapa hendak duduk?

Tuan P. Patto: Tuan Speaker.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua kelmarin buat keputusan, hari ini hendak tarik balik. Di manakah letaknya keputusan Tuan Yang di-Pertua semalam. Semalam

tidak boleh bercakap, kenapa hari ini boleh bercakap?

Tuan P. Patto: Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Minta duduk Yang Berhormat dari Arau.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Ipoh, duduk! Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.